



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 18

Rabu

12 Disember 2018

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 2)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2019	(Halaman 33)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 12 Disember 2018**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMAHSYURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“10 Disember 2018

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. (D.R. 24/2018) Rang Undang-undang Kewangan 2018;
2. (D.R..22/2018) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018;
3. (D.R. 23/2018) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2018;
4. (D.R. 30/2018) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan)(No.2) 2018;
5. (D.R. 31/2018) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2018;

6. (D.R. 28/2018) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2018;
dan
7. (D.R. 29/2018) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan)
2018.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Lim Hui Ying** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah cadangan yang telah dikemukakan oleh Majlis Penasihat Kerajaan- *Council of Eminent Persons*, kepada Kerajaan Persekutuan setakat kini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, yang bertanya tentang, apakah cadangan yang telah dikemukakan oleh Majlis Penasihat Kerajaan ataupun *Council of Eminent Persons* (CEP) kepada Kerajaan Persekutuan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) telah tamat melaksanakan tugas mereka pada 19 Ogos 2018 yang lalu. Sehingga tarikh akhir tersebut, seramai lebih kurang 350 individu daripada 200 buah organisasi telah dijemput untuk memberi taklimat atau pandangan mereka kepada CEP agar cadangan-cadangan CEP dapat mengambil kira pandangan sebenar peringkat akar umbi yang benar-benar mewakili

denyut nadi rakyat. Ini membolehkan CEP menerima pelbagai input merentasi pelbagai bidang.

Dengan itu, CEP telah menubuhkan pasukan-pasukan petugas khas untuk mendalami dan mengkaji isu-isu berkaitan, termasuk projek mega seperti Projek Pembinaan Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL).

Selain itu, Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) yang ditubuhkan di bawah CEP pada Mei 2018 adalah merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi utama negara. IRC telah mengemukakan cadangan-cadangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Ogos 2018. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, IRC dianggotai oleh lima orang tokoh tanah air iaitu:

- (i) Dato K. C. Vohrah, mantan Hakim Mahkamah Rayuan.
- (ii) Dato Mah Weng Kwai, mantan Hakim Mahkamah Rayuan dan juga Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia.
- (iii) Brig Jen (B) Datuk Mohd Arshad Raji, Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan.
- (iv) Datuk S. Ambiga, Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia Kebangsaan dan juga mantan Presiden Majlis Peguam; dan
- (v) Professor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi, Pakar Perlembagaan dan Pensyarah Undang-undang.

Sehingga kini, pihak IRC telah mengemukakan laporan berkaitan sembilan institusi penting iaitu:

- (i) Parlimen Malaysia;
- (ii) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR);
- (iii) Badan Kehakiman atau Mahkamah;
- (iv) Jabatan Peguam Negara (AGC);
- (v) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);
- (vi) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (vii) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- (viii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM); dan
- (ix) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

Sejumlah 223 cadangan daripada IRC berkaitan dengan skop kerja *governance*, integriti dan pencegahan rasuah di selaras dan di pantau oleh Pusat *Governance*, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Keputusan dasar berkenaan cadangan-cadangan tersebut dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Seterusnya, keputusan dasar ini akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapat persetujuan kerajaan. Semenjak ditubuhkan pada 1 Jun 2018, JKKMAR telah bermesyuarat sebanyak lima kali. Fungsi JKKMAR ini adalah merangka dasar yang akan menangani pelanggaran integriti dan salah laku anggota kerajaan serta kementerian ataupun agensi kerajaan termasuk reformasi industri agensi kerajaan.

■1010

Sehingga kini sebanyak 61 keputusan dan inisiatif akan diputuskan oleh JKKMR untuk dilaksanakan. Antara keputusan yang dicapai adalah pemerkasaan institusi-institusi seperti mahkamah, Parlimen, SPRM dan Jabatan Audit Negara agar peranan lebih berkecuali dan dapat bertindak dengan lebih bebas. Inisiatif-inisiatif yang dipersetujui adalah penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis. Berperanan sebagai *ombudsman*, mekanisme pengisytiharan harta dan mekanisme pelaporan penerimaan hadiah.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus meneliti cadangan-cadangan pelaksanaan tersebut dari semasa ke semasa malah kerajaan juga akan berusaha untuk memastikan usaha-usaha reformasi ini dapat dicapai melalui dialog dan sokongan daripada semua pihak walaupun ianya mengambil jangka masa yang lama untuk dilaksanakan dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah nasihat Majlis Penasihat Kerajaan bagi fiskal *Federalism*, dengan izin, yang memperuntukkan lebih sumber kepada negeri bagi membangunkan ekonomi negeri masing-masing. Dalam beberapa dekad ini lebih kurang setiap 10 tahun negara kita telah dilanda krisis ekonomi pada tahun 1985, 1997 dan 2008.

Memandangkan bahawa kita telah memasuki tahun yang kesepuluh daripada krisis ekonomi yang terakhir, apakah pandangan Majlis Penasihat Kerajaan tentang krisis yang mungkin melanda negara kita, dan juga apakah dasar yang harus dilaksanakan bagi mengatasinya? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak spesifik. Minta maaf kerana pada waktu ini saya tidak ada jawapan rasmi untuk menjawab soalan itu sebab ia mungkin melibatkan juga maklumat-maklumat yang saya rasa lebih baik saya jawab dengan cara bertulis supaya maklumat itu lebih tepatlah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa soalan itu bukan spesifiklah. Soalan itu dalam rangkuman soalan asal, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah beri jawapan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak jawab bertulislah sebab saya rasa saya hendak jawab lebih *detail* lah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: [*Bangun*]

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Datuk Mustapa.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada 27 Ogos 2018 salah seorang Ahli Majlis Penasihat Kerajaan, Profesor Dr. Jomo telah menyatakan bahawa laporan 100 hari pentadbiran kerajaan yang disediakan oleh Majlis Penasihat Kerajaan tidak perlu didedahkan kepada umum kerana ia memberi laporan terus tanggungjawab mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Manakala pada 7 Disember 2018, pemimpin veteran DAP, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah menggesa supaya laporan 100 hari pentadbiran kerajaan tersebut didedahkan kepada umum bagi membolehkan rakyat mendapat maklumat yang jelas tentang perjalanan pentadbiran negara. Akan tetapi kemudiannya pada 9 Disember pula, Profesor Dr. Jomo mengeluarkan kenyataan balas bahawa laporan 100 hari pentadbiran kerajaan boleh didedahkan kepada umum.

Namun, terdapat dua perkara membabitkan undang-undang dan hubungan diplomasi antarabangsa yang perlu ditapis kerana mungkin disalahgunakan oleh pihak tertentu yang boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan negara luar.

Jadi soalan saya, apakah pendirian kerajaan berkenaan dengan laporan 100 hari pentadbiran kerajaan ini dan adakah sudah terdapat sebarang keputusan untuk mendedahkannya kepada umum ataupun tidak kerana rakyat bertanya-tanya di bawah ini. Apakah juga perkara-perkara yang membabitkan undang-undang yang boleh menyebabkan hubungan diplomasi antara negara dengan negara luar? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bertanya soalan yang amat baik itu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita perlu memahami pada asalnya CEP ditubuhkan adalah idea daripada Menteri, ia bersifat lebih kepada menasihati. Oleh sebab kita ini boleh dikatakan masa itu kerajaan yang agak baru dan juga mungkin kebanyakannya Menteri dan Timbalan Menteri ini mereka yang mungkin secara relatifnya lebih barulah.

Jadi masa itu Perdana Menteri merasakan bahawa perlunya ada mereka yang agak senior untuk memainkan peranan juga, memberikan nasihat kepada kerajaan maka sebab itu ditubuhkan apa yang dipanggil CEP itu atau Majlis Penasihat Kerajaan yang terdiri

daripada mereka yang berpengalaman dan mereka yang mempunyai banyak terbukti dalam kerjaya sebelum inilah.

Jadi mereka ini berperanan untuk menasihati kerajaan dan setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, segala yang mereka dapat hasil daripada input-input itu mereka telah membuat laporan tetapi laporan itu setakat ini hanya diberikan kepada Perdana Menteri sahaja dan Perdana Menteri pun untuk makluman Yang Berhormat, pada 27 Ogos 2018 telah menyatakan bahawa laporan CEP ini hanya diberikan kepada beliau sahaja sebab ia lebih kepada, CEP ini lebih kepada kuasa untuk *investigate*.

Jadi laporan itu diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil tindakan-tindakan yang perlu. Jadi tidak lagi keputusan untuk dijadikan *public* tetapi bagaimanapun saya rasa dalam suasana Malaysia baru sekarang ini mana-mana pihak boleh memberikan pendapat mereka bahawa mungkin laporan CEP ini boleh dikemukakan kepada publik cumanya akhirnya keputusan muktamad daripada pihak kerajaan.

Kita tidak ada masalah pun untuk pihak-pihak memberikan cadangan dan kita rasa ini bukan satu benda yang mungkin kata orang itu satu yang hendak cakap dalam bahasa kalau orang PAS kata ini macam hukum hudud yang tidak boleh ubahlah. Dia mungkin suatu hari nanti Perdana Menteri merasakan bahawa benda ini perlu diberikan kepada publik saya rasa mungkin juga benda ini boleh dijadikan sebagai satu dokumen untuk disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, di sini ada cadangan untuk membuat ...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Setakat ini tidak ada, setakat ini hanya kepada Perdana Menteri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih. Saya rasa saya tidak mahulah lebih-lebih kepada itu tetapi setakat ini memang itu sahaja.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan selamat pagi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan saya mengenai badan kehakiman, adakah Majlis Penasihat Kerajaan yang diketuai oleh Tun Daim bercadang untuk mengubah fasal 125, Perlembagaan Persekutuan supaya menaikkan umur persaraan untuk Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi dan kalau ada cadangan tersebut bilakah ia akan dibentang di Parlimen? Sekian, soalan saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Soalan ini tidak ada kaitan dengan CEP ini, saya pun hairan macam mana boleh tanya soalan berkaitan yang lain ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Ia cadangan daripada...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya minta arahan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri pun betul tetapi adakah cadangan dalam *Council of Eminent Persons* ini berkenaan dengan mahkamah. Ada atau tidak?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Menaikkan umur persaraan hakim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri tidak ada. *I am not privy to the...*

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa cadangan-cadangan itu adalah bukan untuk umum, so beliau pun tidak ada maklumat berkenaan. Saya harap Yang Berhormat faham.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih.

2. Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, inisiatif-inisiatif yang diambil untuk mempromosikan penggunaan panel solar di rumah kediaman selaras dengan prinsip Bandaraya Berkarbon Rendah dan sama ada kerajaan akan meminda garis panduan-garis panduan yang berkaitan seperti Garis Panduan Perancangan Perumahan 2014 untuk mewajibkan pemasangan panel solar.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakh Rudy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada soalan Yang Berhormat Senator tuan Chandra Mohan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pemasangan sistem solar *photovoltaic* atau solar PV di rumah-rumah kediaman termasuk melalui mekanisme *feed-in tariffs* dan *net energy metering*.

Berikutan kekangan dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) pemberian kuota solar melalui FIT telah ditamatkan pada tahun 2017. Pihak kementerian kini memberikan tumpuan kepada perluasan pelaksanaan NEM untuk pemasangan solar PV di rumah kediaman, premis, bangunan komersial dan juga industri melalui kaedah baru yang akan kita rasa meningkatkan lagi daya maju projek.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mewajibkan pemasangan panel solar melalui pindaan garis panduan yang berkaitan seperti Garis Panduan Perancangan Perumahan 2014, Kementerian Tenaga, Sains Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bersedia untuk berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Wilayah mengenai perkara ini. Terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu saya, kenapa saya bangkitkan ini ialah kalau kita tengok *SDG Index 2018* dan *Dashboard Reports* ini, *ranking* Malaysia pada daripada 157 *nations* dan salah satu sebab kenapa kita punya *ranking* itu rendah. Ini sedikit latar belakang kenapa kita punya *ranking* rendah ialah kerana *SDG6 on water scarcity on groundwater depletion* dengan *SDG7 on CO2 emissions*. Itu fasal saya tanya berkenaan dengan *solar panel*. Saya terima dengan baik jawapan Yang Berhormat Menteri.

Cuma soalan saya, kalau kita tengok *FiT* sudah diberhentikan. Selepas *FiT* diberhentikan, sama ada kerajaan ada lain-lain inisiatif, langkah-langkah untuk menggalakkan itu saya *very clear*. Sama ada insentif kepada rumah-rumah persendirian. Kalau dahulu kita ada *FiT*. Sekarang kalau kita pasang, adakah insentif daripada kerajaan kepada pengguna yang memasang *photovoltaic panel* itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya boleh tambah sedikit tentang- sekarang inisiatif kerajaan, daripada segi *FiT* kita ada berhentikan 2017. Sekarang kita memperkenalkan pelaksanaan *NEM* yang kerajaan merasakan lebih memberi keuntungan dan juga penggalakan untuk rakyat Malaysia menggunakan tenaga boleh diperbaharui. Kalau saya boleh sentuh sedikit, mekanisme pelaksanaan *NEM* sedia ada yang berasaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri. *NEM* itu?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: *Net energy metering*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: *Net energy metering* yang kita akan perkenalkan, yang berasaskan kos dahulu ia menggunakan *displace cost*, didapati kurang berdaya maju dan tidak berjaya untuk menarik penyertaan yang menggalakkan. Contohnya, macam solar.

Jadi sebab itu, kerajaan dengan mekanisme baharu, kita mahu menambah baik iaitu kita bermula pada 1 Januari 2019, lebih tenaga yang dijana dan dieksport ke grid akan menggunakan kaedah *one-to-one offset* iaitu inilah yang kita akan gunakan dalam NEM ini nanti berbanding *kadar displace cost* seperti yang diguna pakai sebelum ini.

Hasil daripada lebih eksport tenaga elektrik ini akan dikreditkan ke dalam bil pengguna dan boleh disimpan selama 24 bulan. Jadi, skim ini sebenarnya membolehkan penyertaan macam tadi Yang Berhormat Senator Chandra sebut, penyertaan daripada pelbagai kategori pengguna. Terutamanya domestik dan juga pertanian dan juga komersial dan juga industri untuk kita galakkan menggunakannya.

NEM ini menggunakan *first come first serve*, siapa dahulu yang datanglah. Jadi, kita percaya melalui penambahbaikan seperti ini akan lebih ramai individu dan juga pemilik bangunan komersial yang akan memasang solar PV di bangunan masing-masing. Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih. Saya satu soalan tambahan berkenaan dengan *net energy metering* dan juga untuk menggalakkan lebih banyak rumah. Sebenarnya, kalau *net energy metering* ini lebih bagus ataupun lebih senang bagi *large scale* ataupun pengguna di kawasan-kawasan yang besar.

Akan tetapi apa yang menjadikan kekangan buat masa ini adalah untuk domestik ataupun pengguna bahagian rumah sebab mereka perlu ada *return of investment* yang lebih bagus. Apakah tindakan pihak kementerian untuk membolehkan *financing mechanism* yang lebih bagus untuk memastikan lebih banyak *domestic user* untuk *subscribe* untuk *net energy metering* ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan. Oh, ini agak teknikal sedikit ya. Kita daripada segi *financing*, kita di MESTECC, kita memperkenalkan juga SARE. Cumanya saya sekarang ini tidak ada secara *detail* SARE ini dengan saya di sini. Saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak- tanggungjawab sosial Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial Tun Sambanthan Sungai Siput Utara, Perak ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharapkan lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Selamat datang.

3. Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin minta Menteri Pertahanan menyatakan, jumlah pelaburan yang dibuat oleh anak-anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera sehingga 31 Oktober 2018 serta sejauh manakah, pulangan dividen yang diperoleh LTAT untuk membayar faedah dividen caruman anggota dan pegawai tentera.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, [Puan Isnaraisah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat 31 Oktober 2018, jumlah pelaburan yang dibuat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di dalam 10 anak syarikat di bawahnya yang melibatkan pelbagai sektor industri dan dua perbadanan milik penuh LTAT iaitu Perbadanan Perwira Harta Malaysia dan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) yang terlibat dalam sektor pembinaan dan peruncitan adalah sebanyak RM5.1 bilion.

Dalam tahun 2017, LTAT menerima dividen sebanyak RM311.1 juta daripada anak-anak syarikatnya dan perbadanan LTAT, PPHM dan PERNAMA iaitu 45 peratus daripada jumlah keseluruhan dividen yang dibayar oleh LTAT kepada pencarum-pencarumnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Menteri dan Timbalan Menteri ini sudah beri alasan yang munasabah tidak dapat hadir ke Parlimen pada pagi ini. Oleh kerana itu, kalau ada soalan tambahan, izinkan pihak kementerian menjawab secara bertulis.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kemukakan soalan.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang mewakili MINDEF untuk menjawab soalan saya.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, semalam Menteri ada menjawab soalan yang lebih kurang sama di Dewan Rakyat yang mengatakan bahawa kemerosotan dividen LTAT ini kerana prestasi pasaran saham. Namun soalan tambahan saya kepada kementerian, berkenaan dengan Boustead Holdings Berhad, Boustead Plantations dan juga Affin Bank.

Oleh sebab kita tengok tiga buah syarikat ini merupakan entiti LTAT yang disenaraikan di BSKL dan kita lihat mengalami penurunan nilai pasaran ketara sejak enam bulan yang lalu akibat daripada tekanan pasaran, ketidakstabilan harga komoditi sawit, pasaran modal Malaysia yang lesu dan pengaliran keluar modal pelabur asing dari Malaysia.

Soalan saya, sejauh manakah pelan strategik pemulihan LTAT bagi membuat langkah mitigasi rosot nilai pasaran serta langkah *affirmative* yang akan diambil bagi menjamin kelangsungan teras perniagaan. Seterusnya saya ingin bertanya, sejauh

manakah kesan keputusan kerajaan untuk menangguhkan projek-projek mega infrastruktur kerajaan seperti *high speed railway* dan juga pemodenan aset strategik ATM?

Sejauh manakah ia memberi kesan kepada aliran tunai dan juga perolehan syarikat sehingga memberi kesan kepada nilai pasaran syarikat dan anak syarikat LTAT? Oleh sebab kita tahu bahawa Boustead dan juga beberapa anak syarikat yang lain merupakan anak syarikat yang dapat perolehan kerajaannya dan juga *businessnya* dengan kerajaan secara langsung.

Maka, banyak kesan ataupun banyak projek infrastruktur yang ditangguhkan seperti *high speed railway* memberikan kesan kepada Bandar Malaysia yang mana telah di *swap land* dengan kem di Senawang. Akhirnya, adakah ia memberikan kesan secara langsung kepada kejatuhan saham dan juga dividen di LTAT ini? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, saya harap akan kemukakan soalan itu kepada Kementerian Pertahanan bagi menjawab secara bertulis.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Ya, jawapan itu. Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

4. Dato' Sri Khairudin Samad minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, adakah kementerian mempunyai sistem pengurusan data usahawan atas talian dan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan untuk membantu memasarkan produk mereka keluar negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin. Soalan ini ada dua bahagian Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, ialah mengenai pangkalan data. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah agensi-agensinya yang berkumpul di bawah bumbung MED, masing-masing mempunyai pangkalan data mereka yang boleh diakses oleh klien-klien tertentu mereka.

■1030

Sebagai contoh di SMECorp kita ada SCORE, di INSKEN kita ada IPRO, TEKUN juga ada di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga ada. Kesemua pangkalan data ini hanya mengandungi maklumat-maklumat berkaitan usahawan yang telah menerima bantuan daripada agensi-agensi berkenaan.

Pangkalan data yang dimiliki oleh satu-satu agensi juga tidak dapat dicapai oleh agensi-agensi yang lain. Kementerian Pembangunan Usahawan telah melancarkan satu pelan kerja ataupun *National Entrepreneurship Framework* (NEF) yang telah dilancarkan pada 22 November yang lalu.

Di dalam *framework* ini, salah satu objektif strategiknya ialah merancang untuk memastikan pengumpulan data keusahawanan yang lengkap dan komprehensif bagi memastikan sebarang bantuan atau insentif yang diberikan oleh kementerian dan agensi sampai kepada golongan sasaran.

Seterusnya, kementerian juga berhasrat mewujudkan satu pangkalan data usahawan yang bersepadu pada pertengahan tahun depan dengan menggunakan sumber sedia ada di dalam kementerian dan juga agensi-agensi di bawah MED. Tugas ini dilaksanakan oleh bahagian *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) di bawah MED yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses pengautomasian lesen perniagaan untuk semua agensi kerajaan, sama ada Persekutuan mahupun negeri yang telah juga diberikan mandat untuk membangun dan mengemaskinikan satu pangkalan data usahawan nasional yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

Sementara ini kita panggil ini sebagai *National Entrepreneur Repository Database* yang akan dibuka secara talian ataupun *online*. Pangkalan data usahawan nasional ini di atas talian tadi yang sekarang dalam fasa pembangunan akan melibatkan integrasi ataupun *integration* dan *migration* keseluruhan input data usahawan nasional sama ada daripada SMECorp, INSKEN, Maktab Koperasi Malaysia dan lain-lain dikumpulkan di bawah satu sistem.

Selain daripada itu, sistem ini juga akan mengasingkan dan mengumpulkan segala input-input penting berkaitan usahawan di negara ini yang diyakini akan memanfaatkan bukan sahaja kepada seluruh agensi kerajaan dan Persekutuan malah umumnya kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun maklum bahawa data-data keusahawanan ini bukan hanya ada di bawah agensi-agensi yang berada di bawah kementerian ini sahaja. Kita ada data di Majlis Amanah Rakyat (MARA), kita ada data yang besar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini juga kita cuba selaraskan supaya data yang besar ini dapat disatukan dalam satu *repository* yang boleh diakses oleh semua pihak yang berkeperluan untuk mendapatkan maklumat sama ada mencari bidang perniagaan yang terbaik, mencari rakan kongsi, mencari peluang-peluang untuk membawa hasil-hasil produk mereka ke luar negara. Ini adalah hasrat kita.

Kenapa ia mengambil masa sedikit untuk kita membina pangkalan yang lengkap ini? Ia adalah kerana agensinya pelbagai dan masing-masing ada hak untuk menjaga hak

mereka masing-masing. Jadi, kita memerlukan satu kesepakatan supaya akhirnya nanti *repository* ini adalah satu yang komprehensif, tidak payah banyak-banyak ya. Kita pergi kepada satu talian, kita boleh dapat apa yang kita hasratkan. Itu bahagian pertama dalam soalan.

Bahagian kedua dalam soalan Yang Berhormat Senator, bagi membantu PKS memasarkan produk mereka di atas talian termasuklah ke luar negara, pelbagai aktiviti dan kerjasama dengan agensi kerajaan serta rakan-rakan strategik seperti *LAZADA*, *11Street*, *AladdinStreet.com* dan *Shopee* akan diteruskan. Pelbagai program akan dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan PKS berkaitan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjayakan perniagaan atas talian dan juga ke luar negara. Sehingga kini, sebanyak 25,000 orang PKS telah dilatih melalui pelbagai bengkel dan program capaian yang telah dilaksanakan di seluruh negara oleh agensi-agensi kementerian seperti SMECorp, INSKEN dan juga Maktab Koperasi Malaysia.

Selain daripada itu, itu adalah yang di bawah talian tetapi pemasaran secara fizikal memang dilaksanakan oleh kementerian ini melalui kerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti MATRADE di MITI dan juga dengan rakan-rakan usahawan swasta kita. Sudah ada rakan-rakan swasta kita yang membuat koordinasi dengan negara-negara luar untuk membawa produk negara kita ke pasaran negara-negara berdekatan. Contohnya, sebuah kelompok usahawan swasta di bawah *Unity Asia* sedang menyediakan tapak perniagaan di Thailand untuk membawa hasil-hasil produk usahawan Malaysia ke negara jiran kita untuk dipasarkan.

Di sana terdapat *mall* yang sudah bersedia menerima rakan kongsi mereka. Begitu juga promosi persendirian di luar negara, produk-produk secara berkumpulan setiap yang berlaku di New York pada baru-baru ini, kumpulan usahawan wanita kita, secara bersendirian tidak melalui kerajaan, membuat promosi mereka dan dilaporkan sebagai sangat berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, itu jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingat jawapan itu tadi terperinci. Ada soalan tambahan Yang Berhormat Senator?

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Jawapan memang terperinci, saya tidak ada soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tanya soalan Yang Berhormat Menteri? Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri

dekat luar minta saya untuk tanyakan soalan. Yang Berhormat Timbalan Menteri minta tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta soalan, tidak boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tidak boleh? Saya minta boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman dan baik hati. Yang Berhormat Menteri, dalam aspek data, Yang Berhormat Menteri memaklumkan terdapat pihak-pihak individu yang membuat promosi atas inisiatif sendiri, mempromosikan Malaysia di luar. Saya telah melihat satu inisiatif yang dibuat oleh Kerajaan India memanfaatkan apa yang dipanggil sebagai "Indian Diaspora" iaitu mereka rakyat India yang berada di luar. Jadi, soalan saya adakah Kementerian Usahawan mempunyai data mengenai diaspora-diaspora Malaysia ini terutama usahawan-usahawan yang berjaya.

Ini kerana saya rasa mereka ini mungkin menjadi semangat cintakan Malaysia lebih lagi daripada konsultan-konsultan yang hendak membantu. Jadi, sekiranya ada, sejauh manakah ia dimanfaatkan? Kalau belum ada, saya mungkin boleh mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah ia menjadi satu keutamaan untuk membantu negara?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mengambil contoh di India itu memang bertepatanlah kerana diaspora India di seluruh dunia besar. Diaspora China pun lagi besar. Diaspora orang Malaysia ini agak kecil tetapi agak *significant*. Di mana-mana mereka berada, menunjukkan sukses di dalam perniagaan mereka.

Saya kena siasat dahulu, saya berpandangan bahawa cadangan daripada Yang Berhormat Senator tadi sangat baik kerana mereka boleh menjadi duta-duta kita di luar negara untuk memasarkan.

Sebagai maklumat tambahan, Tuan Yang di-Pertua, pada Olimpik Tokyo 2020 ini, kita telah dijemput, kita telah menandatangani MOU untuk membawa barangan kita, produk-produk kita khususnya bahan-bahan makanan dan minuman (F&B) ke Olimpik Tokyo. Ini satu perkara yang walaupun tempoh Olimpik Tokyo itu sebulan sahaja, tetapi dijangkakan perolehan daripada tempoh itu USD300 juta. Jadi, kita mungkin akan diberikan satu kedudukan untuk membawa bahan-bahan Malaysia ke Olimpik khusus untuk atlet-atlet dan pegawai-pegawai sukan daripada negara-negara umat Islam.

Jadi, ini peluang yang baik dan *insya-Allah* hujung Januari ini kita akan adakan satu pameran, barangan-barangan yang bakal menembusi pasaran Jepun. Mereka sangat teliti, syarat-syaratnya sangat ketat, kalau kita berjaya menembusi ertinya kualiti barangan kita memang baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail?

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah tentang di setiap negeri ada agensi ataupun badan yang *promote* usahawan. Contohnya di Selangor ada mikrokredit Hijrah, kalau di Perak ada Yayasan Bina Upaya. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah, adakah mekanisme di peringkat kementerian untuk membantu usahawan-usahawan yang dibina melalui agensi-agensi negeri ini untuk memasarkan produk mereka ke luar negara? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun jawapan asal itu sudah merangkumi, tetapi kalau boleh...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, betul. Cuma sedikit penekanan hendak memaklumkan bahawa kerjasama antara MED, kementerian kami dengan semua agensi usahawan di negeri-negeri di bawah kerajaan negeri memang berjalan.

■1040

Dalam usaha kami turun ke lapangan, hubungan kami dengan Exco-Exco kerajaan negeri yang menjaga keusahawanan ini kita jalankan. Jadi, maklumat-maklumat itu dalam pengetahuan dan dalam data yang menyeluruh nanti, usahawan-usahawan yang dibina oleh pihak negeri ini juga akan disatukan, akan dibantu seperti lain-lain usahawan. Terima kasih.

5. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian akan tegas melaksanakan hukuman sebat ke atas majikan yang menggaji Pekerja Asing Tanpa Izin sebagaimana kuasa yang termaktub dalam seksyen 55(B)(3), Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*], dan meningkatkan hukuman tersebut sebagai langkah pencegahan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Sebanyak 40 ribu- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, semalam bersorak Harimau Melaya [*Ketawa*]

Sebanyak 40,306 operasi telah dijalankan dari tahun 2016 sehingga 31 Oktober 2018. Melalui operasi tersebut, sejumlah 3,973 orang majikan telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan Imigresen. Seksyen 55(B)(3), Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] memperuntukkan mana-mana majikan yang mengambil kerja seseorang yang tidak memiliki pas yang sah, jika dalam kes bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 1, mahkamah berpuas hati setelah dibuktikan bahawa orang itu pada masa yang sama mengambil kerja lebih daripada lima orang yang sedemikian, orang itu hendaklah apabila disabit kesalahan bertanggung untuk pemenjaraan bagi satu tempoh tidak kurang daripada enam bulan, tetapi tidak lebih daripada lima tahun dan hendaklah juga bertanggung untuk dikenakan sebatan tidak lebih daripada enam sebatan.

Dalam hubungan ini, bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Oktober 2018, seramai 72 orang majikan telah didakwa di bawah seksyen 55(B). Seorang majikan telah dikenakan hukuman sebat di bawah peruntukan undang-undang tersebut pada tahun 2017 dan seorang lagi pada tahun 2018. Sekian, terima kasih.

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, dengan merujuk kepada operasi mega terbaru yang telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen dengan melakukan penahanan besar-besaran ke atas Pekerja Asing Tanpa Izin sebenarnya dilihat sebagai satu operasi diskriminasi. Sebagaimana pengetahuan umum, satu daripada faktor pekerja asing bekerja tanpa dokumen sah adalah disebabkan oleh kegagalan majikan untuk membawa pekerja asing untuk mendaftar.

Maka soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian akan mempertimbangkan satu pangkalan atau saluran yang sah dan khas diwujudkan bagi pekerja asing mengadu kegagalan sesetengah pihak untuk mendaftar mereka sebagai pekerja asing dengan dokumen yang sah? Bagaimana dengan kerjasama di antara kementerian dan Kementerian Sumber Manusia yang juga terlibat dengan penggajian pekerja asing untuk memastikan pekerja-pekerja asing memahami hak mereka? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Sebagaimana yang kita tahu, sejak Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji polisi pengambilan pekerja asing ini. Sebagaimana juga kita tahu sebelum ini Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan program, Program Pemutihan, Program 3+1 dan sebagainya, bagi membolehkan pekerja-pekerja yang bekerja secara haram di negara kita ini untuk tampil ke hadapan dan kita putihkan. Ini telah pun kita lakukan, oleh sebab itu sebenarnya tidak ada isu yang mengatakan bahawa ada diskriminasi di sana.

Sebenarnya negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, terlalu kelihatan berlembut dengan pekerja asing ini. Hakikat dia pekerja asing yang bekerja secara haram di negara kita ini sewajarnya perlu diambil tindakan yang tegas, pun begitu kerajaan masih lagi mengambil kira tentang masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang ada di luar sana yang memerlukan sumber pekerja asing.

Oleh sebab itu, beberapa program telah kita lakukan untuk membantu mereka-mereka ini. Akan tetapi, program-program pemutihan ataupun- yang kita anjurkan di peringkat kementerian, khususnya dalam program pemutihan ini, kita tidak boleh lakukan selalu, kerana ia akan kelihatan memberikan mesej yang tidak baik kepada masyarakat yang ada di luar sana.

Ini sebab kita tidak mahu nanti, mereka yang datang daripada luar, datang masuk ke negara kita secara sah, dia hanya perlu tunggu sampai pas dia habis tempoh kemudian dia tunggu duduk secara haram di negara kita. Oleh sebab dia akan tahu, sampai masa kerajaan akan membuat lagi Program Pemutihan.

Jadi, ia akan menjadi satu budaya yang sebenarnya tidak baik untuk kita jalankan di negara kita. Sebab itu hari ini pihak Imigresen, kalau kita lihat dari segi operasi-operasi yang kita jalankan, kita bertindak tegas kerana kita ingin memberikan satu isyarat yang jelas kepada orang-orang yang ada di luar sana, bahawa mereka yang datang ke negara kita secara haram, bekerja secara haram, kita akan mengambil tindakan yang tegas, tanpa kompromi.

Ini yang akan kita teruskan sampai proses pembersihan warga asing yang ada di negara kita ini dapat kita selesaikan. Jadi ini antara usaha yang kita lakukan dan di samping itu juga, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia hari ini sedang duduk berbincang untuk memperincikan dan memperhalusi polisi-polisi pengambilan pekerja asing yang ada di negara kita, *insya-Allah* tidak lama lagi akan kita umumkan tentang polisi baru ini termasuk juga bayaran-bayaran levi, syarat-syarat baru yang kita kenakan, khususnya kepada syarikat-syarikat yang ingin mengambil pekerja asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Yang Berhormat Menteri, ini proses pemutihan yang diberitahu Yang Berhormat Menteri itu, boleh tidak pekerja asing ini daftar secara terus dan kalau tidak boleh, bermakna majikan- soalan asal adalah berkenaan dengan kegagalan majikan. Duduk Yang Berhormat.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Sebenarnya apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi benar. Sebenarnya kita telah membuka ruang yang cukup luas kepada mereka.

Kalau tidak silap, selama setahun tempoh kita berikan kepada mereka untuk tampil dan memutihkan pekerja mereka.

Akan tetapi apa berlaku, di awal waktu kita membuka program ini, kaunter kita sunyi, tetapi *towards the end* apabila tempoh tarikh tamat itu sudah sampai masanya, barulah kaunter-kaunter kita terlalu sibuk hingga mungkin menyebabkan pejabat-pejabat imigresen kita penuh dengan pekerja-pekerja, majikan-majikan yang ingin putihkan pekerja mereka. Jadi, berbalik kepada Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi ia sebenarnya kegagalan majikan untuk tampil ke hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya secara dasar menggalakkan dasar kerajaan untuk mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing. Saya pun faham kita tidak boleh buat projek pemutihan selalunya, kerana ia akan hantar mesej yang tidak betul.

Akan tetapi soalan saya, boleh atau tidak kita membuat satu program, bukan pemutihan tetapi *amnesty* untuk mereka yang hendak pulang. Ini kerana sekarang ini pemutihan untuk *legalize illegal*. *Amnesty* untuk mereka yang hendak pulang, *speacial amnesty* untuk mereka. /tahu sekarang ada dia bayar *over stay* punya permit, *special pass* dan sebagainya. Soalan saya, *amnesty* ini supaya tidak dikenakan hukuman penjara, mereka yang hendak balik. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Sebagaimana saya sebutkan tadi, sebelum ini kita sudah lakukan, itu yang Program 3+1 di mana mereka yang ingin balik ini, mereka hanya perlu bayar RM300 sebagai kompaun dan RM100 pas untuk mereka keluar. Akan tetapi setelah program itu tamat, kita telah nyatakan bahawa mana-mana pekerja asing, warga asing yang kita tangkap pada mana-mana operasi yang kita lakukan, kita akan dakwa mereka dan akan hantar mereka selepas proses pendakwaan itu selesai setelah mereka menjalani hukuman yang mana telah dijatuhkan oleh mahkamah.

Jadi sebab itu saya sebutkan tadi, soalan *amnesty* ini kita telah lakukan sebenarnya, tetapi sebagaimana kita sebutkan tadi bahawa kegagalan mereka ini untuk tampil ke hadapan pada ketika program ini kita buka. Akan tetapi pada program sudah kita tutup barulah mereka tampil. Kita tangkap, dakwa sebagaimana proses biasa, setelah selesai pendakwaan, setelah selesai penghukuman dan kita hantar mereka balik sebagaimana proses biasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya dari bangun, sudah habis sudah?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan saya ini agak luar tajuk sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Luar kalau duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Akan tetapi berkenaan dengan pendatang asing, bukannya luar tajuk jauh-jauh, bukan. Ini berkenaan dengan pendatang asing juga. Seperti mana yang kita tahu Yang Berhormat Menteri.

■1050

Pendatang asing ini sememangnya datang ke Malaysia banyak menimbulkan masalah kepada kita. Masalah sosial, gaduh, mencuri, merompak dan sebagainya. Apa yang lebih malang lagi kepada kita- persoalan ini saya sudah ajukan banyak kali daripada kerajaan terdahulu sampai ke hari ini tetapi masih tidak selesai saya lihat.

Di kawasan saya di Parlimen Batu, ada pasar borong dan pendatang asing banyak di situ. Bekerja dan berniaga bergaduh dan berbagai-bagai. Kadang-kadang dahulu pasar borong ini kontrol di dominasi oleh orang Cina sekarang pendatang asing, orang Cina sudah takut dengan pendatang asing, orang Melayu tidak usah katalah orang India tidak usah cakaplah, pendatang asing lebih ramai daripada orang tempatan.

Masalahnya, mereka boleh berniaga mereka boleh cari makan di situ, mereka berkumpul tetapi tindakan tidak diambil sehingga ke hari ini. Jadi saya harap pihak kementerian khususnya buatlah tindakan sesuatu, lemas kadang-kadang kita *retailer* kita, peniaga-peniaga kecil kita yang datang hari minggu, hari Sabtu hendak membeli sayur, hendak membeli ikan, kadang-kadang lemas dengan keadaan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Jadi minta komen Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi, soalan asal adalah diskriminasi kalau kerajaan tidak ambil tindakan, masalah Yang Berhormat Senator.

Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tingkas.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya ingin saya tegaskan di sini bahawa sejak kita memerintah Pakatan Harapan ini, sebenarnya kita cukup tegas dari segi pambanterasan warga asing di negara kita. Seheinggakan satu *newspaper* keluar kalau saya tidak silap- *I cannot recall*, dengan izin, tarikhnya tetapi, telah disebut Petaling Street berubah wajah. Kalau dahulu nampak seolah-olah kita bukan tinggal dalam Malaysia tetapi hari ini Petaling Street tidak seumpama dahulu. Ini membuktikan bahawa program pambanterasan warga asing yang ada di negara kita sejak kita memerintah ini, kita lakukan secara serius dan tegas.

Untuk makluman di kawasan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya masuk sendiri kawasan saya pambanteras warga asing di kawasan saya sehingga jam 4 pagi. Saya ikut serta dengan ketua pengarah imigresen jam 4, 5 pagi di USJ untuk masuk ke pusat-pusat

hiburan yang memberi pekerjaan secara haram kepada warga asing. Kita tangkap tanpa kompromi dan *of course* usaha masih diteruskan sebab itu ada program Op Hari-hari Operasi yang dijalankan oleh jabatan imigresen dan kita akan teruskan program ini.

Kalau- *of course* kita memerlukan bantuan khususnya daripada orang ramai termasuk juga para pemimpin untuk memberi kita maklumat. Jika ada tempat-tempat yang kita tahu menjadi sarang warga asing, pekerja asing tanpa izin masih lagi operasi dan dilindungi oleh orang-orang tertentu di negara kita, maklumkan kepada kita. Saya akan turut serta dalam operasi ini untuk membanteras bagi membuktikan bahawa kita serius untuk mengekang masalah warga asing di negara kita, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Syabas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat.

6. Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, Malaysia sebagai anggota AARDO- *African-Asian Rural Development Organisation*, apakah sumbangan negara kepada organisasi ini, dan apakah strategi negara untuk membendung migrasi belia dari luar bandar ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat atas soalan beliau.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *African-Asian Rural Development Organisation* (AARDO) merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1992 dan berpangkalan di New Delhi, India yang bertujuan menjalinkan kerjasama dalam bidang pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan di antara negara-negara di rantau Asia dan Afrika.

Malaysia menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah menganggotai AARDO sejak tahun penubuhannya. Malaysia selaku salah sebuah negara pelopor AARDO telah dilantik Presiden AARDO bagi penggal tahun 2018 ke tahun 2020, dan bertanggungjawab untuk menentukan arah tuju organisasi tersebut terutamanya menerusi mesyuarat-mesyuarat yang dipengerusikan oleh Malaysia di peringkat menteri iaitu AARDO Conference dan di peringkat pegawai kanan iaitu *Executive Committee*. Malaysia juga akan sentiasa dirujuk dalam sebarang keputusan yang ingin dicapai.

Antara sumbangan Malaysia kepada AARDO adalah menerusi program pembangunan kapasiti yang mana kementerian menerusi Institut Kemajuan Desa (INFRA) melaksanakan kursus dengan menggunakan peruntukkan di bawah *Malaysian Technical*

Cooperation Programme (MTCP) bagi peserta-peserta dari negara AARDO hampir setiap tahun.

Peranan aktif Malaysia di dalam AARDO dapat dilihat apabila Malaysia sentiasa melibatkan diri dalam semua program yang dianjurkan AARDO termasuklah menghantar pegawai-pegawai untuk menyertai latihan-latihan yang dianjurkan AARDO dalam bidang pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan selain menyertai semua mesyuarat-mesyuarat berkala yang dianjurkan AARDO.

Malah Malaysia sering kali dijadikan *role model* oleh negara anggota AARDO terutamanya dalam aspek pembangunan luar bandar. Ini terbukti apabila Malaysia menerusi KPLB kerap menerima permohonan untuk menjadi tuan rumah bagi lawatan penanda aras bagi negara-negara anggota AARDO. Oleh itu, Malaysia akan terus aktif di pentas AARDO dan akan sentiasa membantu AARDO untuk menambah baik peranan dan fungsi organisasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan yang kedua sebab soalan ini mengandungi dua soalan yang berlainan tajuk jadi saya mula dengan yang kedua itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak faham Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: Soalan yang ditujukan dia bangkitkan dua tajuk yang berlainan. Satu berkaitan dengan AARDO dan satu lagi berkaitan dengan migrasi belia.

Tuan Yang di-Pertua: Oh belia?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, betul. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga berkaitan strategi membendung migrasi belia daripada luar bandar ke bandar, kadar migrasi daripada luar bandar ke bandar untuk tempoh tahun 2015 sehingga tahun 2016 adalah sebanyak 4.2 peratus. Penurunan sebanyak 2.7 peratus berbanding 6.9 peratus untuk tempoh tahun 2014 hingga tahun 2015.

Dalam masa yang sama, kadar migrasi daripada bandar ke luar bandar untuk tempoh tahun 2015 hingga tahun 2016 pula, sebanyak 15.2 peratus. Peningkatan sebanyak 1.4 peratus berbanding 13.8 peratus untuk tempoh tahun 2014 hingga tahun 2015.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan meneruskan usaha untuk memastikan kadar migrasi daripada luar bandar ke bandar tidak meningkat terutamanya di kalangan belia. Sehubungan ini, kementerian telah melaksanakan beberapa program untuk memastikan golongan belia kekal di luar bandar. Ini adalah termasuk program-program ekonomi seperti *Rural Business Challenge*, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan program-program keusahawanan di bawah agensi-agensis kementerian.

Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkat pendapatan penduduk luar bandar termasuk di kalangan belia. Untuk masa akan datang, kementerian ini sekarang memuktamadkan dasar pembangunan luar bandar yang akan menjadi garis panduan dan hala tuju pembangunan luar bandar. Terdapat 11 teras di bawah dasar pembangunan ini termasuklah yang berkaitan dengan belia yang meliputi pendedahan kepada teknologi terkini, kepimpinan kampung serta menjana pendapatan yang mampan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator?

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan imigrasi luar bandar, migrasi belia khususnya belialah. Saya dapati di Kota Bharu ada sebuah tempat yang dipanggil *Rural Transformation Centre Tunjung* (RTC Tunjung) iaitu sebuah kompleks yang besar, luas dan sangat popular. Saya dapati kawasan itu *under used* walaupun besar, walaupun ramai orang berkunjung tetapi oleh sebab *massive infrastructure* yang besar, saya rasa ruang-ruang yang banyak yang boleh dimanfaatkan untuk melaksanakan inisiatif KPLB iaitu latihan.

Jadi, saya ingin bertanya tidakkah kementerian bercadang untuk mendapatkan satu ruang di antara ruang-ruang yang luas itu untuk dijadikan pusat latihan khusus untuk belia-belia. Salah satu latihan yang saya kira sangat penting yang makin lama makin terhakis pesertanya ataupun kemahirannya ialah bidang pertukangan tangan perak dan juga emas. Itu soalan saya. Adakan kementerian bercadang untuk dijadikan salah satu tempat di RTC itu sebagai salah satu pusat latihan? Untuk mengadakan program yang saya sebutkan tadi.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Spesifik soalnya.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Saya ambil maklum, maklumat yang disampaikan tadi iaitu- Yang Berhormat Senator memandangkan RTC Tunjung ini sebagai satu tempat yang *under-used*, dengan izin. Ini saya akan bawa kepada perhatian pegawai-pegawai kementerian yang berkaitan untuk siasatan dan kita juga akan pertimbangkan cadangan yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa istilah RTC itu dulu difahamkan sebagai *Rural Transformation Center* sekarang di bawah kerajaan baharu telah dijenamakan semula kepada Pusat Komuniti Desa (PKD). Peranan semua PKD sekarang akan dikaji untuk

memaksimumkan penggunaan PKD termasuk pusat latihan kepada belia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Memang ada dalam pendekatan kementerian.

Dato' Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengemukakan satu soalan kepada sahabat saya, Yang Berhormat Sivarasa tentang sekarang dipanggil pusat PKD. Saya dapati bahawa PKD dahulunya RTC di Simpang Pulai, Perak. Kalau kita lihat kemudahannya terlalu membanggakan. Tahniah kepada kerajaan lalu, Akan tetapi saya melihat isi kandungannya tidak lagi seceria dahulu. Lebih kurang dalam satu tahun sahaja, kemudiaan merosot, merosot, merosot kemudian sekarang merudum. Apa sebabnya? Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua boleh perhatikan kita sudah berhijrah jauh sedikit daripada soalan-soalan asal yang berkaitan ARDO dan generasi belia. Akan tetapi saya mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Senator tentang keadaan terkini Pusat Komuniti Desa di Simpang Pulai seperti mana yang saya sebutkan tadi kita akan siasat dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjelaskan tentang migrasi belia luar bandar ke bandar. Biasanya belia di luar bandar ini sumber ekonominya adalah kebanyakan berkaitan pertanian dan perladangan. Jadi, saya ingin pendapat atau jawapan Yang Berhormat Menteri dalam keadaan kos sara hidup di luar bandar, harga komoditi yang merudum. Apakah langkah-langkah kementerian untuk masih hendak mengekalkan belia ini tinggal di luar bandar? Untuk tidak berpindah ke bandar kerana keadaan harga komoditi yang menurun. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Menetapkan belia.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Soalan tambahan ini adalah lebih kurang yang ditanyakan tadi dalam soalan asal. Saya fahamkan soalan Yang Berhormat Senator adalah apakah tindakan yang diambil untuk memastikan belia di luar bandar kekal di luar bandar.

Seperti saya sudah jelaskan, tumpuan kementerian sekarang atau strategi utama kita adalah kepada program-program ekonomi untuk menambahkan peluang mereka menambahkan pendapatan. Itulah tumpuan sekarang. Pada masa yang sama, seperti saya sebut tadi, kita juga sekarang dalam proses memuktamadkan Dasar Pembangunan Luar Bandar di mana memang satu teras yang penting adalah berkaitan dengan belia dan juga

cabaran untuk kekalkan mereka di kawasan luar bandar. In merupakan satu cabaran di seluruh dunia.

Tren migrasi daripada luar bandar ke bandar ini bukan sesuatu istimewa kepada Malaysia. Malahan di seluruh dunia migrasi ini berlaku dan khususnya untuk golongan belia. Mereka lebih tertarik kepada lampu-lampu yang ceria di bandar dan tarikan yang berlaku di bandar kalau berbanding dengan kampung-kampung atau tempat desa. Kita menghadapi cabaran yang sama di Malaysia.

Jadi, saya sebut tadi tumpuan-tumpuan sekarang adalah kepada program-program ekonomi. Pada masa yang sama, untuk masa hadapan bagi saya cabaran yang penting yang kita mesti atasi adalah sebagai contoh untuk memastikan yang saya sebut tadi, kita beri mereka peluang yang penuh seperti belia di bandar untuk teknologi terkini. Itu mesti termasuk kemudahan jalur lebar atau *broadband* yang baik dan sebagainya. Inilah cabaran yang mesti kita atasi. Kalau kita berjaya dengan itu, tarikan untuk mereka berhijrah ke bandar akan kurang. Mereka boleh kekal di kampung, mereka boleh ada kemudahan itu- membantu mereka daripada semua aspek, pendidikan, menjana pendapatan dan sebagainya. Ini adalah untuk masa hadapan. Sekian, terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Rancangan dalam program-program teknologi

7. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan untuk mengendalikan pemberian subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen satu liter terhadap kepada 100 liter sebulan bagi kereta berkapasiti 1.5cc ke bawah atau 40-liter bagi motorsikal.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan pada masa ini sedang memperhalusi mekanisme yang sesuai untuk melaksanakan subsidi minyak RON95 secara bersasar. Pada 20 November 2018, kerajaan telah mengiklankan tender *Request for Proposal* (RFP) bagi mendapat cadangan terbaik bagi kad penggunaan subsidi minyak untuk penerima yang layak menuntut subsidi semasa membuat pembelian di stesyen minyak. Mekanisme pemberian subsidi secara bersasar ini akan dimuktamadkan sebelum perlaksanaannya yang dijangka pada suku kedua tahun 2019. Terima kasih

Seorang Ahli: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Soalan tambahan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Senator lain? Tiada ya? Silakan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, saya izinkan soalan diwakili, Akan tetapi soalan tambahan saya tidak akan benarkan. Silakan.

8. Puan Asmak binti Husin minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan, apakah kerajaan bercadang mengadakan perintah berkurung bagi remaja pada waktu malam bagi mengurangkan jenayah melibatkan mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan larangan keluar malam ataupun Perintah Berkurung- *Curfew Hours*, bagi kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun pada waktu malam, memandangkan masih terdapat aktiviti-aktiviti berfaedah yang dilaksanakan dengan melibatkan remaja bawah umur pada waktu malam antaranya seperti kelas-kelas tuisyen dan kemahiran serta penganjuran solat hajat dan *qiamullail*, bangun malam.

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan pemimpin tempatan untuk memainkan peranan dalam memastikan anak-anak remaja kita di bawah umur ini supaya tidak terlibat dengan aktiviti tidak sihat pada semua waktu termasuk pada waktu malam.

Langkah pertama ke arah menangani isu ini adalah ibu bapa perlu mengakui wujudnya masalah dalam mengawasi dan mengawal anak-anak remaja mereka. Dalam kes tertentu, ibu bapa atau penjaga boleh juga membuat permohonan bertulis kepada mahkamah untuk intervensi oleh JKM di bawah seksyen 46, Akta Kanak-Kanak 2001.

Peranan dan tanggungjawab ini juga boleh dilaksanakan melalui penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan, pihak polis, atau komuniti dalam memastikan aktiviti-aktiviti tidak sihat ini tidak dilakukan secara berleluasa oleh para remaja. Harus ditekankan bahawa masalah utamanya ialah aktiviti tidak sihat yang dilakukan oleh remaja bukannya isu siang atau malam.

Tuan Yang di-Pertua antara fokus kementerian ini pada tahun hadapan adalah program-program kesedaran dan isu kekeluargaan. Selain itu kementerian juga melihat bahawa cabaran utama dalam menangani isu-isu sosial adalah penyalahgunaan *substance, substance abuse*.

■1110

Selain itu, *National Health and Morbidity Survey* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa remaja telah pun mengadakan hubungan seks seawal usia 13 tahun. Isu-isu ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara dengan turut melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Menteri ada di sini

untuk mendengar, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Memandangkan isu remaja berpeleseran ini merupakan isu sosial, saya ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat melihat perkara ini dengan lebih dekat dan digalakkan untuk menganjurkan program-program berfaedah bukan saja kepada remaja malah kepada ahli keluarga dan komuniti seperti pemeraksanaan ilmu kekeluargaan dengan melibatkan penyertaan ibu bapa. Itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya soalan berkaitan dengan *curfew* ini adalah rentetan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan. Antaranya kajian di Malaysia menunjukkan banyak remaja yang terlibat dalam kejadian jenayah dan juga penyalahgunaan dadah adalah terdiri daripada remaja berumur 16 tahun hingga 19 tahun dan kajian di peringkat antarabangsa pula menunjukkan memang ada kajian, ada hubungan yang menarik antara kejadian jenayah dan waktu malam.

Oleh sebab itu banyak bandar di dunia telah melakukan *curfew* termasuk di Iceland, Amerika Syarikat dan lain-lain dan Iceland antara yang paling berjaya. Amerika Syarikat sendiri pun sekurang-kurangnya 500 bandar telah mengenakan perintah berkurung inilah.

Di Malaysia, Perlis pernah mengemukakan cadangan pada tahun 2003 untuk perintah *curfew* tetapi mendapat bantahan daripada beberapa pihak tetapi masyarakat dan ibu bapa amat bersetuju.

Isu yang saya hendak bangkitkan ialah sebab pada waktu malam di Malaysia ini kedai-kedai di buka 24 jam dan ada tempat untuk remaja lepak dan sebagainya menyebabkan kejadian jenayah itu meningkat. Itu juga yang berlaku di Thailand. Jadi apakah langkah-langkah, kalau kita tidak boleh hendak buat *curfew*, langkah-langkah untuk mengatasi kejadian jenayah di waktu malam ini? Sekian, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa adalah satu *myth* ya bahawa mereka yang lepak di restoran 24 jam ini akan melakukan ataupun *contribute* kepada masalah sosial. Ada ramai yang pergi restoran, mereka hanya hendak sembang-sembang dengan kawan-kawan. Saya rela, saya boleh lihat apa yang mereka buat di restoran. Terang-terang, *public* boleh nampak.

Daripada kita ada *Curfew Hours* tetapi kita tidak boleh melihat apa yang mereka buat di dalam rumah. Statistik yang kita ada sudah menunjukkan bahawa walaupun sekarang ini tidak ada *curfew*, ada banyak aktiviti agama, program di rumah ibadat untuk semua agama, namun statistik yang kita ada sudah menunjukkan remaja kita sudah mula mengadakan hubungan seks seawal usia 13 tahun.

Jadi langkah pertama yang kita hendak buat di bawah kementerian kita dan bersama Kementerian Pendidikan adalah untuk mengubah usia pendidikan mandatori, pendidikan wajib. Sekarang ini pendidikan wajib adalah daripada usia enam tahun hingga 12 tahun sahaja. Jika kita tidak ada undang-undang yang mewajibkan mereka di sekolah, *Curfew Hours* ini tidak bermakna kerana memang tidak ada undang-undang untuk memastikan bahawa umur ini mereka seharusnya mereka berada di sekolah. Itu langkah pertama yang kita sedang usahakan.

Dengan adanya langkah ini, kita percaya perkahwinan bawah umur, kita juga boleh atasi. So, kita kena pergi *step-by-step*. Mula-mula perundangan dulu, sebelum kita masuk ke *Curfew Hours*. Saya rasa kalau buat *Curfew Hours* sekarang, ramai *public* ataupun orang awam tidak akan faham hasrat kita dan mereka akan lihat ini adalah satu kekangan yang kita laksanakan, *its like more rules* tetapi *rules we know* memang kurang efektif kalau kita hendak mengekang remaja. Remaja ini pemikiran mereka lebih banyak undang-undang, lebih kuat mereka akan membantah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti SUHAKAM akan buat bising Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Puan Asmak binti Husin: Cuma inilah, saya ada kajian ini yang dibantu oleh penyelidik jugalah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat. Kita kena ada undang-undang dulu. Kita tidak boleh kurungkan sesiapa tanpa undang-undang. Silakan Yang Berhormat Panglima.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan tentang dakwaan ataupun penemuan yang mengatakan remaja usia 13 tahun sudah mula melakukan hubungan seks. Saya hendak tanya sama ada lelaki atau perempuan oleh kerana lelaki ini 15 tahun belum baligh lagi. Sepatutnya tidak reti buat seks ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Laksamana, Yang Berhormat tanya ini lelaki dengan lelaki kah, perempuan dengan perempuan atau lelaki dengan perempuan?

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid (B): Saya ingat perempuan dengan lelaki biasanya. Boleh bagi butiran sikit. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Saya akan berikan secara bertulis tetapi data ini saya tidak ambil sesuka hati. Ini adalah data yang diberikan kepada saya oleh Kementerian Kesihatan. Statistik sembilan peratus *remove classes*. Bermaksud remaja yang berusia 13 tahun sudah ada hubungan seks dan sehingga Tingkatan 5, terdapat 6 peratus hingga 7 peratus *average* setiap tahun. Okey, jadi, kalau kita lihat jenayah seksual yang melibatkan

kanak-kanak sekarang ada yang sudah kurang daripada bawah umur 13 tahun pun sudah mula trend kita.

Oleh sebab itu saya rasa *first step* adalah untuk kerajaan dan semua pihak untuk menerima fakta ini sebagai- ini adalah hakikat sekarang yang berlaku *on the ground*. *First step is not to be in denial*. Kalau lebih kita akan cakap, sebenarnya kita tidak ada masalah, ini kita tidak akan dapat mengatasi masalah ini.

Jadi kita perlukan sokongan semua pihak. Bagi semua pihak, kita sudah mula, banyak *statement* kementerian kita utamakan peranan ibu bapa untuk memberikan kesedaran semasa kanak-kanak berusia 4 tahun, 5 tahun sudah boleh faham *body parts* mereka, ibu bapa mesti sudah mendidik mereka, sentuhan selamat dan sentuhan yang tidak selamat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan, mengapakah Kerajaan PH telah mengambil langkah menutup sebahagian Klinik 1Malaysia sedangkan ternyata klinik ini telah berjaya mengurangkan kesesakan di hospital di samping telah membantu memberi khidmat kesihatan dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat berkenaan penutupan Klinik 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan rasionalisasi keseluruhan operasi Klinik 1Malaysia yang akan dikenali sebagai Klinik Komuniti. Mengikut statistik tahun 2017, terdapat 347 buah fasiliti Klinik 1Malaysia dengan kedatangan untuk tahun 2017, sebanyak 6.59 juta kedatangan dan kos operasi untuk ke semua 347 Klinik 1Malaysia adalah sebanyak RM119 juta iaitu purata RM18 setiap pesakit. Ini untuk kos operasi untuk ubat, reagen dan *consumables*.

Tidak termasuk kos operasi untuk kakitangan kerajaan dan juga kos operasi untuk sewa premis. Jadi selepas perundingan dengan Kementerian Kewangan dan juga JPA, sebanyak 34 Klinik 1Malaysia akan ditutup kerana didapati tidak kos efektif mengikut kriteria berikut. Ini secara peringkat awal ya, 34 akan ditutup. Kriteria berikut adalah:

- (i) mempunyai purata kedatangan harian rendah iaitu kurang daripada 40 pesakit sehari;
- (ii) terdapat fasiliti kesihatan yang berdekatan dalam lingkungan 5 kilometer;
- (iii) tidak terletak di kawasan PPR; dan
- (iv) penutupan tidak dihalang oleh JKN masing-masing.

Justeru itu, fasiliti yang ditutup tidak akan menjejaskan perkhidmatan yang sedia ada kerana masyarakat masih boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti lain yang berhampiran. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Cuma saya ingin menyarankan sajalah supaya kalau dapat, ada yang setengahnya klinik ataupun komuniti ini berada di luar bandar yang tidak, yang ciri-ciri Yang Berhormat kata tadi ini tidak memenuhi lah. Jadi kita harap supaya klinik itu dibukalah.

Tuan Yang di-Pertua: Kaji balik.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Ya, dikaji baliklah. Kalau sekiranya yang terletak di luar bandar sebab kita faham lah terutamanya golongan yang B40 itu amat perlulah. Kalau kita hendak pergi ke klinik-klinik swasta sudah tentu bayaran dikenakan adalah terlalu tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, oleh kerana di luar bandar ini kehadiran lain, so dia hendak jangan gunakan statistik yang sama dalam- silakan Yang Berhormat.

■1120

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat Senator. Kebetulan, sebelum kita buat keputusan untuk tutup Klinik 1Malaysia tersebut, kita mesti memastikan bahawa dalam lingkungan lima kilometer ada pilihan yang lain. Jadi, sama ada di luar bandar atau di kawasan bandar, syarat dalam lingkungan lima kilometer mesti ada pilihan kemudahan Kementerian Kesihatan untuk memberi perkhidmatan yang sama. Jadi, ini antara syarat yang kita mestikan. Jadi, tak payah bimbang kalau klinik itu ditutup. Sekian.

Dr. Zaidi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengemukakan satu soalan, bukan soal klinik ini nak ditutup. Akan tetapi ialah saya nak bertanya apakah standard operasi Klinik 1Malaysia ini? Khususnya dari segi penyewaan bangunan kerana kebanyakan Klinik 1Malaysia kita gunakan bangunan-bangunan swasta ataupun bangunan-bangunan persendirian.

Akan tetapi apa yang berlaku di Sarawak, beberapa buah Klinik 1Malaysia terpaksa tutup ataupun dikunci sebab tunggakan bayaran sewaan itu tertunggak begitu jauh. Jadi, apakah standard operasi kementerian bagi kita menghalang perkara ini berulang kali berlaku? Ini sesuatu yang amat memalukan. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih. Saya pasti Yang Berhormat Senator rujuk kepada Klinik 1Malaysia Padawan di Kuching yang ditutup kerana sewa tertunggak selama

satu tahun. Ini ekoran daripada SOP yang tidak dilaksanakan oleh pentadbiran sebelum ini. Memang apabila kita menyewa rumah kedai untuk dikendalikan sebagai Klinik 1Malaysia, ini dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dengan ada persetujuan dari segi *rental agreement*. Untuk klinik tersebut, *rental agreement* itu tidak dipatuhi dan kita sedang uruskan supaya dibuka balik Klinik 1Malaysia tersebut. Jadi, kita ambil maklum.

Saya balik kepada soalan awal tadi berkenaan dengan pesakit di luar bandar. Kebetulan untuk sesetengah kawasan, kita ada klinik bergerak yang berkhidmat untuk kawasan pedalaman yang kita boleh menyampaikan perkhidmatan kesihatan sampai ke pedalaman. Jadi, ini antara perkara-perkara yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan. Sekian.

Puan Nuridah bt Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah mekanisme yang dilakukan untuk memantau kualiti dan objektif kecekapan klinik ini? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Kebetulan Klinik 1Malaysia yang sedia ada yang akan dijenamakan sebagai Klinik Komuniti yang buat sementara waktu dikendalikan oleh penolong pegawai perubatan. Perkhidmatan yang diberikan adalah perkhidmatan yang agak asas. Kalau daripada segi pemantauan kualiti, kita lebih lihat kepada jumlah kedatangan dan kos operasi.

Kita dijangka kalau boleh dengan persetujuan daripada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam, kita akan naik taraf supaya penempatan doktor dan *pharmacist* akan diadakan di klinik komuniti tersebut. Ada setengah klinik, jumlah 20 Klinik 1Malaysia sebelum ini telah dinaiktarafkan sebagai klinik kesihatan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Jadi, memang kita ambil berat soal mutu perkhidmatan yang disediakan di Klinik 1Malaysia, Klinik Komuniti. Sekian.

10. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Perdana Menteri menyatakan, rasional dan kuasa berasaskan undang-undang untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempamerkan 'Data Pesalah Rasuah' di laman web rasmi secara terbuka dan sama ada ia bercanggah dengan objektif rehabilitasi kepada pesalah yang insaf dan telah menerima hukuman setimpal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Alan Ling Sie Kiong di atas soalan nombor sepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, pangkalan data *Name and Shame* merupakan inisiatif kesembilan daripada 26 inisiatif Dasar Transformasi Negara dan kajian di bawah GTP iaitu *Government Transformation Plan*. Pangkalan data ini telah dilancarkan pada 4 Mac 2010

dan pemakluman ini telah direkod dan diulas dalam Laporan Tahunan 2010 JPM yang menjelaskan secara terperinci status dan pencapaian semua inisiatif di bawah GTP.

Untuk makluman Yang Berhormat, pangkalan data *Name and Shame* dilaksanakan di bawah Makmal Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam memerangi rasuah. Namun, pangkalan data ini telah ditukar dari *Name and Shame* kepada *Corruption Offender Database* dan dipapar selama tiga tahun sahaja daripada tarikh paparan pada portal tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, *database* ini hanya menyiarkan nama mereka yang telah disabitkan bersalah oleh mahkamah atas tuduhan rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perbincangan berhubung dengan rehabilitasi kepada pesalah yang insaf dan telah menerima hukuman setimpal telah pun diambil kira semasa inisiatif ini diperkenalkan.

Namun begitu, kepentingan masyarakat dalam konteks yang lebih luas perlu juga diambil kira untuk menyedarkan masyarakat agar tidak terlibat dengan jenayah rasuah. Ini dilihat selaras dengan matlamat utama Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dinyatakan dalam seksyen 2(B) iaitu mendidik pihak penguat kuasa awam, pegawai awam dan orang awam bagi rasuah dan kesan buruknya terhadap pentadbiran sektor awam, sektor swasta dan komuniti.

Ia juga tidak bercanggah secara langsung dengan objektif rehabilitasi kepada pesalah yang insaf dan telah menerima hukuman yang setimpal kerana ia perlu diimbangi dengan prinsip literal. Tambahan pula data ini hanya dipamerkan untuk tempoh tiga tahun sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya telah baca semua seksyen, 74 seksyen di bawah Akta SPRM 2009. Akan tetapi dari segi aspek perundangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak memberi kuasa untuk SPRM mempamerkan pesalah atau data pesalah itu ke laman web untuk sedunia nampak.

Terutamanya mereka yang merupakan pesalah pertama kali, *first offender* yang insaf, yang mengaku salah semasa kes dibawa ke mahkamah, termasuklah nama peguam pun dinaikkan. Saya pernah bawa kes yang mengaku salah, *I pleaded for the offender*, maklumat dia tertera di laman web. Daripada segi perundanganlah Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak dibenarkan membuat sedemikian.

Oleh itu, kita lihat kes dadah ataupun kes pecah amanah, pihak polis pun tidak berbuat demikian. So, itu objektif saya rasa perlu kita kaji semula kerana saya nampak contohnya, seorang pemuda dilahirkan 1992, umurnya 20-an, amaun rasuah RM50 tetapi

data dia dinaikkan. Pemuda ini mungkin dia ada masa depan yang cerah lagi tetapi oleh kerana kesilapan dia dan dia insaf tetapi datanya dinaikkan untuk tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Ini tidak betul. Saya rasa satu arahan perlu dikeluarkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat adalah kalau dia bersalah dua tiga kali, masuk dalam data atau tak boleh masuk dalam data dari segi undang-undang.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Dari segi undang-undang, tidak. Ini bercanggah dengan hak asasi juga dan *Personal Data Protection Act*. Saya minta penjelasan agar satu arahan supaya ia diturunkan kerana tidak berasaskan perundangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya menganggap Yang Berhormat mungkin seorang peguam ya? Juga seorang peguam yang rajinlah kerana membaca keseluruhan akta. Saya pun peguam lama jugalah tetapi tak pernah baca seluruh seksyen, saya kena tabik Yang Berhormatlah.

Yang Berhormat, sebenarnya bukan Yang Berhormat sahaja, tadi masa saya menyediakan jawapan ini, saya juga bertanya kepada pihak SPRM, adakah perbincangan daripada segi implikasi undang-undang dibincangkan sebelum tindakan ini diambil?

■1130

Mereka mengatakan memang telah dibincangkan. Makna telah bincang *pro and cons* daripada segi *literacy, legality* semua telah dibincangkan. Makna bukan mereka mengambil tindakan yang secara begitu sahaja. Mereka berbincang dari segi perundangan.

Jadi oleh sebab Yang Berhormat seorang peguam, Yang Berhormat kami setakat ini SPRM tidak lagi bercadang untuk menurunkan. Cumanya kita dalam negara kita ini ada mahkamah. Kalau Yang Berhormat merasakan tindakan itu adalah bercanggah dengan perundangan dan bercanggah dengan undang-undang, tidak ada masalah untuk membawa kes itu ke mahkamah, mencabar. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa apa Yang Berhormat kata itu adalah benar, pihak kerajaan akan sentiasa mematuhi keputusan mahkamah.

Oleh sebab itu saya mengharapkan Yang Berhormat- bagus juga Yang Berhormat mencadangkan kepada anak guaman Yang Berhormat untuk mengambil tindakan. Cuma tadi saya cakap, saya pada mulanya saya ingat dia hanya letak hanya mereka yang disiasat. Saya tanya dengan pegawai saya, adakah mantan Perdana Menteri juga dimasukkan nama dia? Dia kata tidak. Oleh sebab mesti *committed offender*.

Jadi kita sebenarnya hanya *refer* kepada *committed offender* sahaja. Bila *committed*, makna mereka sudah bersalah. Jadi saya mengakui itu ada unsur-unsur *human*

right yang mungkin Yang Berhormat boleh fikirkan. Jadi Yang Berhormat mungkin boleh *advice your client* untuk mengambil tindakan sewajarnya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi keizinan untuk membuat cabaran di mahkamah.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Dewan Negara lebih besar lagi. Lebih penting. Saya buat cadangan untuk mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[11 Disember 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Okey, semalam saya telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing akan bermula. Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin ada perkara yang mustahak. So, saya izinkan Yang Berhormat Puan Asmak untuk berbahas. Silakan.

11.32 pg.

Puan Asmak binti Husin: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah minta Yang Berhormat untuk berbahas. Itu hak saya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Cakap terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih. Boleh Datuk Lee Tian Sing? Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah tanya Yang Berhormat. Dia faham.

Puan Asmak binti Husin: Saya kesian sebab dia pun ada *meeting* juga sama macam saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kesian Yang Berhormat boleh duduk. Saya boleh bagi dia.

Puan Asmak binti Husin: Terkejut. Okey, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih atas ihsan dan prihatin Tuan Yang di-Pertua kepada kami berdua. *Insya-Allah* saya cuba cepatkan sedaya mungkin untuk bagi peluang kepada Datuk Lee Tian Sing yang ada mesyuarat juga selepas ini.

Untuk tidak memanjangkan kalam. Saya mulakan dengan Surah Al Isra ayat 29-30. Allah berfirman maksudnya, *“Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu iaitu bakhil dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan boros kerana akibatnya akan tinggal engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan. Sesungguhnya tuhan mu lah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Dia juga yang menyempitkannya. Sesungguhnya Dia maha mendalam pengetahuannya lagi maha melihat akan hambanya.”* Baiklah saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Yang Berhormat, sambung.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai projek untuk keseimbangan wilayah. Saya ada beberapa soalan yang ingin dikemukakan. Pertama, saya ingin bertanya apakah projek-projek di Kelantan yang akan dilaksanakan dalam Belanjawan 2019? Pada perbahasan baru-baru ini saya hendak tanya apakah projek-projek ditangguhkan? Saya masukkan soalan ini sekali.

Seterusnya saya juga ingin bertanya tentang projek ECER Halal Park yang telah dibina di Kelantan dan seluruh Malaysia. Saya lihat pada *website* semuanya berjumlah 14 dan sekarang dimaklumkan ada dua yang agak berjaya mencapai objektif iaitu di Serkam Melaka dan Pedas Negeri Sembilan. Oleh itu persoalan saya ialah, berapakah jumlah yang telah dihabiskan untuk membangunkan kesemua Halal Park ini? Apakah perkembangan terkini? Kerajaan dalam tahun 2019 ingin fokus yang mana satu untuk dibangunkan?

Seterusnya yang ketiga, apakah langkah kerajaan untuk menyokong pelancongan ibadat khususnya di Kelantan dan amnya di Malaysia? Oleh sebab kita tahu macam pantai timur kita ada banyak pondok, pusat pengajian Islam dan pusat sejarah yang berkaitan dengan Islam. Kalau di Kelantan sendiri pada bulan Ramadhan kami menerima banyak

sangat pelancong daripada seluruh Malaysia terutama 10 hari terakhir. Oleh itu, kami mengharapkan semoga kerajaan menyokong pelancongan ibadat di Pantai Timur untuk meningkatkan pendapatan rakyat di Pantai Timur.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang isu air di Kelantan. Saya ingin mengambil peluang untuk memuji kementerian iaitu Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli yang menampakkan sikap keterbukaan dengan kerajaan negeri. Namun, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan berkaitan dengan isu ini.

Pertama, bagi mempercepatkan proses pembinaan loji dan pergerakan projek lain, kami mencadangkan agar Pengurusan Aset Air Berhad bertindak sebagai penyedia dan pembayar dana untuk memudahkan pelaksanaan di peringkat negeri. Kalau mereka turut terlibat sebagai pelaksana, maka kita terpaksa beratur dengan negeri-negeri lain dan ini memakan masa.

Keduanya pula ialah apakah bentuk bantuan geran atau insentif yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi membantu mengurangkan NRW iaitu masalah kekurangan air terutamanya dalam aspek kehilangan fizikal terutama yang melibatkan paip lama dan uzur yang pecah. Ini kerana Malaysia menyasarkan pencapaian 25 peratus dalam masa lima tahun. Ini agak mustahil bagi negeri-negeri tanpa bantuan Persekutuan kerana tarikh semasa di Malaysia adalah untuk membiayai kos operasi sahaja.

Apakah langkah Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama JAKOA untuk meningkatkan penggunaan air bersih bagi Orang Asli di Kelantan? Saya dapat makluman penggunaan air- Air Kelantan Sdn. Berhad (AKSB) yang bersih banyak tertumpu di Kuala Betis dan di situ memang ada terdapat satu Loji Rawatan Air Kuala Betis di bawah program bersama dengan JAKOA. Akan tetapi masalahnya ialah Orang Asli ini dia sukar membayar bil selepas menggunakan air dan yang lain-lain dari kawasan pedalaman dan bukit ada juga yang menggunakan air tadah yang bersih. Oleh itu, apakah langkah Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan penggunaan air bersih di kalangan Orang Asli Kelantan.

Seterusnya, adakah wujud kerjasama konsultasi antara Air Kelantan Sdn. Berhad dan Persekutuan memandangkan sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Tengku Zulpuri Shah pernah melawat Kelantan kerana di Kelantan kita mempunyai penggunaan air bawah tanah sebanyak 98 peratus di Malaysia. Selain itu, kita mempunyai teknologi ozon di Malaysia iaitu di loji Pintu Geng dan kita juga ada menggunakan teknologi bakteria di Kampung Chat selain daripada penggunaan telaga jejeri terbesar di Malaysia.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang isu pendidikan. Saya menyambut baik saranan Menteri Pendidikan agar IPT iaitu Institusi Pengajian Tinggi tidak terlalu mengejar *ranking*. Akan tetapi harus lebih menumpu kepada melahirkan cendekiawan dan

ilmuwan. IPT adalah pusat untuk melahirkan modal insan bermutu bagi negara sama ada daripada aspek rohani atau jasariah.

Namun, hari ini kita dapati pelajar kita banyak dilatih untuk menjadi seorang pekerja. Namun begitu apabila mereka keluar, mereka bukan sahaja dituntut untuk menjadi seorang pekerja tetapi mereka juga harus menjadi seorang ibu, bapa ahli keluarga masyarakat yang baik. Namun mereka tidak pernah belajar bagaimana untuk menjadi dan kemahiran menjadi ibu bapa yang baik. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar ilmu keibubapaan dan kekeluargaan diwajibkan atau digabung jalinkan dalam kursus sedia ada di universiti memandangkan keluarga adalah asas pembangunan sosial mampan di Malaysia.

Berbalik kepada isu IPT, ada juga beberapa persoalan lain yang saya ingin bangkitkan. Pertama, apabila berlaku pengurangan bajet di universiti, maka banyak juga pensyarah kontrak telah diberhentikan dan pengambilan pensyarah baharu hampir tiada.

Kalau ikut risikan saya, dekat fakulti yang saya ada sebelum ini iaitu di UiTM, di situ sahaja kita ada lebih 30 pensyarah *part time*, *full time* yang terpaksa diambil untuk menampung keperluan. Ini tidak dikira di campur dengan fakulti lain dan fakulti seluruh Malaysia.

■1140

Jadi, oleh kerana itu, bagaimana kita hendak memastikan kepakaran dan kematangan akademik itu dapat dihasilkan di peringkat pelajar, kerana pensyarah *part-time* ini, mereka akan datang ketika semester berjalan sahaja dan mereka tidak terlibat dengan *research*, *consultancy*, jaringan industri dan sebagainya. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu ini.

Seterusnya, saya juga mendapat aduan tentang kenaikan pangkat dan KPI pensyarah hari ini, dikira setara antara pensyarah bidang *social science* dan sains teknologi. Ini agak tidak adil kerana syarat kenaikan pangkat utama adalah berkaitan dengan penerbitan ISI dan SCOPUS. Kalau ikut pengalaman saya sendiri, hendak dapat SCOPUS ini bagi *social science*, siapa yang jadi pensyarah mungkin tahu lah, iaitu kena ambil masa setahun kah tahun untuk artikel kita *publish*. Jadi untuk kenaikan pangkat, untuk dapatkan satu SCOPUS itu mungkin makan masa, jadi agaknya berapa lama mereka ini perlu tunggu untuk kenaikan pangkat.

Akhirnya kita nampak kenaikan pangkat itu lebih mudah berlaku di bidang perguruan di peringkat sekolah, berbanding di peringkat pensyarah. Saya juga ingin memohon penjelasan, sebab ada juga universiti yang mensyaratkan untuk pengambilan pensyarah jawatan 51 juga perlu ada SCOPUS. Ini juga agak membebankan kerana mereka ini tidak biasa lagi dengan dunia akademik. Ada juga yang memohon jawatan ke

tingkat 51 ini adalah orang yang memang sudah lama dalam bidang profesional mereka seperti akauntan dan lain-lain.

Adakah, ada yang meletakkan syarat mesti mempunyai SCOPUS. Jadi, mohon kerajaan ambil perhatian isu kebajikan pensyarah yang sebelum ini kurang diberi perhatian, sedangkan mereka ini adalah pakar di peringkat negara. Apakah perkembangan terkini kebajikan pensyarah di bawah kerajaan baru sama ada dari segi gaji, peluang naik pangkat, peluang dan geran *post-doc* dan *sabbatical study*. Nampaknya setakat ini kita tidak mendengar apa-apa lagi perkembangan baharu buat pensyarah.

Saya juga ingin menyentuh tentang isu *teaching university*, seperti di UiTM. Di UiTM, mereka dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya 18 jam seminggu dan paling kurang pun adalah 16 jam seminggu, sedangkan universiti lain, pensyarah mengajar dalam empat jam, enam jam, paling banyak pun 10 jam. Sedangkan, dari segi peluang naik pangkat, dari segi mengejar KPI, mereka juga harus menyamai universiti lain. Saya bimbang kalau ini berterusan, lebih ramai pensyarah yang kena penyakit darah tinggi dan lain-lain.

Seterusnya, kesihatan mental, akademik dan pelajar juga perlu diberi perhatian. Ini kerana bebanan tugas dan tekanan kerja telah menyebabkan kehidupan tidak seimbang. Semakin ramai pelajar yang memerlukan perkhidmatan kaunseling di institut pengajian tinggi (IPT) kerana tekanan mental termasuk yang terlibat dengan dadah. Pada tahun 2016, KPT telah melancarkan projek buku ungu, bagi bertujuan menghasilkan dana alternatif kepada institusi pengajian tinggi. Wakaf IPT ini, sekiranya berjalan dengan baik, akan meningkatkan kemandirian IPT, agar tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

Jadi soalan saya ialah, apakah perkembangan terkini Sekretariat Wakaf IPT. Saya dimaklumkan sebelum ini, wakaf IPT diselia secara bulanan, dipantau sendiri oleh mantan Menteri Pendidikan dan mereka juga mempunyai pertemuan berkala. Akan tetapi kemudiannya, setelah beralih kerajaan baharu, perkara ini nampaknya masih tergantung. Apakah perkembangan terkini berkaitan dengan pelaksanaan buku ungu dan wakaf IPT ini.

Seterusnya, bagaimanakah pelarasan bidang kuasa antara Kementerian Pendidikan dan Menteri Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini kerana isu wakaf ini terletak di bawah kuasa Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan IPT terletak di bawah Kementerian Pendidikan. Bagaimanakah pula proses pemantauan dilakukan berkaitan dengan agihan wakaf. Adakah belanjawan yang ba ini mengambil kira kewujudan wakaf IPT ini, sebab kita ada wakaf IPT yang agak bagus seperti di UPM dan mereka menghasilkan pendapatan dan melakukan banyak agihan. Jadi, adakah belanjawan IPT ini mengambil kira kewujudan wakaf IPT ini.

Saya juga ingin mendapat maklum balas berkaitan usaha untuk mendapatkan pengecualian Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memandangkan manfaat wakaf ini akan dipulangkan kembali kepada rakyat. Saya juga mendapat makluman, sudah ada usaha dan sudah sampai ke peringkat pemerhatian mantan Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini tetapi kita tidak tahu status terbaru selepas pertukaran kerajaan. Ini kerana kalau wakaf tidak ada pengecualian LHDN, maka kita sukar untuk mendapatkan kutipan yang tinggi untuk membantu kerajaan dari sudut pengurusan IPT itu sendiri.

Sebelum ini juga, Timbalan Menteri Agama ada mengumumkan Malaysia bakal mempunyai universiti wakaf pertama di negara ini, yang menggabungkan dua kolej iaitu Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi dan Kolej Baitulmal Profesional, di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan membentuk sebuah universiti wakaf. Apakah mekanisme yang akan dijalankan dan apakah langkah agar ia menjadi universiti wakaf yang mampan. Apakah penubuhan universiti ini akan mengambil kira penubuhan Universiti Islam Malaysia (UIM), yang sebelum ini ditubuhkan atas dasar wakaf juga. Apakah perkembangan terkini UIM, adakah ia telah mencapai objektif wakaf universiti yang telah digariskan sebelum ini.

Kemudiannya, saya juga ingin membangkitkan isu PTPTN. Saya harap keputusan selepas ini harus mengambil kira semua pihak dan apakah keputusan terbaru berkenaan pembayaran balik PTPTN, sebab keputusan ini masih tergantung. Saya berpandangan sudah tiba masanya kerajaan merangka strategi untuk meminimumkan pinjaman pelajaran, kerana pendidikan ini adalah hak asasi semua orang. Adakah kerajaan sudah mula merangka kajian atau perancangan untuk merealisasikan perkara ini.

Berkaitan dengan isu pembasmian gejala sosial di kalangan pelajar sekolah yang telah saya bangkitkan sebelum ini, iaitu berkenaan PPDA dan lain-lain, saya masih tidak mendapat sebarang jawapan bertulis. Oleh itu, saya ingin bertanya dan masukkan juga dalam perbahasan ini, bagaimanakah peruntukan belanjawan mengenai isu ini. Ini kerana ada sekolah menengah membuat aduan, pada tahun ini mereka masih tidak dapat membuat saringan air kencing, ataupun *urine test*, kerana masih tidak ada bajet. Adakah perkara ini benar? Mohon jawapan daripada pihak Menteri. Akhir sekali, adakah kerajaan akan mengkaji semula pengambilan j-QAF untuk sekolah rendah dan juga sekolah menengah untuk mengatasi isu sosial anak-anak kita.

Seterusnya saya ingin berpindah kepada isu lain, iaitu berkaitan dengan rakyat yang hilang mata pencarian akibat kesan ekonomi. Pertama, apakah langkah kerajaan untuk menangani isu pekerja yang diberhentikan atas faktor ekonomi dan perkembangan semasa. Contohnya yang melibatkan pekerja media *mainstream* seperti *Media Prima*,

Malay Mail, Utusan dan lain-lain. Mereka ini menghubungi saya dan membuat aduan bahawa mereka akan dibuang bila-bila masa.

Kedua, apakah langkah kerajaan untuk memantau proses pemberhentian pekerja, agar ia dilakukan dengan adil dan mengikut peraturan. Contohnya saya ada dapat aduan, ada syarikat swasta yang memberhentikan pekerja dengan satu bulan gaji atau ada juga yang memberi pilihan bekerja empat hari seminggu dengan gaji 90 *percent*, cuti tanpa gaji, atau kalau hendak cuti juga, kena bayar. Ini berlaku hasil kelembapan ekonomi sekarang. Adakah disediakan kursus persediaan kewangan atau kursus kemahiran untuk mengembalikan mereka ke alam pekerjaan, sebagaimana askar mengikuti kursus sebelum pencen.

Apakah bentuk skim-skim perlindungan sosial yang sedang dirancang oleh kerajaan termasuk untuk golongan yang menjadi penganggur secara tiba-tiba. Sekarang kita juga berdepan dengan isu syarikat Lynas yang mungkin akan berakhir dengan penutupan juga. Apakah nasib pekerja yang terdiri daripada 97 peratus melibatkan orang Melayu. Apakah langkah kerajaan untuk membantu golongan seperti ini.

Kita juga faham selepas pertukaran kerajaan baharu, berlaku juga beberapa transformasi unit dan jabatan yang melibatkan juga, memberi kesan kepada pengambilan staf yang asal. Seperti kita ada isu sebelum ini, isu pekerja JASA, pekerja PLKN yang akan diserapkan dalam Kementerian Belia dan Sukan. Akan tetapi sehingga hari ini, juga tidak ada apa-apa berita dan yang terbaru ialah, apakah jaminan kerajaan untuk staf Majlis Profesor Negara akan diserap kembali kepada majlis baru yang akan dibentuk.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan isu berkaitan bantuan musim tengkujuh. Kalau semalam sudah ada yang bangkitkan isu bantuan tengkujuh, tapi yang ini saya hendak pergi lebih spesifik, iaitu untuk bulan November dan Disember 2018. Ini kerana dalam bajet 2019 baru-baru ini, kerajaan telah menyatakan dalam bajetnya tentang pembayaran bantuan musim tengkujuh sebanyak RM200 setiap bulan, untuk tiga bulan iaitu November, Disember dan Januari 2019.

■1150

Namun setelah kerajaan baharu dibentuk pada Mei 2018, pada pembentangan Belanjawan baru-baru ini, kerajaan tidak lagi berhasrat untuk meneruskan Bantuan Musim Tengkujuh ini. Jadi persoalannya, apakah masih ada wang yang telah diluluskan itu dan kalau misalnya kita meminta kepada penoreh getah untuk menoreh juga pada waktu hujan atau nak mencadangkan ekonomi campuran, saya rasa mungkin realisasi itu boleh dilakukan seawal, paling awal pun tahun depan. Jadi, bantuan musim tengkujuh yang ini adalah untuk tahun ini yang mereka nak gunakan dalam dua tiga hari lagi. Jadi saya mohon pertimbangan pihak Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perkara ini.

Seterusnya saya juga ingin membangkitkan isu tentang Tabung Haji yang hangat diperbincangkan oleh kawan-kawan semalam. Mengenai isu Tabung Haji pula, saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan kedudukan Tabung Haji sekarang memandangkan ia melibatkan kepentingan orang Islam di Malaysia. Apakah langkah-langkah kerajaan yang sedang dan akan dijalankan untuk menyelesaikan isu Tabung Haji di Malaysia? Apakah pelaburan yang telah dilakukan sejak penukaran lembaga pengarah yang baru?

Saya juga ingin menyampaikan kekusaran rakyat tentang Tabung Haji ini iaitu adakah Tabung Haji akan meneruskan dividen yang baik untuk pencarum bagi tahun ini dan kita juga ada mendengar ura-ura mungkin rebat bagi mereka yang mengerjakan haji dengan Tabung Haji akan dikurangkan atau dimansuhkan. Apakah benar perkara ini?

Pada Isnin 10 Disember 2018, kita juga ada membaca bahawa Datuk Seri Dr Mujahid, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa Tabung Haji akan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia bermula Januari 2019. Apakah keputusan ini dibuat pada masa yang sesuai dan apakah alasannya peletakan Tabung Haji bawah BNM? Apakah ada kajian yang telah dilakukan secara terperinci berkaitan dengan isu pemulihan urus tadbir Tabung Haji? Ini kerana kedua-dua institusi ini berada di bawah akta berbeza dan mempunyai fungsi yang berbeza.

Saya ingin bertanya, adakah seliaan ini berbentuk sementara atau kekal? Kalau berbentuk kekal sebab BNM ini dia terlibat dengan institusi perbankan sedangkan Tabung Haji ini adalah institusi yang berbeza daripada perbankan dan mempunyai akta yang berbeza. Kalau kekal, mungkin terpaksa buat beberapa *amendment* dan lain-lain. Saya harap keputusan ini difikirkan dengan lebih mendalam dan tidak buat secara tergesa-gesa kerana ia melibatkan kepentingan orang Islam di Malaysia.

Seterusnya saya juga ingin membangkitkan tentang isu kereta nasional ketiga. Kerajaan telah menyatakan untuk membangunkan kereta nasional ketiga dengan tidak menggunakan dana negara melalui saya ingat hari itu, saya ingat Timbalan Menteri ada menyebutkan melalui konsep *private sharing partner*.

Maknanya tidak menggunakan dana kerajaan yang besar tetapi kemudiannya kerajaan telah mengumumkan dalam berita, saya ingat petang itu yang saya baca, kerajaan akan memperuntukkan dana yang besar untuk tujuan pembangunan kajian kereta ketiga. Sebab tadi pada peringkat awal dikatakan bahawa tidak akan menggunakan dana yang besar tetapi kenapa dana kajian ini menggunakan dana kerajaan?

Seterusnya bagaimana pula dengan pembangunan kereta nasional sedia ada dan adakah pembangunan kereta nasional ketiga ini mengambil kira kebajikan pekerja dan kepakaran sedia ada di syarikat kereta nasional terutamanya *Proton*. Sebab saya difahamkan kereta yang ketiga ini akan menggunakan teknologi baharu. Bila menggunakan

teknologi baharu, kita kluatir juga pelaburan yang akan diletakkan nanti mungkin memberi kesan kepada pelaburan-pelaburan yang lain.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang isu pembangunan keluarga dan wanita. Saya berminat untuk menyentuh isu ini kerana ia adalah isu kegemaran saya. Keluarga adalah unit sosial yang sangat penting untuk membangunkan negara. Rosak keluarga, rosaklah masyarakat dan negara. Baru-baru ini, saya telah menemui satu penemuan menarik dalam lawatan rangka kerja ke Jabatan Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak di Istanbul, Turki.

Bagi mereka, keluarga adalah aset penting negara dan telah diberikan peruntukan kedua terbesar di Turki selepas pendidikan dan peruntukan ketiga adalah pertahanan. Maknanya yang kedua adalah bahagian keluarga, kementerian keluarga tetapi itu bukan persoalan utama. Yang saya ingin kongsi di sini adalah berkaitan inklusiviti masyarakat dalam pembangunan kanak-kanak di Turki. Contohnya dalam *finding* yang saya temui, SOP yang mereka gunakan untuk menangani kanak-kanak yang memerlukan perhatian khas contohnya kehilangan keluarga dan lain-lain, mereka menggunakan lima SOP.

Pertamanya sekiranya ada kanak-kanak yang memerlukan kepada penjagaan, mereka tidak akan letak dekat rumah ataupun rumah kebajikan seperti yang diamalkan di tempat kita tetapi mereka akan memulakan SOP yang pertama iaitu *adoption mechanism*, kaedah pengangkutan.

Kalau tidak ada kaedah yang pertama, baru mereka akan pergi kepada kaedah yang kedua iaitu *foster family* dan kalau kedua-dua kaedah pertama ini tak ada, mereka akan pergi kepada kaedah ketiga iaitu yang dinamakan sebagai *homely apartment* yang terdiri daripada lima hingga lapan anak sahaja yang dijaga oleh salah seorang ibu ataupun seorang bapa yang telah dilantik oleh pihak jabatan pembangunan keluarga tetapi syaratnya, rumah tersebut mesti berada dalam kawasan taman perumahan, berada dalam masyarakat. Ada lebih kurang 750 rumah sebegini di Istanbul sahaja yang dipantau oleh jabatan ini tidak termasuk di kawasan-kawasan lain di Turki.

Jadi pendekatan ini agak berbeza dengan kita yang meletakkan kanak-kanak di bawah pusat-pusat JKM dan keadaan kehidupan mereka lebih banyak berbentuk asrama dan ini sebenarnya boleh menjejaskan pembangunan kanak-kanak itu sendiri. Untuk pelajar, untuk anak-anak yang berkeperluan khas seperti isu psikiatri dan lain-lain, barulah mereka ini akan diletakkan di dalam satu vila dan masih tidak dinamakan sebagai *center* yang dinamakan sebagai *children home garden* dan bagi kanak-kanak yang *abuse*, *addicted* atau *juvenile*, mereka akan diletakkan di *child support center* dan sekiranya dua-dua kanak-kanak yang bawah ini telah mengalami perubahan yang baik, mereka akan

mengulangi, mengembalikan semula kanak-kanak itu dalam SOP pertama, kedua dan ketiga untuk memastikan kanak-kanak itu membangun dalam sifat masyarakat yang sihat.

Bagi saya, ini adalah salah satu contoh bagaimana inklusiviti pembangunan kanak-kanak yang tidak terpisah daripada masyarakat. Saya harap penemuan yang saya kongsi ini boleh dijadikan sebagai muhasabah untuk membangunkan kanak-kanak di Malaysia bagi pihak kementerian. Saya juga ingin bertanya, apakah langkah kerajaan untuk memastikan rumah dan pusat bawah kementerian ini sentiasa ada *engagement* yang baik dengan masyarakat secara praktikal dan mereka membangun secara sihat dan sejahtera.

Seterusnya soalan saya yang kedua ialah, isu ini juga terpakai untuk pembangunan kanak-kanak OKU di Malaysia. Sejauh manakah masyarakat dan sekolah biasa dapat menerima mereka sebagai kanak-kanak biasa sama ada daripada sudut fasiliti, sistem pengajaran dan pembelajaran, kesediaan masyarakat dan lain-lain.

Yang ketiga menurut *National Health and Morbidity Survey 2016*, di Malaysia, kadar bayi yang menerima susu ibu sepenuhnya masih belum menepati *WHO Global Nutrition Target 2025*. Hasil tinjauan yang dijalankan pada tahun 2011 mendapati bahawa Malaysia hanya mencapai tahap 23 peratus, namun begitu kadar ini telah meningkat kepada 47 peratus pada tahun 2016. Dalam Islam, penyusuan ini adalah sangat penting kerana ia disebut lebih 30 kali dalam al-Quran.

Yang menariknya dalam al-Quran ini, tanggungjawab mengurus proses penyusuan ini sebenarnya adalah tanggungjawab lelaki atau suami seperti memastikan anak dapat susu baik, ibu dapat menyusu dengan baik. Ini semua adalah tanggungjawab suami bukan tanggungjawab isteri.

Akan tetapi sekarang dah tinggal cucu dah ye. Maknanya buat susu itu salah satulah. Jadi kena menjaga ibu itu sebenarnya adalah tanggungjawab suami bukan tanggungjawab isteri, ini dalam Islam. Namun begitu hari ini, isu berkaitan dengan penyusuan semua diserahkan kepada isteri sampai isteri ini kita dapat aduan banyak mengalami stres bila nak menyusu anak dan ada yang meroyan. Terpaksa dimasukkan kepada pusat-pusat pemulihan. Sedangkan ia tidak bertepatan dengan Islam.

Isu yang berbangkit ialah, pertamanya Malaysia telah mempunyai polisi yang lengkap berkaitan dengan penyusuan susu ibu. Namun begitu, pengetahuan berkaitan penyimpanan dan daya tahan susu ibu setelah ia di pam keluar masih agak rendah lagi dalam kalangan rakyat Malaysia lalu ia menyebabkan ramai ibu bekerja merasa kluatir untuk menyusukan bayi mereka dengan susu ibu sepenuhnya. Jadi apakah langkah lagi untuk memberi kesedaran, memberi pengetahuan teknikal kepada ibu-ibu khususnya ibu muda.

Yang kedua, tahap kesedaran majikan terutamanya sektor swasta terhadap tanggungjawab mereka untuk menyediakan ruang penyusuan yang selesa dan kondusif bagi kakitangan wanita yang baru melahirkan anak juga menjadi sebahagian daripada kekangan ibu bekerja dan ramai juga di antara ibu yang terpaksa mengepam di ruangan stor.

■1200

Kalau bagi ibu-ibu yang beragama Islam, mereka memilih untuk mengepam di kawasan surau. Yang Berhormat ada ini? Yang Berhormat minat tajuk ini?

Seterusnya, berlaku juga pertindihan tanggungjawab antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkaitan isu penyusuan ibu sehingga menimbulkan kekeliruan bagi sesetengah pihak yang meletakkan tanggungjawab mempromosi penyusuan susu ibu ini kepada kementerian pembangunan wanita. Sedangkan kalau mengikut amalan dan praktis bagi negara-negara lain di peringkat global, usaha ini diterajui oleh Kementerian Kesihatan.

Jadi apakah langkah kerajaan untuk menyokong program *home visit* yang dilakukan oleh ahli laktasi atau kaunsel laktasi yang dilantik oleh kerajaan mahupun NGO. Sekarang kita ada banyak NGO yang menjalankan kaunselor laktasi secara percuma dari rumah ke rumah. Adakah terdapat peruntukan untuk NGO yang menyokong program kerajaan ini?

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. LPPKN ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan program dan aktiviti perancangan keluarga di negara ini yang meliputi tiga bidang utama iaitu kependudukan, pembangunan keluarga daripada reproduksi manusia.

LPPKN ini adalah sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan juga mencari dana pembiayaan sendiri selain mendapat peruntukan kerajaan. Jadi soalan berbangkit ialah pertama, LPPKN juga menghadapi isu dana apabila berlaku isu kemelesetan ekonomi. Ada antara program yang dianjurkan berbayar dan ini telah mengurangkan akses masyarakat B40 terutamanya terhadap program-program ini.

Sedangkan dasar yang dibawa oleh LPPKN ini dan isunya agak besar bagi negara, mereka juga kadang-kadang terikat dengan *Capex rules* yang telah dibangunkan iaitu badan berkanun harus ada *profit*. Sedangkan objektif dan fungsi LPPKN ini adalah berkaitan pembangunan keluarga.

Kedua, selain itu kesukaran untuk mendapat akses kepada perkhidmatan yang diberikan juga menjadi penghalang kepada keberkesanan servis LPPKN. Hal ini adalah kerana majoriti pejabat-pejabat LPPKN ini lebih berpusat di bandar-bandar utama. Kalau di Kelantan sebelum ini kita ada dua pusat, tetapi telah di tutup satu kerana isu mungkin isu ekonomi. Jadi menyebabkan yang ada sekarang hanya tertumpu di pusat bandar,

sedangkan tujuan kesedaran utama ialah supaya menyeluruhlah di seluruh bandar termasuk kepada keluarga di luar bandar.

Begitu juga kita dapati apabila kita tengok *website* LPPKN, bilangan pegawai sosial seperti pegawai psikologi juga terhad. Setiap negeri ini hanya mempunyai seorang sahaja pegawai psikologi. Adakah bilangan ini mampu menampung jumlah individu yang mempunyai masalah kesihatan mental dan depresi di negara ini?

Selain itu, isu remaja wanita yang tidak berkahwin dan mempunyai anak luar nikah dalam kalangan generasi muda sebagaimana yang dibangkitkan sebentar tadi juga dilihat menjadi semakin kritikal. Malah situasi ini telah menjadi penyumbang kepada pertambahan masalah sosial seperti peningkatan peratusan golongan yang mempunyai masalah kesihatan mental dan lain-lain dan perkara ini amat membimbangkan.

Jadi apakah peranan LPPKN dalam membendung isu pembuangan anak luar nikah? Bagaimanakah LPPKN ini dapat membantu ibu-ibu yang tidak berkahwin ini supaya mempunyai sumber pendapatan dan seterusnya meneruskan kehidupan mereka dengan lebih baik dan cara yang betul? Selain itu, sejauh mana keberkesanan kaunseling dan psikologi dapat membantu para remaja wanita ini dalam menghadapi cabaran hidup dan mengatasi masalah yang mereka hadapi?

Saya juga ingin menyarankan agar ada kerjasama yang erat di Kelantan antara Jabatan Pembangunan Wanita, LPPKN dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita negeri (U-Kekwa) bawah kerajaan negeri. Ini kerana U-Kekwa ini mempunyai akses yang lebih menyeluruh terhadap rakyat berbanding dengan staf Jabatan Pembangunan Wanita dan LPPKN yang hanya sedikit tidak sampai sepuluh orang.

Ini kerana di Kelantan kita ada mempunyai U-Kekwa ini mempunyai Pusat Pembangunan Kemahiran Wanita di 45 DUN dan juga telah menaik taraf 16 buah yang terdapat dalam 14 Parlimen kepada mini Darul Niswan iaitu pusat aktiviti sepadu wanita dan sekarang juga sedang merangka pusat penubuhan komuniti keluarga di setiap Parlimen. Mereka juga mempunyai PPAD. PPAD ini ialah pegawai armalah bagi setiap DUN. Pegawai armalah ini maknanya, ada dilantik satu pegawai khusus untuk menguruskan ibu-ibu tunggal di setiap DUN. Mereka juga kalau di Kelantan ini, kita ada ramai penghulu wanita. Saya tidak pasti negeri lain.

Kalau Orang Asli Yang Berhormat Dato' Isa ada penghulu wanita? Belum ada. Di Kelantan ini sejak zaman dahulu. Saya rasa mungkin daripada awal merdeka sebelum merdeka. Sekarang pun kita ada lebih 70 orang penghulu wanita iaitu kita ada penghulu tanpa mukim wanita bagi setiap DUN, penghulu parlimen wanita, penghulu wanita wakil kaum dan penghulu mukim wanita. Jadi melalui Penghulu ini... *[Disampuk]* Nanti kita, tetapi ada ini. Kalau ikut ini, tidak apa nanti kita tengok.

Oleh itu, kalau ada kerjasama sangat bagus kerana kepakaran seperti yang ada di LPPKN dan JPW ini ia tidak ada pada U-Kekwa dan kepelbagaian aktiviti menyeluruh pula ada pada U-Kekwa. Kalau misalnya dua ini digabungkan, *insya-Allah* rakyat itu akan dapat menikmati faedahnya. Sekian sahaja pembentangan ringkas yg pada hari ini dan pembentangan yang agak tergesa-gesa. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad]: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Tadi kita mendapati bahawa Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin telah berbahas dengan panjang lebar masuk cerita Tabung Haji dan lain-lainnya dan juga naik pangkat habis semua masuk termasuk ibu.

Petang semalam pun saya berada bersama Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, dia pun cerita jasa baik ibu dia, budi baik ibunya, bagus. Bak kata pantun orang Melayu.

*Apa dia harap padi sebandang;
Daun lebat ditiup bayu;
Apa diharap budi orang;
Tidak sama budinya ibu.*

Itulah ya. Terima kasih.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Sila.

12.07 tgh.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada rakan-rakan Senator di Dewan yang mulia ini. Terima kasih memberikan laluan untuk saya berbahas Bajet 2019 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Bajet 2019 ini. Saya menerima baik bajet yang telah di bentangkan. Memandangkan ia memberikan beberapa penambah baikk khasnya untuk memastikan bajet yang lebih komprehensif untuk negeri Sabah untuk merapatkan jurang pembangunan yang kita dapat nampak dengan jelas beberapa dekad yang ini.

Pertama sekali saya ingin menyentuh Perkara B22 itu bajet untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya menerima baik bajet yang telah diberikan, diperuntukkan untuk perbaiki ataupun menaik taraf jalan-jalan kampung khasnya.

Akan tetapi, saya ingin bertanya kepada kementerian. Adakah kementerian juga akan mengambil perhatian tentang jalan-jalan yang masuk ke kebun-kebun? Sebab biasanya apabila musim tengkujuh, inilah masanya penduduk kampung mempunyai banyak masalah untuk mengeluarkan hasil-hasil mereka untuk menjual hasil contohnya getah dan sawit.

Peruntukan RM316 juta ini hanya untuk merangkumi jalan-jalan kampung ataupun juga merangkumi jalan-jalan yang masuk untuk ke kebun-kebun? Jadi saya amat berharap lah kementerian juga melihat bagaimana kita boleh membantu pekebun-pekebun kecil khasnya di kawasan yang luar bandar di Sabah.

Saya juga merujuk kepada bekalan elektrik luar bandar dan juga bekalan air. Sebelum ini, kerajaan yang sebelum ini telah melaksanakan banyak program untuk memberikan bekalan air ke kampung-kampung khasnya kampung yang terpencil melalui sistem-sistem seperti solar hibrid, sistem penapisan air dan sebagainya. Akan tetapi, malangnya kebanyakan sistem-sistem ini sudah tidak berfungsi lagi? Apakah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memastikan bahawa mereka tahu apakah punca masalah khasnya mengapa sistem-sistem ini gagal? Jadi kita tidak mahu bajet yang akan dilaksanakan di sini akan mengulangi kesilapan ini lagi.

■1210

Jadi, ini kita mahu supaya memastikan bahawa kementerian mempunyai satu strategi yang lebih komprehensif untuk memastikan ada alternatif lain selain sistem-sistem yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah kementerian akan membuat sesuatu terhadap projek-projek yang telah dilaksanakan tetapi gagal ini. Kita tidak mahu projek ini yang telah kita belanjakan ratusan juta tetapi terus menjadi seperti gajah putih di kampung-kampung yang kita rasa macam satu pembaziran kepada wang rakyat. Untuk ini, bagi saya, bekalan air luar bandar bagi Sabah agak sensitif juga sebab tahun lalu kita telah dikejutkan dengan pelbagai skandal yang telah keluar kerana terdapat pendedahan khasnya Jabatan Air Sabah dan kita dapati ratusan juta ringgit telah dirampas akibat daripada skandal ini.

Saya mahu tahu apa akan jadi dengan wang yang telah dirampas ini. Adakah ini akan disalurkan kembali kepada program-program yang sepatutnya dijalankan ataupun ia hanya akan begitu sahaja. Jadi kita mahu pastikan bahawa peruntukan yang diberikan tetapi tidak sampai ke kampung-kampung yang sepatutnya menikmati ini, sepatutnya kita ambil perhatian kerana walaupun peruntukan ini telah diberikan beberapa tahun lalu tetapi kita dengan adanya kejadian-kejadian skandal seperti ini jelas menunjukkan bahawa program-program yang sebelum ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi kita mahu

pastikan bahawa ada satu tindakan oleh pihak kerajaan sekarang ini khasnya Pakatan Harapan untuk memenuhi *gap* ataupun vakum yang telah terjadi akibat daripada kejadian-kejadian seperti ini.

Perkara yang seterusnya saya bawa di sini adalah berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya. Sudah tentu kerja raya ataupun pembinaan-pembinaan infrastruktur utama seperti jalan raya ini satu perkara yang penting untuk memacu ekonomi negeri Sabah dan juga Sarawak khasnya apabila kita sudah memasuki fasa yang seterusnya dalam pembinaan Pan Borneo.

Saya menerima baik bajet yang diperuntukkan untuk meneruskan pembinaan projek Pan Borneo ini, sebanyak RM2 bilion yang diperuntukkan ini. Akan tetapi saya amat risau kerana proses pembinaan ini juga mempunyai implikasi terhadap pemilik-pemilik tanah dan juga harta benda yang telah terlibat dalam pembinaan Pan Borneo ini dan saya telah menerima beberapa rungutan daripada penduduk-penduduk yang terlibat dalam proses pembinaan jalan raya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa proses pembayaran pampasan terhadap tanah-tanah dan juga harta benda yang diambil dalam pembinaan ini dapat dijalankan dengan segera sebab kebanyakan daripada mereka ini tidak ada tanah lain ataupun rumah lain. Jadi, kalau mereka dipaksa pindah, bagaimana mereka mahu pindah?

Jadi, saya minta ada satu strategi yang lebih komprehensif untuk membantu mereka khasnya golongan yang berpendapatan rendah ini apabila proses pembinaan dan pengambilan tanah dan harta benda untuk memberi laluan kepada pembinaan Pan Borneo dapat dijalankan. Pampasan dan juga pemindahan dibuat secara yang terbaik.

Kemudian, ini saya ingin bertanya juga sebab dalam bajet ini saya tidak beberapa jelas berkenaan dengan peruntukan yang diberikan selain Pan Borneo. Dinyatakan di sini terdapat RM385 juta diperuntukkan untuk jalan-jalan utama yang lain. Akan tetapi apakah ini hanya untuk merangkumi jalan-jalan yang utama sebab masih banyak lagi.

Oleh kerana faktor geografi, Sabah dan Sarawak itu sangat besar saya rasa RM385 juta itu tidak mencukupi untuk merangkumi semua kawasan Sabah sebab kalau kita terlalu menumpukan kepada Pan Borneo sahaja, bagaimana pula jalan-jalan utama yang menghubungkan pekan-pekan dan juga bandar-bandar yang lain di negeri Sabah dan juga antaranya untuk menghubungkan Sabah dengan Sarawak untuk memastikan pergerakan kargo dan juga eksport import ini dapat dijalankan di antara dua wilayah ini dengan lebih senang.

Saya juga ingin bertanya kepada JKR. Adakah cadangan untuk mencari jalan alternatif supaya Pan Borneo ini untuk tidak melalui negara Brunei Darussalam sebab buat

masa ini kalau pergerakan mana-mana bahan daripada Sabah ataupun Sarawak untuk antara Sabah dan Sarawak ini harus melalui negara Brunei Darussalam. Jadi adakah JKR akan membuat satu alternatif untuk memastikan bahawa jalan ini tidak akan melalui Brunei. Jadi, itu persoalan saya kepada JKR.

Kemudian, isu yang keempat ataupun ketiga saya mahu bawa berkenaan dengan isu kesihatan. Sudah tentunya perkhidmatan kesihatan ini adalah salah satu daripada perkara yang penting untuk memastikan kesejahteraan kita punya penduduk di kawasan Sabah dan Sarawak dan khasnya di kawasan luar bandar.

Sejak beberapa tahun yang lalu, Sabah sebenarnya mempunyai *flying doctor service* ataupun perkhidmatan doktor udara. Akan tetapi perkhidmatan ini telah dihentikan kerana faktor bajet ataupun kekangan belanjawan yang tidak mencukupi.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, adakah kementerian ada cadangan untuk mengembalikan ataupun membantu sekurang-kurangnya kerajaan negeri untuk mengembalikan *flying doctor service* ini. Sebab ini adalah sangat penting khasnya untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada kampung-kampung yang terpencil yang kebanyakannya masih belum dihubungi oleh jalan raya dan hanya melalui berjalan kaki ataupun guna *long boat* ataupun menggunakan perhubungan sungai.

Saya ingin bertanyakan juga apakah status Hospital Nabawan, sebab hospital daerah Nabawan ini pada mulanya telah diluluskan dan telah diberi peruntukan untuk menjadi sebuah hospital penuh. Akan tetapi malangnya selepas beberapa tahun, apa yang telah dibina hanya cuma klinik kesihatan dan ini telah memberikan satu mesej yang kurang senang bagi penduduk di luar bandar sebab mereka sangat mengharapkan hospital ini dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik khasnya untuk penduduk di kawasan Pensiangan.

Buat masa ini, mereka yang ada tinggal di kawasan Pensiangan terpaksa pergi ke Keningau iaitu terletak lebih kurang 80km daripada ini. Jadi, sangat-sangat jauh. Jadi, kalau kita mahu mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif, mereka terpaksa berbelanja lebih untuk ke Keningau untuk mendapatkan rawatan selanjutnya. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah belanjawan ini kita akan ada inisiatif untuk menaik taraf hospital Nabawan untuk memastikan dia sebuah satu hospital yang penuh dan lengkap dengan fasiliti-fasiliti termasuk kemudahan *emergency* untuk kawasan ini.

Seterusnya, saya menyentuh tentang *Ministry of Transport* ataupun Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Baru-baru ini kita tahu bahawa Lapangan Terbang Kota Kinabalu adalah lapangan terbang antarabangsa kedua paling sibuk di negara ini selepas KLIA dan KLIA2.

Akan tetapi buat masa ini *carrying capacity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat terhad sudah sebab ada beberapa operator penerbangan yang menggunakannya tambahan lagi kita mempunyai banyak penerbangan-penerbangan *charter* ataupun yang *direct* daripada negara-negara seperti Korea, Taiwan dan juga Jepun yang sekarang ini menggunakan *Kota Kinabalu International Airport* ini sebagai hab kerana pelancongan. Kedatangan pelancong daripada *region* ini semakin bertambah.

Baru-baru ini juga ada ura-ura AirAsia akan menaik taraf, telah membuat satu cadangan untuk menaik taraf terminal dua *Kota Kinabalu International Airport* ini menjadikan dia sebagai hab *low cost carrier* di KK.

■1220

Akan tetapi, setakat ini kita tidak mengetahui apakah keputusan telah dibuat oleh Kementerian Pengangkutan untuk membenarkan AirAsia untuk meningkat, mengambil inisiatif ini bersama dengan kerajaan negeri Sabah untuk menaik taraf Terminal Dua, *Kota Kinabalu International Airport* sebagai *Hub Low-Cost Carrier Terminal*.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanyakan ataupun membahaskan beberapa perkara berkenaan dengan telekomunikasi di negeri-negeri Sabah. Saya banyak membuat kerja-kerja di kawasan luar bandar. Saya dapati bahawa kadar penembusan *internet*, khususnya *internet* mudah alih ini masih sangat terhad. Jika adapun, ia tidak mempunyai *coverage* yang konsisten. Hal ini kerana, ada kawasan tertentu ini masih- mungkin kerana keadaan muka bumi yang berbukit-bukau, bergunung-ganang, banyak kawasan tidak mendapat *coverage*, dengan izin, *line* daripada sistem telekomunikasi mudah alih.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Komunikasi Dan Multimedia (KKMM), apakah strategi kementerian untuk meningkatkan kadar penembusan capaian *internet* ini di kawasan luar bandar? Adakah kementerian masih menggunakan sistem ataupun program *Universal Service Provision (USP)* yang mana satu tabung telah ditubuhkan oleh kementerian untuk mendapatkan dana daripada *telco's* ataupun *service providers* kita di Malaysia ini. Tabung ini digunakan untuk merapatkan jurang digital. Saya mahu sedikit statistik, berapakah sumbangan yang telah diberikan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi terhadap Tabung USP ini? Setakat ini, apakah program-program yang telah menggunakan wang daripada USP ini?

Saya juga ingin membawa satu isu iaitu berkenaan dengan *community radio*. Memandangkan di Sabah dan Sarawak, kita mempunyai pelbagai bangsa, bahasa dan sebagainya. Akan tetapi, salah satu daripada aspek untuk melindungi, memastikan bahawa bahasa-bahasa ibunda ini tidak pupus, saya rasa *community radio* ini sangat penting. Selain daripada meningkatkan- kita masih menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa

Kebangsaan, akan tetapi bahasa-bahasa ibunda ini harus juga diberikan penekanan sebab ini adalah warisan negara kita.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, jika ada sebarang inisiatif untuk menubuhkan radio komuniti iaitu radio yang mempunyai had-had tertentu khasnya di kawasan di mana mereka bertutur bahasa-bahasa tertentu, contohnya, bahasa Murut, bahasa Bajau, bahasa Iranun dan sebagainya. Bagaimanakah kementerian akan memastikan bahawa *community radio* ini dapat dibuka kepada *players* ataupun mereka yang ingin membuka satu stesen radio kecil untuk mempromosikan bahasa dan juga isu-isu setempat.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh sedikit tentang Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Ini berkenaan dengan apakah setakat ini, usaha yang dijalankan oleh Suruhanjaya Tenaga khasnya untuk melihat bagaimana program-program meningkatkan lebih banyak tenaga boleh diperbaharui- *renewable energy* ini dijana di Sabah.

Saya mengambil laporan Suruhanjaya Tenaga 2017, mendapati bahawa terdapat beberapa inisiatif, contohnya, satu projek iaitu 192 megawatt hidro di Ulu Pedas. Pada masa itu, statusnya masih dalam proses rundingan. Akan tetapi, setakat ini, kita belum mendapat apa-apa *feedback* selepas itu. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah projek Hidro Ulu Pedas ini akan diteruskan atau tidak? Hal ini sangat penting juga bagi kita sebab kita ingin menambah lebih banyak *generation capacity* yang datang daripada *renewable energy*, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya juga kerana saya mendapati pada beberapa tahun yang lalu, satu gempa bumi telah berlaku di kawasan Kinabalu. Beberapa sistem mini hidro yang telah dipasang di sekitar Kinabalu itu sebenarnya telah mengalami kerosakan teruk selepas gempa bumi, runtuh batu dan juga disusuli oleh banjir lumpur selepas gempa bumi berlaku. Saya ingin bertanya apakah status mini hidro yang telah- yang sebelum ini berada di sana. Adakah sistem ini masih beroperasi?

Jika tidak, apa yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memastikan bahawa sistem mini hidro yang telah dipasang sebelum ini, masih dapat dipastikan ia berfungsi. Hal ini sebab saya rasa sistem ini sangat penting untuk pembekalan elektrik khasnya di kawasan Kota Belud dan juga di kawasan-kawasan sekitar Ranau. Jika sistem ini tidak dapat dijalankan ataupun dapat dioperasikan semula, adakah tindakan kerajaan untuk membuka peluang kepada pelabur-pelabur- *investor*, untuk masuk dan ingin menghidupkan semula- *revive* sistem yang rosak ini selepas kejadian gempa bumi?

Akhir sekali, saya mahu bertanya tentang - untuk kementerian ini berkenaan engan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE). Hal ini disebabkan saya mendapati

Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) ini adalah satu tabung yang telah ditubuhkan untuk mengumpul dana daripada *Independent Power Producers* (IPP) untuk membolehkan satu program bekalan elektrik luar bandar.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah akaun amanah ini masih aktif dan berapakah pungutan tahunan yang telah disumbangkan oleh IPP terhadap tabung amanah ini? Apakah yang telah dibelanjakan daripada tabung ini?

Saya dapati bahawa Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) sebenarnya satu usaha yang bagus untuk kita merapatkan jurang, khasnya apabila kita ingin memberikan bekalan elektrik kepada kampung-kampung yang belum tentunya termasuk dalam kawasan ingin dicapai oleh Pelan Pembangunan Bekalan Elektrik yang akan diberikan bajet tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu yang telah timbul berkenaan dengan pendidikan dan banyak telah disebut dalam Dewan yang mulia ini, berkenaan sekolah-sekolah daif khasnya di Sabah dan Sarawak. Saya tidak ingin ulang cerita sebegitu. Cuma saya ingin bertanya, berapakah peruntukan yang akan diberikan kepada Sabah untuk menaik taraf sekolah-sekolah daif?

Adakah dalam program kerangka Kementerian Pendidikan Malaysia ini juga melihat kepada infrastruktur seperti rumah-rumah guru, makmal-makmal ICT dan sebagainya? Hal ini disebabkan banyak kali kita hanya melihat kepada *classroom* ataupun bilik-bilik darjah yang uzur. Akan tetapi kita juga harus melihat kebajikan guru-guru yang bertugas di kawasan yang terpencil ini dan memastikan bahawa mereka selesa dan dapat- tidak stres semasa menjalankan tugas mereka di kawasan luar bandar.

Apakah bajet yang diberikan oleh kementerian untuk memastikan bahawa perjawatan guru-guru luar bandar ini dapat terus digalakkan? Kita tahu ada beberapa insentif yang telah diberikan untuk guru-guru bertugas di kawasan luar bandar. Akan tetapi, adakah insentif-insentif akan terus diteruskan dalam belanjawan yang ada sekarang, yang baru saja dibentangkan ini?

Kita banyak bercerita tentang *digital learning*, dengan izin, tetapi malangnya kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar masih belum banyak, yang banyak lagi belum ada bekalan elektrik.

■1230

Jadi saya mahu pastikan bahawa adakah strategi kerajaan khasnya kementerian untuk memastikan bahawa dalam masa program *digital learning* ini, adakah kita ada strategi untuk memastikan semua sekolah ini mendapat bekalan elektrik 24 jam dan bukan sekadar dibekalkan dengan generator yang hanya beroperasi semasa sekolah buka.

Ini adalah satu perkara yang khasnya menggusarkan kami di Sabah iaitu apabila kita telah mendengar pengumuman daripada kementerian untuk membenarkan kanak-kanak yang tidak ada dokumen untuk masuk mendaftar dan bersekolah di sekolah-sekolah di Sabah. Saya ingin membawa perkara ini di sini bahawa walaupun ini adalah satu bentuk *human rights* ataupun hak asasi manusia tetapi bagi konteks Sabah, kami agak risau sebab bilangan murid-murid yang tidak ada dokumen ini sangat ramai. Adakah kita membuat keputusan ini tanpa melihat apakah implikasinya kepada sekolah-sekolah di Sabah?

Saya ingin merayu kepada pihak kementerian khasnya untuk melihat apakah implikasi hal ini. Kalau boleh, tangguhkan dulu untuk Sabah sehingga kita dapat satu jalan penyelesaian yang lebih baik sebab kalau kita laksanakan polisi ini, sudah tentu sekolah-sekolah kita yang sudah pun daif akan juga dipenuhi dengan kanak-kanak yang tidak ada dokumen.

Sebelum ini, biasanya mereka memasuki sekolah CLC ataupun sekolah-sekolah yang disediakan oleh majikan di *plantation* dan sebagainya. Jadi saya merayu kepada pihak kementerian untuk melihat perkara ini dengan lebih dekat lagi dan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah untuk memastikan bahawa tidak ada implikasi yang negatif bagi sekolah-sekolah dan khasnya bagi guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah di Sabah.

Untuk menggulung perbahasan saya pada tengah hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu perkara berkenaan dengan Petronas. Saya melihat apabila pengumuman ini dibuat, saya agak risau juga kerana RM30 bilion daripada bajet ini datang dari Petronas.

Bagi kami di Sabah, dividen-dividen ini sepatutnya dibayar kepada Sabah supaya lebih adil kerana kebanyakan daripada *oil and gas* yang hasil daripada Petronas ini datang dari Sabah. Akan tetapi apabila kita menuntut kita punya royalti yang lebih tinggi, mereka kata Petronas akan bankrap kalau kita tuntutan 20 peratus. Akan tetapi nampaknya ada bajet pula untuk bayar hutang yang digunakan datang daripada pendapatan Petronas.

Jadi saya mahu tanya kepada Kementerian Kewangan, apakah strategi kementerian untuk memastikan kita tidak terlalu bergantung dengan Petronas untuk pendapatan fiskal negara. Ini adalah satu daripada perkara yang penting sebab bagaimana kita mahu pastikan bahawa kita punya pendapatan fiskal khasnya untuk negara harus tidak terlalu tertumpu kepada Petronas.

Kita sepatutnya melihat bagaimana Petronas ini dapat menjana lebih banyak ekonomi di kawasan khasnya ada operasi Petronas. Salah satu daripada isu yang saya ingin bawa di sini adalah apabila pengumuman untuk tidak mahu meneruskan *Trans Sabah*

Gas Pipeline di mana projek itu sebenarnya dikatakan sudah bayar 80 peratus tetapi belum ada sebarang tanda-tanda implementasinya di lapangan.

Jadi saya ingin bertanya, apa akan jadi dengan 80 peratus yang telah dibayar ini? Adakah kerajaan akan merunding semula dan mungkin *repurpose*, dengan izin, projek ini kepada sesuatu yang lebih menguntungkan dan memberi manfaat kepada Sabah khasnya dalam industri tenaga.

Ini yang saya ingin bawa di sini sebab *Trans Sabah Gas Pipeline* ini sebenarnya adalah satu usaha untuk memastikan bahawa penggunaan bahan-bahan yang datang daripada Sabah khasnya natural gas kita itu untuk dijadikan kegunaan domestik supaya kawasan di sebelah pantai timur ini mendapat bekalan tenaga yang cukup.

Akan tetapi apabila *Trans Sabah Gas Pipeline* ini dibatalkan, sudah tentu kita harus mencari alternatif lagi untuk menjana tenaga di sebelah Pantai Timur Sabah khasnya di Tawau, Lahad Datu dan Sandakan. Jadi apakah tindakan apabila kita membuat keputusan untuk membatalkan projek ini? Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa projek sekurang-kurangnya dapat di *repurpose* untuk menyelesaikan permasalahan ini?

Satu perkara lagi yang ingin saya bawa berkenaan dengan Petronas adalah penglibatan kontraktor-kontraktor Sabah dalam projek-projek Petronas. Bukan sahaja projek mega tetapi juga perkhidmatan bahagian hiliran dan juga vendor-vendor yang seharusnya dibuka peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Apa yang merisaukan saya Tuan Yang di-Pertua, adalah penglibatan kontraktor-kontraktor Sabah dalam aspek Petronas adalah sangat terhad dan saya dapati kebanyakan projek-projek besar yang telah dilaksanakan di Sabah khasnya mempunyai penglibatan yang sangat sedikit kontraktor dari Sabah. Kita dapati kebanyakan daripada kontraktor yang melaksanakan ini datang daripada kontraktor luar.

Saya bukan mahu bercakap di sini bahawa orang Sabah tidak ada kemampuan tetapi kenapa tidak diberi peluang yang lebih luas khasnya untuk membenarkan kita punya kontraktor tempatan Sabah ini dapat terlibat dalam projek-projek khasnya untuk industri dan projek yang dilaksanakan oleh Petronas.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya kepada pihak-pihak yang berkenaan bagaimana kita mahu pastikan bahawa ada tindakan ataupun ada kuota tertentu yang dikeluarkan untuk memastikan bahawa kontraktor tempatan di Sabah ini dapat *participate* ataupun terlibat dalam projek-projek Petronas. Bukan projek kecil-kecil tetapi sekurang-kurangnya kita dapat mewakili ataupun kita ada penglibatan dalam *join venture* khasnya untuk bahagian operasi dan juga *maintenance* untuk infrastruktur-infrastruktur yang banyak dibangunkan oleh Petronas di Sabah. Contohnya, di Kimanis dan juga di Sipitang.

Akhirnya untuk menutup perbincangan saya pada tengah hari ini, saya ingin membawa satu lagi perkara iaitu berkenaan dengan bajet secara am untuk negeri Sabah. Buat masa ini, saya dapati bahawa sungguhpun bajet ini lebih besar daripada bajet yang lalu tetapi nampaknya hanya tertumpu kepada projek-projek yang besar atau mega. Bahagian-bahagian yang membantu contohnya rakyat yang miskin itu seharusnya juga dipertimbangkan sebab subsidi-subsidi untuk pertanian dan sebagainya masih penting kerana ekonomi negeri Sabah ini masih tertumpu kepada ekonomi pertanian.

Jadi saya harap pihak pertanian dan juga Kementerian Industri Utama akan terus memberikan bantuan untuk pekebun-pekebun kecil untuk memastikan bahawa pendapatan mereka ini tidak terjejas dengan teruk ekoran penurunan harga komoditi kita sekarang ini, tidak memberi kesan yang teruk kepada kita. Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong bajet yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Terima kasih atas perbincangan yang baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Dipersilakan Yang Berhormat.

12.39 tgh.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

■1240

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah diberi kesempatan dan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2019.

Banyak sudah pendapat yang sudah diluahkan terhadap bajet ini. Memandangkan bajet kali ini merupakan bajet ulung bagi Kerajaan Pakatan Harapan, rakyat mengharapkan satu kelebihan dan kelainan dari bajet-bajet yang lalu. Sungguhpun peruntukan bajet kali ini merupakan bajet yang terbesar dalam sejarah Kerajaan Malaysia iaitu sebanyak RM314.5 bilion tetapi keutamaannya banyak menjurus kepada pembayaran hutang negara dan menampung perbelanjaan pengurusan.

Bajet yang dipersembahkan masih belum dapat memikat hati rakyat keseluruhannya kerana seperti yang pernah diungkap dalam Dewan Negara, bajet ini boleh diibaratkan sebagai bajet antara dua darjat. Bajet ini dianggap sebagai bajet antara dua

darjat kerana bajet ini banyak mengutamakan rakyat yang tinggal di bandar, manakala yang tinggal di luar bandar tidak mendapat manfaat yang setimpal.

Saya berani memperkatakan sedemikian kerana tidak banyak usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat luar bandar. Rakyat di luar bandar yang majoritinya terdiri daripada petani, pesawah, peneroka, penoreh dan nelayan buat masa ini dibelenggu dengan kesempitan hidup yang amat sangat. Mereka sekarang berhadapan dengan krisis pendapatan yang teruk akibat dari kejatuhan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah serta kekurangan hasil tangkapan ikan, di samping dibebani dengan kenaikan kos sara hidup yang amat memeritkan.

Harapan rakyat bahawa pengenalan SST dapat mengurangkan kos sara hidup hanyalah harapan tinggal harapan kerana cukai SST belum dapat mengurangkan harga barang dan perkhidmatan seperti yang dicanangkan. Nyata kerajaan sedang bergelut dengan masalah kewangan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan kerajaan. Nyata kerajaan sekarang sedang sibuk menjual harta benda negara. Nyata sekarang kerajaan sedang bergelut untuk meminjam sana dan sini tidak kira siapa asalkan dapat. Nyata kerajaan hendak tunjuk hebat dengan negara lain, terutama yang mempunyai kepentingan kepada Malaysia sehingga menyebabkan mereka ini marah, merajuk dan tidak mahu berdagang dengan kita lagi.

Saya mohon kerajaan beritahu, apakah rasionalnya apabila kerajaan telah kehilangan hasil RM40 bilion akibat memansuhkan GST dan memberi pelepasan *tax holiday* untuk tahun ini selama tiga bulan? Apakah pula rasionalnya di sebalik pemansuhan GST sehingga kerajaan sanggup hilang sekurang-kurangnya hasil RM25 bilion setiap tahun? Adakah apa yang dihasratkan dalam SST itu telah mencapai matlamatnya? Adakah disebabkan kekurangan dana hasil dari tindakan kurang bijak kerajaan ini telah menyebabkan pemberian BR1M terpaksa diperkecilkan dan bilangan penerimanya terpaksa dikurangkan?

Peruntukan untuk petani, penoreh getah, pesawah dan nelayan terpaksa dicatu. Peminjam PTPTN terpaksa dipujuk kerana janji kerajaan untuk menghapuskan hutang mereka tidak dapat dilaksanakan. Sudah beberapa kali *flip flop* tetapi hasilnya belum ada. Peneroka FELDA yang berduyun-duyun menyokong Pakatan Harapan dengan harapan menggantung hutang mereka diluputkan tetapi kerajaan buat-buat lupa. Sekarang hendak cadangkan supaya ladang mereka dilupuskan dan diusahakan dengan tanaman yang lain.

Adakah cadangan ini baik dan bakal memberi jaminan pendapatan yang memuaskan kepada rakyat? Adakah kelemahan kewangan kerajaan juga menyebabkan berpuluh ribu penjawat awam terpaksa diberhentikan kerja sehingga tidak menyempat-

nyempat sampai beberapa hari lagi hendak menyambut hari raya pun dipaksa berhenti kerja?

Kisah berita hari ini yang diviral di kalangan rakyat ialah kisah penjawat awam dan pekerja swasta yang diberhentikan kerja seperti berlaku terhadap 17,000 kakitangan penjawat awam bertaraf kontrak, pekerja swasta-swasta yang lain, termasuk Media Prima. Adakah tindakan mengurangkan pelbagai bantuan rakyat dan *flip flop* terhadap janji-janji Manifesto Pakatan Harapan disebabkan kononnya kerajaan hendak didik rakyat supaya jangan malas dan perlu kerja kuat? Adakah disebabkan nelayan yang tidak dapat pergi ke laut bergelora di musim tengkujuh yang dikatakan malas? Adakah penoreh getah yang tidak boleh keluar menoreh di musim tengkujuh, di musim hujan juga dikatakan malas?

Perlu kah golongan-golongan ini yang berpendapatan tidak seberapa, dihina sedemikian rupa? Orang-orang kampung dan miskin sudah berkata, kalau tidak hendak bagi bantuan tidak mengapa tetapi janganlah mereka dihina dengan melabelkan mereka sebagai golongan yang malas. Namun, yang amat melucukan sekali ialah apabila kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri yang terdahulu Dato' Sri Najib dan Tun Abdullah Badawi berusaha untuk menaikkan gaji penjawat awam, maka mereka dipersalahkan kerana penyebab besar kenaikan kos sara hidup dan inflasi.

Pada saya, ini adalah pendapat dari seorang yang egois dan tidak bertimbang rasa. Oleh itu, saya memohon penjelasan kerajaan, apakah cara yang terbaik ataupun formula kerajaan yang mampu meningkatkan kuasa beli rakyat?

Apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan kenaikan gaji minimum, berhubung dengan kenaikan gaji penjawat awam ini, bermaksud kerajaan tidak akan memansuhkan gaji minimum. Oleh kerana jika kerajaan beri kenaikan gaji minimum, pastinya akan meningkatkan kos sara hidup seperti yang didakwa oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengumpamakan bajet ini seperti bajet antara dua darjat, apa yang ingin saya terjemahkan ialah kalau kita amati bajet ini dengan mendalam, sebenarnya bajet ini bajet memberi kesan negatif kepada kaum bumiputera. Saya memperkatakan demikian kerana majoriti penerima BR1M adalah kaum bumiputera iaitu seramai lebih kurang 65 peratus. Oleh itu, pengecilan penerima BR1M melibatkan ramai kaum bumiputera.

■1250

Saya memperkatakan demikian kerana selama ini yang susah di negara kita, yang merempat di negara kita adalah rakyat yang jauh nun di kampung. Ini yang kais pagi makan pagi, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga dengan penjawat awam yang terdiri daripada 85 peratus kaum Bumiputera. Dengan pemberhentian kerja, ramai penjawat awam oleh kerajaan ianya sebenarnya melibatkan ramai kaum bumiputera dan Melayu. Begitu juga dengan peneroka FELDA, yang terdiri daripada hampir 98 peratus kaum Melayu dan bumiputera.

Buat masa sekarang, mereka menghadapi kesempitan hidup yang kronik disebabkan kejatuhan harga kelapa sawit, peruntukan sara hidup yang disekat dan tanggungan hutang yang amat tinggi.

Oleh itu, saya ingin mengetahui berapa lama lagi penderitaan harus ditanggung oleh para peneroka FELDA? Setakat ini saya lihat tiada sebarang usaha positif dalam bajet ini untuk membantu peneroka. Dianggarkan seramai 600,000 orang petani, penoreh getah, pesawah dan nelayan yang bergantung hidup dan bantuan daripada kerajaan seperti bantuan subsidi baja dan racun, bantuan sara hidup serta modal untuk memulakan projek pertanian. Saya sedih apabila dalam pengumuman Bajet 2019 mendapati peruntukan kepada golongan ini telah dikurangkan.

Jadi sekali lagi kita lihat majoriti mangsa penderitaan ini adalah daripada kaum Melayu dan bumiputera Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu laporan yang di petik, dari Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F melaporkan majoriti kontraktor bumiputera sedang berhadapan dengan pengalaman ngeri akibat penangguhan dan pemberhentian projek penyelenggaraan oleh kerajaan.

Manakala kenyataan oleh Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia menyatakan hampir 10,000 ahlinya di seluruh negara hilang sumber pencarian hingga terpaksa golong tikar. Mengikut maklum balas yang diterima dari orang ramai, banyak projek infrastruktur mesra rakyat telah dibatalkan serta-merta terutama di kawasan yang bukan dimenangi oleh Pakatan Harapan, di mana projek-projek tidak dibatalkan. Kelewatan Kerajaan Pakatan Harapan selama berbulan-bulan untuk membayar projek kontraktor juga menambah tekanan kepada mereka.

Bajet antara dua darjat ini juga telah menyatakan kadar gaji minimum yang ditetapkan. Pada mulanya Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut gaji minimum adalah sebanyak RM1,050 tetapi telah membuat kenyataan *flip-flop* dengan menyebut kadar gaji minimum di pinda kepada RM1,100.

Namun begitu, pelaksanaan gaji minimum tersebut tidak memberi apa-apa makna kepada golongan pekerja. Kadar ditetapkan sangat tidak mencukupi bagi golongan pekerja berpendapatan rendah memandangkan peningkatan kos sara hidup yang semakin meruncing.

Khazanah Nasional dalam Laporan Keadaan Isi Rumah 2018 melaporkan bahawa pada 2016, wang isi rumah berpendapatan bawah RM2,000 hanya berbaki RM76 sahaja.

Oleh itu, kadar yang ditetapkan dalam bajet kali ini sangat tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua. Saya mendesak kerajaan supaya kadar ini dikaji dan dinaikkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi janji Manifesto Pakatan Harapan yang tidak dapat ditunaikan ialah berhubung dengan pinjaman PTPTN. Semasa berkempen untuk PRU ke-14, Ahli-ahli politik Pakatan Harapan telah memberi harapan kepada peminjam PTPTN bahawa segala hutang mereka akan dihapuskan.

Kemudian, dalam buku Manifesto 100 Hari Kerajaan Pakatan Harapan menyebut bahawa mereka yang telah bergaji RM4,000 ke atas sahaja yang kena menjelaskan hutang mereka. Akibat tekanan hebat yang dikenakan, sekali lagi Kerajaan Pakatan Harapan telah buat *U-turn* dengan menyatakan bayaran perlu dijelaskan apabila peminjam bergaji RM1000, sekarang telah ditukar sekali lagi kepada RM2000. Selepas itu tangguh dan hendak kaji lagi. Jadi sampai bila hendak dapat mekanisme bayaran pinjaman yang muktamad?

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu ramai peminjam PTPTN masih lagi berasa marah kerana ketetapan kerajaan untuk mengenakan potongan wajib dari gaji minimum sebanyak dua peratus hingga 15 peratus adalah sesuatu yang membebankan para peminjam. Walaupun peminjam dalam kategori B40, hanya membayar RM40 sebulan tetapi bagi mereka yang kategori M40 ke atas, jumlah pembayaran bulanan sangat tinggi sehingga ada yang mengadu bahawa di bawah mekanisme baharu ini mereka terpaksa membayar kadar yang lebih tinggi sehingga mencapai RM1200 sebulan.

Mekanisme pembayaran yang diperkenalkan sangat tidak adil dan menyiksa terutama bagi peminjam yang tinggal di kawasan bandar dan baru mempunyai keluarga. Apa yang lebih membimbangkan, kegagalan peminjam menjelaskan pinjaman PTPTN ini boleh mendatangkan risiko sehingga membolehkan peminjam didakwa dan dijatuhkan hukuman muflis. Pasti akan menyebabkan masa depan peminjam dan ahli keluarga menjadi gelap.

Oleh itu, saya mohon kerajaan mengkaji semula mekanisme pinjaman PTPTN dengan betul-betul dan tidak buat secara dengan tergesa-gesa. Kerajaan perlu ingat bahawa atas sokongan para peminjam dari golongan beliau inilah yang meletakkan Pakatan Harapan menerajui kerajaan sekarang. Janganlah sampai mereka akan menganggap bahawa kerajaan ini telah menipu dan mungkir janji kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi persoalan yang hendak saya bangkitkan ialah berhubung dengan pembatalan projek ECRL. Saya sampai sekarang masih keliru sama ada projek ini telah dibatalkan ataupun ditangguhkan. Apa yang jelas projek ECRL ini telah siap 20 peratus dan sekarang projek tersebut telah diberhentikan.

Paling sedih, tapak-tapak pembinaan tersebut telah terbiar begitu sahaja. Peliknya, kerajaan menyatakan bahawa kos projek ini hanya menelan belanja RM30 bilion sahaja. Mantan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib pernah bertanya, bagaimana kerajaan mendapat kos tersebut? Apakah skop kerja yang ditetapkan? Malangnya soalan ini tidak pernah dijawab oleh kerajaan hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun Kerajaan Pakatan Harapan menyatakan bahawa projek ini tidak menguntungkan tetapi bagi rakyat negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang mereka sangat mengharapkan projek ini diteruskan pembinaannya. Ini kerana bagi mereka projek ini sudah tentu dapat membantu menggerakkan dan menjana ekonomi dan pembangunan di negeri-negeri tersebut. Kerajaan Barisan Nasional sangat bijak kerana mereka telah menilai keperluan dan meningkatkan taraf ekonomi bagi rakyat di negeri-negeri tersebut.

Oleh itu, saya sekali lagi membangkitkan persoalan di atas keputusan kerajaan membatalkan projek ini. Pertamanya, apakah limpahan projek ekonomi dan sumbangan projek ini kepada kenaikan KDNK?

Kedua, apakah hasil, daripada projek pembangunan berasaskan pengangkutan kepada kawasan-kawasan sekitar di stesen-stesen? Maka dengan itu, bagi membolehkan rakyat mengetahui kemampuan projek ECRL ini, saya mohon supaya kerajaan mendedahkan laporan kebolehlaksanaan atas projek ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cara Yang Berhormat berhujah itu saya rasa panjang lagi ya. Jadi boleh saya minta Yang Berhormat sambung selepas ini ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Kita jumpa selepas *lunch*.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Mesyuarat Dewan hingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta kita sambung semula minta Yang Berhormat silakan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi memberi laluan kepada saya untuk menyambung ataupun untuk menyudahkan perbincangan saya pada petang ini. Ketiga, jika kerajaan meneruskan harapan, jika kerajaan meneruskan hasrat untuk membatalkan projek ini saya ingin tahu berapakah kos pampasan dan kerugian yang bakal ditanggung.

Keempat, apakah rancangan kerajaan untuk mewujudkan projek pemangkin bagi menjana pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana di dalam Bajet 2019 tidak dinyatakan dengan jelas. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membangkitkan persoalan berhubung dengan rancangan kerajaan untuk memperkenalkan skim *FundMyHome* bagi membantu rakyat memiliki rumah sendiri. Banyak pihak dari kalangan pemaju perumahan mempersoalkan kesesuaiannya dalam memenuhi matlamat membantu rakyat yang disasarkan.

Ramai yang berpendapat bahawa kemampuan rakyat menyediakan *down payment* sebanyak 20 peratus bagi membeli rumah adalah amat sukar khususnya di kalangan rakyat B40 dan M40 malah untuk menyediakan *down payment* sebanyak 10 peratus pun telah menjadi amat sukar kepada mereka. Mengikut kajian REHDA, berpendapat rakyat B40 tidak mampu untuk menyertai skim ini.

Oleh itu, langkah untuk membantu golongan ini memiliki rumah tidak akan tercapai. Dengan pasaran harga rumah yang tidak menentu dalam tempoh lima tahun yang akan datang ada kemungkinan pembeli rumah akan kehilangan *down payment* sebanyak 20 peratus yang dibayar oleh mereka, yang lebih zalim lagi apabila keadaan ini boleh menyebabkan pembeli rugi dan hilang wang pendahuluan tetapi rumah tidak dapat disebabkan rakan pinjam menarik diri.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak jelas akan bagaimana kerajaan dapat menunaikan janji mereka untuk membina satu juta unit rumah mampu milik. Saya ingin tahu bagaimana dan di mana kerajaan dapat memperoleh wang yang cukup untuk membina rumah sebegitu banyak. REHDA menyatakan bahawa kerajaan memerlukan kawasan tanah seluas 4,100 hektar untuk mendirikan satu juta unit rumah kerana kerajaan juga memerlukan kewangan sebanyak lebih kurang RM200 bilion untuk membayar kos projek tersebut yang dijangka mengambil masa selama 10 tahun untuk disiapkan. Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya saya ingin menzahirkan kebimbangan saya terhadap nilai mata wang yang semakin merudum. Mengikut kajian *Fitch Solution Micro Research* sebuah unit kajian di bawah agensi penarafan *Fitch* meramalkan bahawa nilai ringgit akan melemah sehingga RM4.33 kepada USD1 menjelang tahun 2020.

Salah satu faktornya adalah disebabkan oleh suasana politik yang tidak menentu berikutan peralihan kuasa di antara Perdana Menteri sekarang kepada penggantinya yang sekiranya bercelaru akan memberi impak negatif kepada perkembangan ekonomi dan kemasukan pelabur asing. Kejatuhan berterusan nilai ringgit perlu di atasi segera kerana kegagalan mengawalinya akan memberi kesan buruk yang besar kepada sosioekonomi negara antaranya akan menyebabkan kadar inflasi meningkat dan jumlah pembayaran hutang negara yang akan meningkat serta bilangan penganggurannya bertambah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan persoalan ini. Adakah rakyat akan memilih Kerajaan Pakatan Harapan jika Kerajaan Barisan Nasional dahulu boleh memberi BR1M sebanyak RM2,000 berbanding dengan RM400 sekarang ini. Adakah penjawat awam akan memilih dua kali kenaikan gaji berbanding dengan biasa sekarang? Adakah rakyat akan memilih Kerajaan Barisan Nasional yang dapat memberi pelbagai bantuan daripada kerajaan sekarang yang tidak dapat menandingi apa yang Barisan Nasional telah beri. Adakah rakyat akan memilih membayar cukai GST enam peratus daripada cukai SST enam peratus sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sajalah perbahasan saya pada petang ini. Saya merakamkan sekalung terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi ruang dan peluang kepada saya. Ingin saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya sebagaimana yang saya perkatakan di awal mukadimah saya, ucapan saya bahawasanya bajet ini adalah bajet antara dua darjat. Jadi saya mengambil ketetapan saya menolak bajet ini dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas yang telah panjang lebar, mempunyai hujah-hujah yang baik baginya dan bagi kita dan sekarang pula saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Silakan.

■1440

2.40 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya hari ini untuk kemukakan pembentangan Bajet 2019. Tuan Yang di-Pertua, saya pergi terus kepada isu-isu yang saya akan kemukakan. Sedikit perkara Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Menyentuh perbelanjaan berjumlah RM47 juta untuk R&D dengan izinnya pendidikan.

Adakah sebahagian peruntukan ini digunakan untuk kaji selidik profil tanah ataupun *soil profiling*, dengan izin. Kita selalu mendengar tanah-tanah yang tidak sesuai kepada tanaman yang akan ditanam. Minta kementerian mengkaji betul-betul dan tolong beri

keputusan kajian ini kepada peneroka atau pengusaha tanah mengenai kesesuaian tanah dengan jenis tanaman.

Kedua, sasaran atau pembahagian dan penghantaran subsidi baja, racun dan alat pertanian kepada petani yang memerlukannya. Apa kata kita sekarang sewaktu ini ada baja subsidi adalah dihantar sebanyaknya kepada pejabat pertanian bahagian ataupun stor Pertubuhan Peladang di kawasan untuk petani yang sebanyaknya dari jauh pedalaman? Kos penghantaran atau pengangkutan daripada stor ini adalah ditanggung 100 peratus oleh petani sendiri yang sangat tinggi dan kadang-kadang lebih lagi kosnya tinggi dari pembelian baja tersebut. Soalnya, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengurangkan beban pertanian yang terbabit?

Mengenai FAMA. Kita sedia maklum objektif FAMA adalah untuk memperkasakan petani dalam meningkatkan produktiviti pertanian dan melaksanakan pemasaran produk pertanian dengan cara pemasaran yang efektif dan moden.

Satu, adakah FAMA atau kementerian bercadang menetapkan pejabat di bahagian Kapit Sarawak memandangkan sekarang ramai orang pedalaman mencebur diri dalam pengusaha produk seperti sayuran, bahan-bahan dan buah-buahan di bahagian itu? Setakat ini kita hanya ada pejabat FAMA di Bahagian Sibul yang terdekat namun bahagian ini menjaga banyak lagi daerahnya sendiri.

Kedua, FAMA ada menubuhkan lima pasar tani di Sarawak. Semua pasar tani itu berada di bahagian Kuching dan Samarahan sahaja. Adakah FAMA akan mencadangkan untuk mengadakan pasar tani di bahagian lain di Sarawak seumpamanya di bahagian Kapit? Ini bagi menambah ramai orang mencebur diri di pengusaha seperti ini. Tempat yang disediakan oleh Majlis Daerah Kapit telah tidak mencukupi sekarang.

Banyak program kementerian pertanian ialah untuk meningkatkan produktiviti dan menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam pengurusan pertanian. Banyak program sedia ada seperti myAgrosis, agropreneur, agropelancongan, pelatihan atau PLKPK dan sebagainya. Soalan saya, sejauh manakah pencapaian atau *progress* program-program yang sedia ada setakat ini dan program apakah yang mempunyai banyak kesan efektif sekali?

Lembaga Getah. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh insentif pengeluaran getah. Dengan peruntukan sebanyak RM50 juta, tujuan bagi membantu mengurangkan kesan kejatuhan harga getah kepada pekebun kecil. Mereka akan menerima sokongan daripada IPG jika harga getah jatuh bawah RM2.20 sekilogram. Persoalannya, berapa ramai pengusaha-pengusaha getah berdaftar di Sarawak dan berapa ramai pengusaha itu menerima bantuan serta berapakah jumlah bantuannya?

Bomba. Tuan Yang di-Pertua, kebakaran rumah panjang di Sarawak. Pada tahun 2016 melibatkan 26 buah rumah panjang dan pada tahun 2017 melibatkan 23 buah rumah panjang. Tahun 2018 dan setakat hari ini sebanyak 27 buah rumah panjang musnah kerana kebakaran. Saya memang menyanjung tinggi perkhidmatan bomba.

Adakah kajian punca kebakaran berlaku sudah ada diadakan? Pertama, apakah puncanya?

Kedua, apakah langkah yang telah diambil untuk mengelakkan kejadian kebakaran sebegini?

Kementerian Pengangkutan. Kita dimaklumkan berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, perkhidmatan *MASwings* dengan pesawat ATR dari Kuching ke Sibul, Kuching ke Miri, Kota Kinabalu ke Miri, Kota Kinabalu ke Sibul akan ditamatkan?

Saya bersetuju menamatkan perkhidmatan ATR itu kerana *load factor* dan juga untuk menjimatkan subsidi *Rural Air Service*, dengan izin, berjumlah RM160 juta.

Akan tetapi soalan saya, adakah sektor ini diambil alih oleh *Malaysia Airlines* dengan Pesawat 737 atau diberi kepada *AirAsia* sahaja? Akan tetapi, saya berharap subsidi perkhidmatan kepada RAS atau *Rural Air Service*, dengan izin, di kawasan pedalaman tidak ditarik balik seperti sektor Miri, Marudi, Lawas, Limbang, Bakelalan dan sebagainya.

Instrument Landing System (ILS), dengan izinnya, di Lapangan Terbang Seletar, Singapura. Saya minta penjelasan daripada kementerian bagaimanakah ILS dari negara jiran ini mengganggu keselamatan kita? Apakah langkah telah diambil oleh kementerian?

Pemasangan CCTV di KLIA, Lapangan Terbang Kuching. Berapa unit yang sudah dipasang di lapangan terbang tersebut dan berapa unit yang ada merakam dan berapa hari *playback*, dengan izin? Adakah di semua lapangan terbang di bandar-bandar lain dipasangkan dengan CCTV?

Terdapat dalam buku belanja 2019, ada dikemukakan satu strategi baru untuk meningkatkan hasil negara iaitu REIT atau *Real Estate Investment Trust*, dengan izin, ataupun Amanah Pelaburan Hartanah. Saya hanya hendak meminta penjelasan sedikit, apakah mekanisme REIT? Siapakah yang mengurus REIT itu? Apakah aset atau ekuiti yang akan disenaraikan dijual di Bursa Saham sepertinya? Adakah penjualan ekuiti dalam aset ini dibuka kepada pelabur asing?

■1450

Adakah peratusan syer ataupun terhad kepada pelaburan tempatan dan agensi tempatan umpamanya ASN.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah ditamatkan dan akan digantikan dengan program baru iaitu program

penggabungan aktiviti *indoor* dan *outdoor*, dengan izin, yang menggunakan model *outbound Malaysia*. Apakah kriteria pemilihan 200 orang peserta yang terbaik untuk memasuki dalam program *Malaysian Future Leaders School* (MFLS), dengan izin, yang mengadaptasikan program *Japanese Future Leaders School*, dengan izin, juga? Di manakah terletakinya sekolah ini dan bilakah program ini akan dilancarkan?

Kementerian Pendidikan Malaysia. Semalam saya dengar 386 orang guru-guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak dan Sabah mohon minta *transfer* balik ke tempat asal mereka. Soalan saya, berapa lama sudah kah tempoh perkhidmatan mereka di tempat masing-masing di Sarawak dan Sabah? Apakah sebab permintaan pemindahan ini?

Saya merasa hairan apabila saya berkesempatan bertemu dengan guru-guru dari Semenanjung yang selalunya saya mendengar mereka berasa seronok berkhidmat di Sarawak. Dalam keadaan sebulan dua mereka berasa *homesick*, dengan izin. Akan tetapi apabila sudah tiga bulan, mereka berasa seronok. Itu yang saya hairan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya buat masa sekarang. Berapa ramai kah guru-guru dari Semenanjung yang masih berkhidmat di Sarawak dan Sabah? Apakah pencapaian dasar kerajaan untuk menetapkan 90 peratus guru-guru berkhidmat di Sabah dan Sarawak adalah orang Sabah dan Sarawak sendiri? Apakah cabaran tentang isu ini?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai bangunan sekolah yang telah dilanda banjir di kawasan Kapit baru-baru ini. Sekolah terbabit iaitu Sekolah Kebangsaan Nanga Sempili akibat hujan lebat dua minggu yang lepas, menyebabkan paras air sungai naik mendadak dan menenggelami kawasan sekolah itu. Terdapat juga sekolah yang lain SK Nanga Kain yang terdekat juga selalu mengalami kesusahan sama seperti ini. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak sekolah atau orang kampung memohon untuk pemindahan sekolah ke tempat yang lebih selamat. Adakah permohonan ini diterima oleh pihak kementerian?

Sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya akan baca satu pantun.

*Pucuk pauh delima batu;
Genggam di tapak tangan;
Tuan jauh beribu batu;
Hilang di mata di hati jangan.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2.45 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada pantun, saya masih belajar, lain kali saya akan cuba satu, dua.

Saya bersyukur dan berterima kasih kerana peluang yang diberikan untuk berbahas pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Lim Guan Eng di Dewan Rakyat pada 2 November 2018 dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin pada pagi semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 julung kali dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Saya melihat ini adalah satu gambaran yang membawa maksud kepada amalan demokrasi di negara kita di mana buat pertama kali selepas 9 Mei 2018, kita nampak ada pertukaran kerajaan melalui proses pilihan raya yang aman. Itu telah membawa satu tanda bahawa nilai undi itu memang ada. Kita jangan ingat pilihan raya itu seumpama untuk meneruskan pemerintahan sesebuah kerajaan, tetapi tidak. Selepas ini, kalau Kerajaan Pakatan Harapan tidak berfungsi ataupun *perform* dengan baik dengan izin, maka rakyatlah, pengundi ini mereka yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada kerajaan baharu, ini kerana walaupun mereka mewarisi kedudukan kewangan yang membimbangkan, iaitu lebih daripada RM1 trilion hutang negara sehingga akhir bulan Jun 2018, tetapi di dalam bajet ini saya lihat, kerajaan telah pun memperkenalkan pelbagai bantuan kepada rakyat, khususnya kepada golongan B40. Ini untuk memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup mereka dan kebajikan mereka terus dibela dan dijamin.

Saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana mereka menyumbang secara sukarela, mengikut kemampuan mereka sendiri melalui Tabung Harapan yang ditubuhkan pada bulan Julai 2018. Sehingga sekarang saya periksa daripada laman web, ia telah menjana sejumlah RM189 *million*. Ini satu tanda taat ataupun cinta kepada negara, di mana kita sama-sama membantu untuk memulihkan ekonomi negara kita.

Saya juga mengambil maklum bahawa Tabung Harapan ini akan tamat pada 31 Disember 2018. Akan tetapi pada pendapat saya, saya rasa mungkin Kementerian Kewangan boleh melanjutkan kutipan tersebut untuk tempoh setahun.

Oleh sebab saya percaya, ada lagi syarikat ataupun individu yang sanggup, yang mahu menyumbang pada awal tahun hadapan. Ini kerana selepas *especially after the financial year end*, dengan izin, tahun kewangan mereka berakhir nanti, mereka akan menyumbang pada tahun hadapan. Ini satu peluang untuk mereka menyumbang pada tahun hadapan, kalau kita boleh panjangkan tempoh Tabung Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai hal pendidikan. Ini berhubung kait dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya mengambil maklum bahawa sebanyak 19.1 peratus daripada keseluruhan Bajet 2019 diperuntukkan

kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Iaitu berjumlah sebanyak RM60.2 bilion dan daripada jumlah tersebut, saya nampak ada sejumlah RM2.9 bilion telah diperuntukkan untuk membantu golongan murid yang miskin melalui bekalan makanan, buku teks dan juga bantuan secara tunai yang disebut di dalam Bajet 2019.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai mekanisme dan langkah untuk mengagihkan peruntukan tersebut mengikut keperluan negeri dan berapakah jumlah yang akan diagihkan kepada negeri Sarawak yang begitu luas sekali?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui bagaimana orang ramai ataupun syarikat-syarikat boleh mencebur diri dalam perkhidmatan pembekalan tersebut, terutamanya pembekalan makanan dan buku teks. Apakah kawal selia yang akan dikenakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan mutu makanan dan bantuan tunai tidak di boros ataupun *dihijack* dan akhirnya tidak sampai kepada sasaran kami untuk membantu murid-murid yang betul-betul memerlukan bantuan tersebut iaitu mereka daripada golongan miskin.

Satu lagi isu yang penting yang dihadapi oleh guru-guru dan murid-murid adalah sekolah daif dalam Inggeris *dilapidated school*. Ia dikatakan sebanyak- di Sarawak ini kita hanya ada 1,454 buah sekolah rendah dan sekolah menengah. Akan tetapi, sebanyak tujuh peratus iaitu 1,020 buah sekolah di klasifikasi sebagai sekolah daif, ini 70 peratus.

■1500

Daripada 1,020 buah sekolah itu ada 451 buah sekolah dikategorikan sebagai sangat daif, *in a very dilapidated stage*, dengan izin. Saya ingin menyeru supaya perhatian diberikan dan peruntukan yang secukupnya diberikan oleh kementerian, daripada wang yang sebegitu banyak diberikan dalam peruntukan Kementerian Pendidikan untuk diberikan kepada kerja-kerja menaik taraf atau membaiki sekolah-sekolah di Sarawak ini. Saya mengharapkan Kementerian Pendidikan dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat semasa penggulungan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya ingin kemukakan ialah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan projek perumahan di negeri Sarawak. Di dalam Bajet 2019, telah menyebutkan ada peruntukan hampir RM1.5 bilion untuk Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia, PR1MA dan Syarikat Perumahan Negara Berhad demi memastikan bekalan rumah mencukupi.

Saya ingin tahu, berapakah yang akan diperuntukkan kepada negeri Sarawak? Bolehkah kementerian mencadangkan untuk memudahkan penglibatan pihak swasta dalam projek-projek tersebut seperti menerima cadangan pembangunan dan permohonan

melalui laman web ataupun secara *online* untuk menjimatkan kos pemaju-pemaju ataupun pihak-pihak syarikat tempatan yang berminat?

Saya juga harap peluang untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam isu perumahan ini dapat diberikan kepada syarikat-syarikat yang berasal dari Sarawak. Saya juga ingin menyeru supaya pihak kementerian- saya telah difahamkan Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara Berhad setakat sekarang ini, kalau saya salah sila betulkan. Setakat sekarang ini SPNB belum melantik pengarah yang baru... [Disampuk] Ya, SPNB.

Oleh itu, ia menjejaskan, semua projek yang diluluskan itu tidak boleh dilaksanakan kerana tidak ada lembaga pengarah. Saya harap semasa penggulungan isu ini boleh dijawab. Kalau isu ini betul, bilakah pengarah baharu akan dilantik untuk SPNB?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai isu peminjam wang berlesen. Saya ingin tahu, berapakah jumlah pelesen di seluruh Malaysia ini? Khususnya jumlah pelesen di Sarawak, jumlah mereka di Semenanjung Malaysia dan Sarawak yang berlesen.

Ada berapakah syarikat peminjam wang berlesen yang telah dibatalkan lesen mereka dalam tempoh lima tahun ini? Apakah kesalahan yang dilakukan oleh mereka serta sebab-sebab lesen mereka dibatalkan? Usaha mengawal along memerlukan kecekapan daripada kementerian dan pihak polis. Adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengendalikan Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai sedar bahawa ada promosi seperti *name card* atau risalah dicetak dan diedarkan di merata-rata tempat contohnya di atas cermin kereta, *nail on the tree* atau memaku di atas pokok ataupun disimpan di atas tiang lampu di sekitar kawasan perumahan. Itu tidak dibenarkan kalau tidak mendapat permit daripada kementerian.

Saya sendiri telah mengadukan, selepas itu saya nampak terdapat nombor telefon ditulis. Sememangnya pihak polis ataupun pihak penguat kuasa, saya harap mereka dapat mengambil perhatian supaya aktiviti promosi haram yang tanpa permit ini boleh dielakkan. Saya minta satu tindakan proaktif untuk mengurangkan kegiatan seperti itu. Oleh sebab kemungkinan itu semua adalah kegiatan along yang bukan berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu bomba dan pasukan bomba sukarela juga ingin saya kemukakan kepada kementerian. Saya juga ingin mengucapkan takziah di dalam Dewan yang mulia ini, kepada keluarga mangsa enam orang anggota bomba yang terkorban semasa operasi mencari dan menyelamatkan remaja berumur 17 tahun di lombong Taman Putra Perdana, Puchong tidak lama ini. Mereka ialah wira negara dan saya ingin menyebut nama mereka supaya dicatat di dalam Penyata Rasmi Dewan Negara ini.

Mereka yang terkorban ialah Mohd Fatah Hashim, Mazlan Omar Baki, Adnan Othman, Izzatul Akma Wan Ibrahim, Muhammad Hifdzul Malik Shaari dan Yahya Ali.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi enam anggota bomba lemas di lombong baru-baru ini memang sangat menyedihkan. Malangnya sekarang seorang anggota bomba muda iaitu Muhammad Adib Mohd Kassim masih dirawat rapi di IJN. Kita mendoakan semoga beliau sembuh dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, daripada insiden kemalangan tersebut adakah bomba atau kementerian sudah membuat siasatan dalaman? Apakah keputusan siasatan yang boleh dikongsi kepada Dewan Negara yang mulia ini? Adakah kementerian turut mengambil berat terhadap tahap penyelamatan ini? Adakah prosedur baharu yang diperkenalkan oleh bomba ataupun kementerian supaya kita dapat mencegah atau dapat mengurangkan berlakunya kejadian seperti ini pada masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengenai statistik terkini Unit Pasukan Bomba Sukarela di Sarawak mengikut daerah dan juga skim elaun mereka serta adakah kerajaan bercadang untuk menambah baik fungsi pasukan bomba sukarela dalam membantu semasa kemalangan dan kebakaran? Apakah kursus-kursus yang telah dan akan diadakan dari semasa ke semasa untuk anggota pasukan bomba sukarela?

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya saya beralih kepada isu pembinaan hospital baharu di Miri, Sarawak yang berhubung kait dengan Kementerian Kesihatan. Saya ingin mengetahui daripada Kementerian Kesihatan, bilakah akan diadakan sebut harga dan projek pembinaan itu akan dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya ataupun Kementerian Kesihatan sendiri?

Saya juga ingin maklumat terperinci seperti kos pembinaan, tapak pembinaan, keluasan tapak tersebut, jumlah katil, pakar yang ada dan lain-lain maklumat dibekalkan semasa penggulungan oleh Menteri Kesihatan. Sementara penduduk Miri menunggu hospital baharu siap dibina, apakah langkah serta-merta untuk menambah baik atau menaik taraf kepakaran dan kapasiti Hospital Miri buat sementara waktu?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui daripada Kementerian Kesihatan-saya pernah bangkitkan secara peribadi kepada Yang Berhormat Menteri mengenai perkembangan terkini pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital di seluruh negeri Sarawak. Iaitu pelantikan Ahli Lembaga Pelawat, *Visitor Board*, dengan izin. Adakah nama-nama calon telah dihantar oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak kepada Bahagian Pengurusan Kementerian Kesihatan? Adakah Bahagian Pengurusan telah dalam proses mengemukakan calon-calon yang diterima untuk pemilihan dan keputusan Yang Berhormat Menteri Kesihatan?

Tuan Yang di-Pertua, satu isu kecil yang ingin bangkitkan, satu isu lagi ialah mengenai Kementerian Pengangkutan yang ingin saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, adalah mengenai penggunaan cermin gelap kenderaan Malaysia. Saya mengambil maklum mengenai satu rang undang-undang baru tentang penguatkuasaan cermin gelap untuk kenderaan akan dibentangkan pada persidangan Parlimen tahun hadapan. Itu satu inisiatif yang sangat baik.

Akan tetapi, kami khususnya di Miri, Lawas dan Limbang selalu perlu melintasi negara Brunei Darussalam. Ini kerana kita tiada jalan raya di dalam negeri untuk pergi ke tiga-tiga tempat ini. So, dengan izin, *we have to borrow Brunei roads if we want to go from Miri to Limbang or to Lawas*. Saya bercadang supaya satu rundingan mungkin boleh diadakan bersama dengan Kementerian Pengangkutan di Brunei untuk isu itu kerana walaupun cermin gelap dibenarkan di Malaysia tetapi ia langsung tidak dibenarkan di negara Brunei.

Saya pun menghormati kedaulatan undang-undang mereka tetapi mungkin satu pendekatan yang munasabah boleh dicapai di antara dua negara supaya kita dapat memudahkan orang-orang kita semasa kita menggunakan jalan raya mereka.

Satu lagi isu ialah mengenai *VIP lounge* ataupun bilik tetamu khas. Adakah senarai VIP dikatakan telah dibekalkan oleh Pejabat Residen di Sarawak, walaupun pada pendapat saya seharusnya Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) yang mempunyai hak ke atas penggunaan bilik tetamu khas yang disediakan di setiap lapangan terbang.

■1510

Saya memohon pengesahan. Kalau betul, mengapakah harus MAHB merujuk kepada Pejabat Residen di Sarawak mengenai senarai orang-orang kenamaan yang boleh mengguna pakai *VIP lounge*, dengan izin. Juga saya ingin mengetahui, bilakah MAHB akan melaksanakan pemeriksaan secara automatik ataupun dengan mengguna pakai mesin pengimbas yang lebih canggih?

Isu ini Tuan Yang di-Pertua, telah hangat dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Kinabatangan untuk mengelakkan tindakan meraba-raba dengan tangan. Itu, bagi saya pun saya selalu kena tetapi saya rasa tidak begitu berkesan dan itu pun dilihat, dengan izin, kurang *polite* di kalangan orang ramai kita diraba-raba. Saya pergi ke negara lain, mereka menggunakan mesin untuk *scan* badan kita. So saya harap, mungkin dalam aspek ini, adakah pihak MAHB boleh tingkatkan mesin pengimbas mereka supaya lebih canggih dan mengelakkan isu meraba-raba ini berlaku lagi?

Saya juga ingin mengambil peluang di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Anthony Loke yang mengambil berat tentang hal tambang yang mahal semasa musim perayaan. Kepada pihak penerbangan

AirAsia, baru-baru ini telah memperkenalkan beberapa *route* tengah malam di musim perayaan Tahun Baru Cina, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih.

Satu lagi mengenai *route* dari Miri ke Sibu ataupun Sibu ke Miri yang dikendalikan oleh *MASwings* sekarang, tambangnya saya ingin maklumkan sangat mahal, *very expensive*. Saya harap mungkin Kementerian Pengangkutan boleh juga mengkaji perkara ini ataupun membuka peluang kepada *AirAsia* untuk membekalkan perkhidmatan Miri ke Sibu dan Sibu ke Miri.

Tuan Yang di-Pertua, isu kecekapan polis dan kes jenayah komersial dan juga pembinaan Balai Polis Pusat Miri, ingin saya bangkitkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Banyak kes penipuan secara komersial dengan kaedah pelaburan. Ini juga *discovered*, dilindungi dengan perjanjian di antara kedua-dua pihak untuk mengelakkan mereka ini bertanggungjawab ataupun disabitkan jenayah.

Saya rasa Kanun Keseksaan, *Penal Code* harus diubah untuk memasukkan kegiatan pemegang saham ataupun ahli lembaga sesebuah syarikat itu sebagai perbuatan jenayah sekiranya mereka terlibat dalam kes-kes jenayah komersial. Mutu kecekapan pegawai penyiasat (IO) harus juga dipertingkatkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terima banyak aduan. Mereka ini pengadu telah mengalami kerugian yang besar tetapi lama menunggu dan tidak menerima keputusan siasatan. Jarang juga ada yang dituduh ataupun lebih banyak masa pegawai penyiasat akan menyuruh si pengadu ini untuk merujuk kes mereka kepada peguam untuk tindakan sivil.

Justeru itu, *Penal Code* harus diubah supaya kita masukkan. Ini kerana mereka ini sangat pandai. *This is very sophisticated*, dengan izin, *white collar crime*. Dia pakai perjanjian bertulis untuk mengelakkan dia daripada disabit salah. So, kita kena ubah *Penal Code* supaya mereka ini, ahli lembaga ataupun *director*, dengan izin, akan dikenakan tindakan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak kes *investment scam* juga, di mana ramai yang menjadi mangsa dan mengalami kerugian yang banyak. Ini harus diambil berat. Saya juga ingin mengetahui daripada pihak polis dan KDN sama ada kajian akan diadakan untuk meningkatkan mutu ataupun latihan-latihan kepada IO kita dalam mengendalikan kes ataupun menangani kes jenayah yang semakin rumit dan canggih hari ini.

Satu lagi, sebelum saya beralih kepada isu Imigresen adalah pembinaan Pusat Balai Polis Miri. Pusat Balai Polis Miri ini dibina sejak tahun 50-an, masa *colonial times*, dengan izin. Ia adalah bangunan satu tingkat sahaja. Dr. Nuing tahu. Orang-orang Miri semua kenal bangunan balai polis kita yang begitu teruk sekarang. Saya telah menerima balasan secara bertulis daripada Kementerian Dalam Negeri bahawa masih dikaji.

Akan tetapi saya harap perkara ini dapat diambil berat dan saya sering kali ada lawatan daripada bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri ataupun daripada pegawai polis ke Miri. Mereka berasa menyesal nampak keadaan bangunan Balai Polis Miri yang begitu teruk. Saya harap ini akan diambil berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menerima satu surat yang dibekalkan oleh pengusaha syarikat kapal ikan di Miri yang mempunyai kru asing. Mereka telah menerima sepucuk surat yang bertarikh 19 November 2018 daripada Ketua Imigresen Pejabat Perkapalan Miri yang mengarahkan kesemua kru asing, termasuk kru daripada Semenanjung dan Sabah dikehendaki untuk memohon pas lawatan sementara bagi membolehkan mereka bekerja di sini. Maka dengan itu, pemberian pas mendarat ataupun, dengan izin, *sign-on and sign-off* kepada kru-kru tersebut akan diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Apakah rasional polisi tersebut yang membatalkan kemudahan *sign-on and sign-off* kepada kru asing yang diamalkan selama ini? Adakah ini diperkenalkan di seluruh Malaysia? Apakah jaminan kepada pengusaha terhadap polisi yang baharu dikenakan ini agar pemprosesan dapat dipercepatkan supaya tidak mempengaruhi operasi perikanan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah mengenai Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Saya difahamkan ada terdapat dua bidang tanah iaitu Lot. 2317 dan Lot 2519 *Miri Concession Land District* yang pernah dicadangkan untuk pembangunan integrasi. Kedua-dua bidang tanah tersebut berkeluasan 74.67 ekar. Ia terletak di kawasan Pujut yang dibangunkan sejak tahun 80-an dan kini tidak mempunyai banyak lagi tanah kosong untuk menampung keperluan bilangan penduduk yang bertambah. Saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk membangunkan tanah tersebut untuk memenuhi kehendak tempatan dan menepati hasrat kerajaan, terutamanya penyediaan rumah mampu milik ataupun fasiliti sukan di Miri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum juga usaha-usaha kerajaan dalam memupuk semangat patriotisme dan sayangi negara. Banyak rancangan telah giat dianjurkan untuk tujuan tersebut seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri hari kelmarin.

Akan tetapi di sebalik kita menanam semangat patriotisme untuk negara Malaysia yang meliputi semua negeri, terdapat sekumpulan pergerakan orang itu, termasuk ahli politik yang terlibat dalam pergerakan tersebut ataupun *movement* 'Sarawak Exit' ataupun Sabah dan Sarawak keluar Malaysia. Ini satu pergerakan atau *movement* yang bahaya. Mereka cuba menanam politik kebencian mengguna pakai sentimen *local* ataupun *regional sentiment* menentang parti-parti kebangsaan.

Justeru, saya ingin menarik perhatian KKMM agar dapat mengambil berat terhadap kecenderungan trend, dengan izin, tersebut supaya dapat membetulkan pemikiran dan menyampaikan konsep kenegaraan yang betul melalui saluran dan sumber yang ada pada KKMM, melalui radio dan televisyen. Oleh sebab ini sangat bahaya. Mereka melalui *social media* hendak kata Sabah dan Sarawak keluar Malaysia tetapi hakikatnya kita dalam Persekutuan. Ini pergerakan yang bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, kes fitnah selalu memerlukan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) kerana siasatan yang dijalankan oleh pihak polis tidak dapat diteruskan tanpa bantuan teknikal. Akan tetapi sering kali kita menerima maklum balas bahawa MCMC mengambil masa agak lambat dan kurang efektif dalam membekalkan maklumat yang diminta oleh pegawai penyiasat pihak polis.

Saya juga ingin menarik perhatian MCMC mengenai tujuh laporan polis yang dilaporkan oleh seorang ADUN di Sarawak, Yang Berhormat Wong King Wei. Laporan tersebut ialah Tabuan Jaya/003688/18 dan Padungan/009190 hingga 95.

■1520

Mengenai fitnah yang dimuat naik ke halaman *Facebook* yang memerlukan pengesahan ID ataupun IP daripada MCMC dan saya berharap mendapat perhatian yang sewajarnya daripada MCMC dalam mencegah gejala fitnah dan menyalahgunakan pakai sosial sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini mengenai Kementerian Industri Utama. Saya memang sedia maklum sebagai salah seorang Ahli Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengenai beberapa langkah baik yang dikemukakan seperti bantuan tanaman semula, berikan diskaun 20 peratus untuk insentif mekanisme, memberi jentera untuk digunakan di ladang sawit, insentif RM3,000 ke RM11,000 untuk tanaman integrasi dan penyediaan induk ternakan seperti lembu dan kambing, mewujudkan *Sustainable Palm Oil Cluster* untuk menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti untuk kebaikan semua. Saya tahu semua itu dan saya juga mengambil maklum terhadap *supply and demand* dan *trend* antarabangsa yang mengakibatkan harga minyak sawit turun.

Akan tetapi, bolehkah saya memohon jasa baik dan merayu kepada Kementerian Industri Utama supaya mengadakan satu perbincangan bersama dengan Kementerian Kewangan ataupun melalui Kabinet. Kita adakan satu subsidi ataupun bantuan bentuk kewangan buat tempoh kritikal ini supaya kita boleh membantu secara konkrit, bantuan yang konkrit kepada pengusaha sawit kerana mereka kini bukan sahaja mengalami kerugian tetapi mereka perlu menanggung perbelanjaan bulanan seperti ansuran kereta, ansuran rumah, kos pendidikan anak-anak mereka, kos baja dan kos pekerja. Ini sangat menyusahkan mereka.

Saya harap ini dapat diambil berat juga Tuan Yang di-Pertua. Di samping itu juga, satu isu yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai kos menjalankan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Kos ini begitu tinggi, saya pernah menerima *quotation*-ladang yang sama saiz, tetapi *quotation* dia berlainan beza. Sebanyak 50 percent different, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya ingin mengetahui daripada kementerian sama ada kerajaan dapat meneliti caj daripada pihak swasta supaya ia lebih munasabah dan berpatutan dan mengikut kadar yang diterima. Ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua? Ada [*Ketawa*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Sangat panjang kali ini. Boleh gulung. *Last* Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh secepat mungkin ya.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kementerian sahaja iaitu Kementerian Pertahanan yang saya ingin bangkitkan tadi dan Yang Berhormat Senator juga bangkitkan iaitu isu- saya lihat ada Manifesto Pakatan Harapan yang menyatakan Program Latihan Khidmat Negara akan dihentikan. Akan tetapi juga ada pandangan dan pendapat lain bahawa kajian bebas yang perlu diadakan supaya program ini dapat diteruskan kerana ia berjaya memupuk sifat patriotisme dan nilai murni yang tinggi di kalangan pelatih.

Justeru saya ingin mengetahui daripada Kementerian Pertahanan, adakah kementerian melakukan kajian mengenal pasti implikasi penutupan program berkenaan serta penambahbaikan yang mungkin boleh dilakukan sekiranya ia boleh diteruskan. Saya memohon agar satu *update* dikemukakan kepada Dewan yang Mulia ini semasa penggulungan Yang Berhormat Menteri Pertahanan nanti. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana masa panjang diberikan kepada saya.

Seorang Ahli: Pantun?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Pantun belum lagi. Mungkin tahun depan saya belajar sedikit lagi. Saya belajar daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Akhir kata saya memuji kerajaan Pakatan Harapan atas pembentangan Bajet 2019 dan menyokong sepenuhnya ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang bertajuk, "Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera". Sekian perbahasan saya. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong telah bercakap panjang lebar dan baik.

Sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, sila.

3.24 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.*

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Tuan Yang di-Pertua, dalam mendepani cabaran ekonomi dan persekitaran prestasi global, kerajaan perlu mengambil kira unjuran pertumbuhan ekonomi global yang agak lemah pada tahun 2019.

Justeru itu, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Kerajaan Persekutuan terutama kedudukan rizab Bank Negara sejak Jun 2018 serta bagaimanakah Bank Negara Malaysia serta Kementerian Kewangan memastikan jumlah rizab kewangan negara tidak mengancam kestabilan Dasar *Monetary* Awam Negara.

Kedua, bagaimana kerajaan mengawal tekanan pengaliran keluar modal asing yang semestinya menjejaskan prestasi ringgit berbanding dengan mata wang utama dunia? Seterusnya hakikat serta terma rujukan *statutory* yang akan diguna pakai dalam menubuhkan Pejabat Pengurusan Hutang agar hutang dan liabiliti yang ditanggung Kerajaan Persekutuan diuruskan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, modal pembangunan infrastruktur Malaysia secara kerjasama awam-swasta telah membuktikan bahawa Malaysia menanggung peningkatan yang amat besar dalam jaminan kerajaan sehingga RM238 bilion pada tahun 2017 berbanding RM69.2 bilion bagi tahun 2018.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, perincian mengenai projek-projek PPP, yakni projek usaha sama kerajaan dan juga swasta yang dilaksanakan sejak tahun 2009 sehingga tahun 2017 yang mana berlaku kenaikan hampir RM169 bilion dalam tanggungan jaminan Kerajaan Persekutuan.

Kedua, apakah pandangan dari segi ekonomi bahawa jaminan liabiliti merupakan tanggungan 100 peratus kerajaan ataupun ianya merupakan modal perniagaan dengan bayaran baik dijana melalui caj penggunaan pengguna seperti jalan bertol, penjana bebas atau sistem pengangkutan bandar. Seterusnya, sejauh manakah cabaran dan tanggungan Kerajaan Pakatan Harapan dalam menyediakan kerangka pengurusan defisit Kerajaan Persekutuan? Adakah pindaan semula akan dilakukan ke atas perjanjian taja jamin Kerajaan Persekutuan dan dalam mengurangkan impak hutang negara?

Saya ringkaskan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2019, Kementerian Pembangunan Luar Bandar diperuntukkan sebanyak RM8.4 bilion dengan fokus bajet pembangunan diberikan siling perbelanjaan anggaran RM5.38 bilion. Dalam

bajet pembangunan ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.057 bilion penajaan pendidikan MARA untuk membiayai pendidikan tinggi anak bumiputera dan penduduk luar bandar.

Soalan saya pertama, terdapat rayuan bantuan pembiayaan pendidikan bagi kumpulan pelajar IPT luar negara yang memohon bantuan pembiayaan pendidikan ekoran kenaikan nilai USD. Apa yang mengecewakan terdapat golongan M40 tidak dapat dipertimbangkan kerana dasar MARA hanya membantu B40. Soalan saya, bagaimanakah kaedah kerajaan dapat membantu rayuan-rayuan pelajar IPT luar negara yang memohon bantuan pinjaman MARA ini?

Kedua, sejauh manakah prestasi kedudukan semula bayaran penajaan MARA pada tahun 2018 dan unjuran tahun 2019? Bolehkah MARA memberikan perincian mengenai bilangan peratusan bayaran balik berbanding dengan jumlah penajaan serta statistik mengenai bayaran balik ini?

Ketiga, berapakah unjuran penajaan pelajaran bagi tahun 2019? Apakah jumlah yang diperuntukkan ini mampu membantu penajaan pelajar B40 yang cemerlang melanjutkan pelajaran di bidang kritikal pada tahun 2019 dan tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, liputan jalur lebar di setiap ceruk desa akan membantu kerajaan menangani jurang digital yang semakin meluas di kalangan masyarakat luar bandar dan bandar. Ini akan memangkinkan keupayaan hubungan perniagaan dan merencanakan pertumbuhan ekonomi pasaran berasaskan zon bebas digital.

■1530

Soalan saya, bagaimanakah kerajaan menyasarkan liputan 100 peratus jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan berpenduduk di luar bandar agar jurang digital dapat dirapatkan? Bagaimanakah platform pelaksanaan standard mandatori mengenai harga capaian dan juga penurunan harga jalur lebar mulai 2 Oktober 2018 dan awal tahun 2019?

Ini dipatuhi oleh semua penyedia perkhidmatan dan bayaran lebih adil ditanggung oleh pelanggan bandar dan juga luar bandar kerana kelajuan jalur lebar yang kurang memuaskan di desa merencanakan penyampaian sebenar kelajuan infrastruktur digital. Seterusnya, apakah perlu kerajaan memikirkan sebarang insentif agar pelanggan desa yang berkelajuan lebar perlahan ingin dibantu dan juga akan mengaktifkan jumlah pengguna di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, aspek pembangunan nilai hasil kandungan kreatif amat perlu diberikan perhatian segera pada tahun 2019, kerana kerajaan hanya menyasarkan RM670 juta dijana melalui penghasilan kandungan digital, berbanding dengan RM690 juta pada tahun 2017. Pada masa ini, sektor pekerjaan kandungan kreatif ini menghadapi tekanan kerana telah wujud VSS di sebilangan stesen TV seperti TV3 dan juga Astro.

Soalan saya, bagaimanakah peruntukkan permohonan dasar industri kreatif negara dapat membantu sasaran penghasilan kandungan digital tidak mengalami penyusutan nilai dan penghasilannya menjelang tahun 2019 dan juga tahun 2020? Bagaimanakah pihak kerajaan dengan kerjasama swasta dapat melipat gandakan usaha penghasilan kandungan digital dan industri kreatif ini terus menyumbang kepada sektor pertumbuhan ekonomi negara agar pekerja yang berada dan ekosistem ini dibantu dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, aspek keharmonian dan ketenangan awam perlu diberikan perhatian yang serius, pada awal Jun tahun 2018, kerajaan telah mengumumkan moratorium penguatkuasaan akta-akta yang dianggap sebagai tidak menepati aspirasi demokrasi dan juga hak-hak asasi manusia.

Soalan saya kepada Kementerian Dalam Negeri, pertama, apakah fokus lebih terarah PDRM agar kes-kes gangguan ketenteraman awam, penyalahgunaan media sosial, dan jenayah komersial ditangani dengan berkesan melalui peruntukan RM136 juta dan juga melalui sistem teknologi maklumat PDRM.

Kedua, sejauh manakah kerangka kerjasama dan perkongsian kerjasama strategik PDRM dengan siber sekuriti Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam membendung keluaran berita-berita palsu dan tidak benar agar penguatkuasaan ketenteraman dan keharmonian masyarakat disasarkan lebih tinggi pencapaiannya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan bersetuju untuk menghapuskan hukuman gantung sampai mati adalah amat menyusahkan orang awam lebih-lebih lagi statistik yang diberikan Jabatan Penjarah bahawa terdapat hampir 930 banduan akhir merupakan sabit kesalahan dadah berbahaya.

Justeru tumpuan penguatkuasaan dadah di perairan maritim kawalan sempadan negara dan pemulihan dalam komuniti memerlukan satu bajet yang besar. Jika undang-undang sedia ada diringkaskan hukumannya, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah justifikasi sosial dan pandangan kerajaan apabila hukuman gantung sampai mati bagi sabit kesalahan jenayah berkenaan dadah hendak dihapuskan?

Yang kedua, bagaimanakah usaha sama lebih praktikal gandingan penguatkuasaan antara agensi seperti PDRM, AADK, ESSCOM, Agensi Kawalan Sempadan, APMM, dan juga Kastam agar ketirisan kawasan kawalan sempadan darat dan maritim dapat ditingkatkan dengan memastikan keupayaan logistik, alatan dan personel diberikan perhatian yang sewajarnya.

Bagaimanakah perbelanjaan sebanyak RM580 juta dalam program penguatkuasaan maritim benar-benar memberikan impak maksimum dalam menangkis jenayah pengedaran dadah dan pemerdagangan orang serta pencerobohan kawasan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2019, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM126 juta pembangunan bangunan penjara dan sebanyak RM11.7 juta bagi bajet meningkatkan langkah-langkah keselamatan penjara.

Soalan saya, pertama, berapakah bilangan banduan terkini dan perincian projek pembangunan tambahan penjara yang dirancang dalam tahun 2019?

Kedua, apakah perkara yang dibelanjakan dalam RM11.7 juta dan juga langkah-langkah keselamatan penjara di seluruh negara?

Ketiga, berapakah unjuran pendapatan hasil Info Kraf dan juga bahagian vokasional dan Industri Jabatan Penjara Malaysia?

Keempat, bagaimanakah Penjara Malaysia mengiktiraf NGO ataupun orang-orang perseorangan yang menyumbang secara fizikal dan kewangan dalam membantu penjara di semua zon menjalankan aktiviti kemasyarakatan dalam tahun 2017, tahun 2018 dan juga tahun 2019 agar bantuan yang disalurkan oleh NGO atau individu ini dihargai dan kerjasama ini membentuk satu hala tuju baharu dalam pendekatan koreksional banduan dalam komuniti.

Bagaimanakah kerajaan menangani masalah ketidakcukupan logistik seperti kenderaan bagi pengangkutan banduan dan keselamatan transit antara masalah banduan lari dalam tahanan dan jagaan dapat ditangani dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan sempadan negara pertikaian antara Malaysia dan Singapura berhubung dengan sempadan Maritim dan udara perlu ditangani dengan baik demi memastikan keutuhan kedaulatan Malaysia terus terpelihara, tidak perlu ada kompromi ataupun tolak ansur dalam menangani provokasi anggota Kabinet Singapura apabila berdepan dengan status sempadan udara dan juga Maritim Malaysia.

Justeru, saya memohon penjelasan daripada Kementerian Luar apakah usaha-usaha yang Malaysia laksanakan melalui pendekatan diplomatik apabila berlakunya pertikaian mengenai sempadan maritim dan udara yang berlaku baru-baru ini.

Kedua, bilakah Malaysia akan memuktamadkan kedua-dua pertikaian ini agar kedaulatan Malaysia terus terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan kerajaan dalam memastikan keupayaan negara menangani penambahan jumlah orang berusia perlu disasarkan secara optimum. Ini memerlukan pendekatan holistik kaedah kerajaan dalam menyediakan peluang kerja ringan yang mampu menyara kos sara hidup mereka dan juga memastikan skim jaringan keselamatan sekerja lebih komprehensif dan merangkumi segenap lapisan masyarakat di bandar dan juga di luar bandar.

Soalan saya, bagaimanakah Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat memastikan data penerimaan bantuan dikemas kini dengan baik dan jumlah bantuan diberikan mengikut pengukuran nilai kos sara hidup semasa.

Kedua, apakah saranan dan pendekatan holistik kerajaan dalam memastikan had umur persaraan dan caruman simpanan pekerja mencukupi untuk menyara hidup golongan pesara apabila mereka berhenti kerja.

Ketiga, bagaimanakah peranan yang boleh dimainkan oleh NGO dan komuniti dalam memastikan institusi penjagaan orang tua, orang kurang upaya, kompleks penyayang dan yang terpenting Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh negara diberikan perhatian yang sewajarnya dalam Bajet 2019 ini.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman bencana alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh akan lebih kerap berlaku kerana perubahan cuaca kini.

■1540

Pada tahun 2018, kerajaan menyasarkan RM12.35 juta diperuntukkan bagi membiayai urusan perolehan depot simpanan keperluan mangsa bencana. Manakala dalam Bajet 2019 hanya RM9.979 juta sahaja diperlukan. Soalan saya, apakah nilai yang dikurangkan ini mencukupi bagi menampung keperluan depot simpanan keperluan mangsa bencana ini?

Sejauh manakah kerajaan perlu mewujudkan kerjasama strategik antara pihak swasta agar insentif diberikan kepada pihak swasta yang menyumbangkan kepada bekalan barangan makanan ataupun alatan ke depot simpanan keperluan mangsa bencana ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perincian dan perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam Bajet 2019. Justeru itu perlu dipastikan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan akan menyejahterakan rakyat dan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Terima kasih atas pandangan dalam perbahasan tadi.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Dipersilakan.

1541 ptg

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan hari ini. Ternyata perbahasan kali ini lebih istimewa memandangkan merupakan kali pertama belanjawan

dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang telah dipilih rakyat Malaysia pada 9 Mei yang lepas.

Berdasarkan butiran dan perincian Belanjawan 2019, jelas sekali lagi bahawa kewangan Malaysia boleh ditadbir secara cekap, *accountable* dan tulus demi kebaikan rakyat jelata. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengunjurkan peningkatan hasil sebanyak 11 peratus berbanding tahun ini dan defisit belanjawan sebanyak 3.4 peratus daripada KDNK. Sebagai perbandingan walaupun defisit unjuran bagi Belanjawan 2018 ialah 2.8 peratus, namun defisit sebenar lebih dekat dengan 3.7 peratus.

Dalam kata lain, walaupun dalam keadaan mewarisi hutang kerajaan RM1 trilion, Kerajaan Pakatan Harapan tidak berhasrat untuk mengurangkan perbelanjaan ke atas rakyat dalam Belanjawan 2019. Jika kita menangani rasuah dan salah guna kuasa, maka wang Ringgit duit rakyat boleh direnggangkan untuk memberi manfaat yang lebih besar.

Contohnya kerajaan telah mengumumkan suatu langkah pengurangan kos untuk projek MRT2 yang telah menjimatkan wang rakyat sebanyak RM8.82 bilion iaitu pengurangan 22 peratus daripada kos asal di bawah kerajaan terdahulu. Dalam projek LRT3 pula, kerajaan berjaya menjimatkan sebanyak RM15.02 bilion ataupun pengurangan 47 peratus daripada kos asal di bawah kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Isu-isu yang saya akan bahaskan pada hari ini akan menyentuh hal berkaitan dengan wanita, isu-isu negeri Pulau Pinang dan pemerdayaan anak muda yang selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan golongan ini sebagai rakan strategik.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dewan Rakyat kerana telah berjaya melakar sejarah apabila menubuhkan enam lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi memantau dan memeriksa Kerajaan Persekutuan.

Umum mengetahui bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen merupakan mekanisme penting dalam sistem Demokrasi Parlimen berperlembagaan. Sekian lama Parlimen Malaysia dianggap tidak mempunyai pengaruh yang sebenar sehingga dilabel sebagai *rubber stamp*. Ini kerana wakil-wakil rakyat lebih banyak meluangkan masa di luar, menghadiri kenduri kendera berbanding di dalam Parlimen membuat dasar dan menggubal undang-undang.

Oleh yang demikian, saya tertarik dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender yang baru ini. Saya menanti-nantikan peranan dan bidang kuasa yang bakal dilaksanakan oleh jawatankuasa ini. Saya berharap pengaruh jawatankuasa ini adalah perkembangan positif untuk wanita Malaysia. Di Malaysia

walaupun tidak dapat dinafikan bahawa sudah ada banyak kemajuan untuk kaum wanita, namun kita tetap dibelenggu beberapa isu yang mencabar.

Antara isu utama yang dihadapi kaum wanita di Malaysia ialah perkahwinan bawah umur, jenayah seksual dan diskriminasi gender secara amnya. Mengikut statistik kerajaan dalam tempoh sepuluh tahun dari tahun 2007 sehingga 2017 terdapat 15 ribu kes perkahwinan bawah umur. Komitmen Pakatan Harapan yang termaktub dalam Buku Harapan ialah untuk menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun.

Dalam aspek ini, saya ingin merakamkan sembah menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta mengucapkan syabas kepada Dewan Undangan Negeri Selangor kerana menjadi negeri pertama menaikkan had umur perkahwinan orang Islam kepada 18 tahun. Kerajaan negeri lain patut mencontohi Selangor dan Kerajaan Pusat perlu lebih agresif dalam memimpin ke arah menamatkan perkahwinan bawah umur termasuk segera meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian).

Seterusnya saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada jenayah seksual di kalangan wanita. Di Malaysia, setiap hari 10 orang wanita menjadi mangsa rogol dan lebih separuh daripada mereka berumur di bawah 16 tahun. Malah ini bukan cerita penuh kerana mengikut anggaran NGO wanita, hanya satu daripada 10 kes rogol dilaporkan.

Ini bermakna setiap 15 minit, seorang wanita dirogol dalam negara kita ini. Masalah dalam keadaan ini hanya kira-kira empat peratus kes yang dibawa ke mahkamah telah disabitkan kesalahan. Saya tidak ingin membuat apa-apa spekulasi tetapi sudah tentunya wujud permasalahan jika hanya begitu sedikit kes rogol yang dilaporkan dan di bawa ke mahkamah.

Dalam sedikit itu, lebih kecil lagi bilangan kes yang disabitkan kesalahan. Satu pembaharuan secara menyeluruh terhadap sistem penguat kuasa serta perundangan berkaitan jenayah seksual perlu dilaksanakan. Ini merangkumi peningkatan profesionalisme Polis Diraja Malaysia untuk mengendalikan kes-kes jenayah seksual yang sensitif termasuk penambahan bilangan anggota wanita, kaedah penyiasatan dan pembuktian seterusnya perbicaraan di mahkamah.

Statistik kes-kes jenayah seksual juga patut dipaparkan kepada orang awam selaras dengan dasar keterbukaan dan ketelusan serta konsep *open government*, *open data*, dengan izin. Saya juga berasa sudah tiba masanya untuk kita mewujudkan daftar pelaku jenayah seksual yang telah lama digesa oleh masyarakat sivil dan kumpulan hak wanita.

Setakat ini kerajaan melalui Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 telah mewujudkan daftar pelaku jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Ancaman keganasan terhadap

wanita dan kanak-kanak telah menggariskan masalah akar, masalah jantina atau gender, dengan izin, masih tidak dianggap sebagai masalah arus perdana. Budaya ketidaksamarataan yang mendalam perlu ditangani supaya kita membina satu sistem yang tidak mengkhianati warga negara wanita. Sekiranya perkara ini tidak dianggap serius, seolah-olah isyarat dihantar bahawa tidak mengapa sekiranya wanita di dalam negara ini dibuli setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa isu yang dihadapi negeri saya, Pulau Pinang. Antara isu yang kerap membelenggu negeri tersebut ialah masalah banjir. Pertama sekali, saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang yang sudah tertangguh sejak 1999.

Namun saya dimaklumkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang telah pun memohon dana tambahan bagi tahun 2019 untuk tiga projek iaitu di Teluk Kumbar dengan kos sebanyak RM10 juta, Pondok Upih sebanyak RM10 juta dan Teluk Bahang RM8 juta. Kerajaan negeri telah mengenal pasti 50 kawasan di Pulau Pinang sebagai sering dilanda banjir.

■1550

Antaranya Jalan Mahsuri, Persiaran Mahsuri 1, persimpangan Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Mayang Pasir, Jalan Tengah, Jalan Datuk Ismail Hashim dan juga di hulu Sungai Relau. Pada November 2017, negeri Pulau Pinang dilanda bencana banjir akibat hujan lebat tanpa henti selama lebih sepuluh jam. Ini menunjukkan fokus kepada insiden tersebut perlu dilihat dengan serius iaitu di Lembangan Sungai Pinang.

Sejak Rancangan Malaysia Kesembilan, kita dijanjikan bahawa Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang telah diluluskan dan akan dilaksanakan. Malangnya selepas hampir 20 tahun menunggu, rakyat Pulau Pinang khususnya di bahagian pulau masih merana setiap kali hujan lebat kerana masalah di Lembangan Sungai Pinang masih belum dapat diselesaikan.

Oleh itu, saya tumpang gembira dengan pengumuman daripada Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli yang menyatakan bahawa projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 3 di sini yang bernilai RM150 juta dijangka bermula April tahun depan dan siap sepenuhnya menjelang 2023.

Saya di sini ingin menyeru supaya Kerajaan Persekutuan memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan meluluskan peruntukan bagi tiga projek penebatan banjir di Teluk Kumbar dengan kos RM10 juta, Pondok Upih RM10 juta dan juga Teluk Bahang RM8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa nama Pulau Pinang sudah pun harum di persada antarabangsa sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Ini dapat dilihat daripada pertambahan kedatangan pengunjung ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah banyak kali memohon kebenaran dan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memperluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Untuk makluman, buat masa sekarang lapangan terbang tersebut sedang beroperasi dalam keadaan kapasiti lebihan.

Kerajaan negeri juga telah mencadangkan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara di atas tanah tebus guna di Batu Maung berhampiran Pulau Rimau kerana projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang hanya mampu menanggung kapasiti penumpang dan kargo untuk tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang sahaja.

Di sini saya ingin mengajak kepada Kerajaan Persekutuan untuk melihat kepada pembesaran lapangan sedia ada serta pembinaan lapangan terbang baru di Pulau Pinang sebagai langkah yang memberi manfaat kepada keseluruhan Koridor Utara dan bukan kepada Pulau Pinang semata-mata.

Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri di sebelah utara boleh memaksimumkan dinamik pembangunan di Koridor Utara dengan pelaksanaan kemudahan pengangkutan awam yang lebih cekap. Ini termasuk mengoptimumkan keantasan kereta api landasan berkembar untuk mengurangkan tempoh waktu perjalanan daripada Ipoh ke Alor Setar.

Perjalanan dalam negeri pula perlu dipertingkatkan dengan rangkaian pengangkutan awam yang lebih baik. Contohnya seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang- *Penang Transport Masterplan*, dengan izin. Dengan ini bukan sahaja lapangan terbang di Pulau Pinang boleh memberi perkhidmatan kepada keseluruhan Koridor Utara. Justeru saya berharap Kerajaan Persekutuan memberi perhatian yang serius kepada perkembangan ini kerana bakal menjadi *game changer*, dengan izin, bukan sahaja kepada negeri Pulau Pinang tetapi kepada Perlis, Kedah dan Perak sebagai negeri-negeri Koridor Utara.

Saya mengambil maklum pengumuman Kerajaan Persekutuan untuk tidak melaksanakan pilihan raya tempatan. Dalam aspek ini saya terpaksa menyatakan bahawa saya tidak setuju dengan keputusan tersebut. Pilihan raya tempatan merupakan antara perkara yang diperjuangkan dalam Manifesto Harapan demi merancakkan lagi demokrasi setempat.

Kebimbangan tentang polarisasi kaum sebenarnya tidak wujud kerana 70 peratus rakyat Malaysia menetap di kawasan bandar dan 70 peratus daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sedia ada, merangkumi kawasan di mana tiada satu-satunya kaum mempunyai populasi lebih daripada dua pertiga jumlah penduduk kawasan tersebut. Bagi kawasan yang dikhuatiri akan terlalu *homogeneous*...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya nak celah sedikit, boleh?

Puan Lim Hui Ying: Boleh.

Datuk Razali bin Idris: Saya cuma nak minta sedikit lagi penjelasan berkenaan dengan pilihan raya tempatan. Adakah kerajaan negeri perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan pilihan raya tempatan ataupun kerajaan negeri tidak perlu minta persetujuan daripada Kerajaan Pusat? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Kerajaan negeri perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi saya di sini menyeru Kerajaan Persekutuan untuk menimbang semula keputusan yang baru diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Bagi kawasan yang dikhuatiri akan terlalu *homogeneous*, maka kerajaan boleh menggunakan seksyen 3, 4 dan 5 Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk sama ada mewujudkan PBT baru atau persempadanan semula atau menggabungkan dua atau lebih PBT agar kawasan PBT tersebut lebih mencerminkan keseimbangan kaum. Justeru tidak wujud soal pilihan raya tempatan dikecam polarisasi kaum.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai pada tahun 2012 untuk mengembalikan undi ketiga di peringkat PBT di negeri tersebut. Namun kekangannya ialah setakat di Peringkat Pusat. Saya memohon pertimbangan semula Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan janji Manifesto Harapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang saya amat menitikberatkan adalah soal anak muda. Anak muda Malaysia kelihatan ketinggalan dalam banyak aspek sivik. Contohnya, tatkala kebanyakan negara-negara Eropah dan juga ASEAN menetapkan umur mengundi pada 18 tahun sejak 1970-an lagi, Malaysia masih di tahap 21 tahun. Oleh itu saya menerima baik langkah Kerajaan Pakatan Harapan untuk menurunkan had umur mengundi belia ke-18 tahun setaraf dengan amalan antarabangsa.

Kerajaan baharu ini juga tampak lebih muda dengan mempunyai wakil rakyat, Timbalan Menteri dan Menteri Kabinet yang rata-ratanya lebih muda. Kabinet sekarang mempunyai enam orang Menteri dan Timbalan Menteri di bawah umur 40. Malahan ada seorang Menteri di bawah umur 30 tahun iaitu Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Syed Saddiq yang berumur hanya 26 tahun. Harapan saya ialah hak

penurunan umur mengundi ini perlu diselaraskan dengan hak penyertaan politik serta pendedahan kepada politik untuk para belia.

Kita sedia maklum bahawa para belia di negara kita sudah sekian lama terhalang daripada mendekati politik walaupun di peringkat universiti, inikan di peringkat sekolah menengah. Oleh itu saya berharap kerajaan juga akan melaksanakan pembaharuan-pembaharuan sampingan yang berkaitan seperti memperkenalkan pendidikan kenegaraan yang lebih mantap di peringkat sekolah menengah. Peraturan-peraturan untuk...

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj. Md. Nordin: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Puan Lim Hui Ying: Boleh.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj. Md. Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya amat tertarik apabila Yang Berhormat Senator tadi ada menyebut tentang had umur ditingkatkan ke 21 tahun. Saya rasa isu ini juga telah dibahaskan beberapa kali di dalam Kajian Separuh Penggal.

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, saya ingat lagi mengatakan bahawa bila nak meningkatkan umur 21 tahun itu, kajian sedang dibuat. Maknanya keputusan pihak kerajaan, dia buat keputusan dahulu, baru buat kajian, sedangkan sepatutnya keputusan hendaklah dibuat berdasarkan kepada kajian.

Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Senator, adakah keputusan yang dibuat oleh kerajaan ini orang kata *impromptu* ataupun adakah keputusan yang dibuat ini berdasarkan keputusan ataupun kajian yang benar-benar menunjukkan kematangan masyarakat anak muda kita untuk mengundi ataupun semata-mata kerana hendak mengikut aturan ataupun apa-apa yang dimainkan oleh peringkat pihak kelilinglah.

Ini bermakna nak meletakkan Malaysia bersama-sama dengan negara lain, menurunkan had umur mengundi dan sebagainya ataupun had umur ini benar-benar berdasarkan kepada kajian. Oleh sebab bila hak memilih pemimpin kerajaan ini, kita tak nak apabila rakyat memilih berdasarkan emosi dan akhirnya kerajaan yang dibentuk itu satu kerajaan yang tidak cukup mantap kerana pengundi-pengundi itu tidak mengundi mengikut kelayakan sebenarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1600

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada pandangan saya sekarang anak-anak belia kita sudah lebih matang berbanding dengan yang terdahulu sebab mereka *expose*, dengan izin, kepada banyak *I would say, a social media*. Dia banyak dapat belajar. Dapat tahu banyak tentang apa yang sedang berlaku di negara kita. Bukan sahaja di negara kita. Juga antarabangsa. Jadi saya percaya anak-anak belia kita sudah

matang dan boleh membuat keputusan dengan diri sendiri dengan pemikiran sendiri dalam umur 18 tahun.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya hendak bertanya satu soalan sebab saya hendak mohon pandangan daripada Senator sebab kalau kita tengok baru-baru ini kita tengok UK, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila dia membuat satu referendum di kalangan rakyat mereka untuk Brexit maknanya keluar daripada EU dan majoriti ataupun keputusan daripada referendum tersebut bersetuju rakyat hendak keluar daripada EU maknanya *Brexit happening* lah. Maknanya UK akan keluar daripada EU.

Akan tetapi setelah dua tahun, proses Brexit dan *negotiation* dan juga deal dengan EU mendapati bahawa sebenarnya apabila UK ini keluar daripada EU akan menimbulkan banyak masalah ataupun akan lebih *it's more challenging*, dengan izin, berbanding kalau mereka *remain* dengan EU dan keputusan yang dibuat oleh rakyat berdasarkan dasar demokrasi yang dibuat di UK itu akhirnya kerajaan sedia ada terpaksa juga melaksanakan Brexit walaupun majoriti sebenarnya baru sedar bahawa apabila mereka melaksanakan Brexit itu tidak memberi kelebihan kepada mereka.

Akan tetapi disebabkan oleh kuasa demokrasi dan juga dengan diadakan referendum tersebut, akhirnya terpaksa juga dilaksanakan. maknanya demokrasi ataupun pengundian yang dibuat pada ketika itu berdasarkan kepada emosi ataupun tidak berdasarkan kepada fakta yang sebenar sehingga akhirnya selepas dua tahun setengah sehingga sekarang Brexit masih lagi belum selesai isu untuk hendak keluar daripada EU ini. *The deal is still not been seal*. Parlimen pun masih lagi menolak dan sebagainya. isu ini masih lagi tergantung. Saya mohon pandangan senator terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Pada pandangan saya, itu brexit di UK itu sedikit berlainan dengan apa yang kita lakukan bagi negara kita. *I mean this is more of government election*, dengan izin. Yang itu mungkin I tahu tentang Brexit itu memang sudah wujud banyak percanggahan dalam segi *opinion*.

Okey, saya teruskan ya. *Thank you*. Saya berharap kerajaan juga dapat melaksanakan pembaharuan-pembaharuan. *Sorry* sini sudah. Okey, saya juga menyarankan agar penurunan had umur mengundi ini dilaksanakan bersama-sama dengan proses pendaftaran mengundi secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2019 nampaknya bakal menjadi tahun industri 4.0 bagi Malaysia. Saya lihat pelbagai insentif dan peruntukkan telah disediakan bagi mempersiapkan industri dan rakyat untuk berhadapan dengan perubahan pesat di bawah industri 4.0. Kerajaan menyasarkan pemodenan dan transformasi industri melalui program

seperti dana transformasi pendigitalan industri yang berjumlah 3 bilion dana impak tinggi oleh MIDA yang juga pelan tindakan Industri 4.0 ataupun *Industry 4.0*.

Dalam kita memperkasakan syarikat-syarikat besar seperti industri kecil dan sederhana SME, saya berharap pihak kerajaan persekutuan akan memberikan perhatian khusus kepada industri-industri desa dan peniaga kecil-kecilan. Penerapan teknologi Industri 4.0 untuk sektor ini bukan sahaja akan memaksimumkan kecekapan operasi malam berpotensi dalam membangunkan perniagaan mereka.

Untuk syarikat besar, akses kepada teknologi adalah lebih tinggi berbanding dengan sektor industri desa dan peniaga kecil-kecilan. Contohnya industri penjaja yang menjadi tunggak kepada sektor pelancongan dan perkhidmatan di negeri Pulau Pinang. Oleh itu mereka lebih memerlukan bantuan dan perhatian kerajaan untuk memodenkan perniagaan mereka. Antara usaha yang untuk mempersiapkan industri bagi berhadapan industri 4.0 ialah memastikan agar tenaga kerja kita turut sedia menjadi tenaga kerja industri 4.0. mengikut pelan pembangunan pendidikan Malaysia menjelang tahun 2020, negara kita memerlukan lebih kurang 1.3 juta pekerja berkemahiran.

Saya mengucapkan syabas kepada institusi-institusi TVET di negara ini yang kebanyakan mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus ke boleh pasaran pelajar lepasan mereka.

Namun saya kawatir institusi-institusi TVET pada masa kini terutamanya yang dimiliki dan dikelolakan oleh kerajaan tidak peka kepada peralihan zaman dan teknologi. Antara cabaran yang saya perhatikan termasuk kandungan mata pelajaran yang telah ketinggalan masa, tempoh kursus yang terlampau panjang, kekangan akses kepada perkakasan yang berteknologi tinggi serta tahap *soft skill* yang amat rendah. Saya menggesa agar jawatankuasa pemerksaan TVET akan sekali gus memberi perhatian yang serius kepada perkara-perkara ini.

Saya juga menyambut baik cadangan pengerusi jawatankuasa tersebut saudara Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya TVET di bawah parlimen terutamanya memandangkan kepada kesukaran untuk menyelaras TVET di bawah tujuh kementerian. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2019. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying atas pandangan yang baik.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu. Dipersilakan.

4.08 ptg.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

*Berkejar-kejaran ombak di laut;
Menyentuh pantai berpasir bersih;
Budi Tuan Yang di-Pertua disebut-sebut;
Memberi laluan tidak pilih kasih.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak. Tepuk sikit lah.... [*Dewan tepuk*]

Puan Raj Munni binti Sabu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya pada hari ini untuk membahaskan Belanjawan 2019.

Kemenangan bersejarah merubah rejim pada 9 Mei 2018 adalah bersyarat iaitu reformasi dan juga akauntabiliti dan ia perlu menjadi tonggak kepada pentadbiran baharu Pakatan Harapan. Peralihan politik mencerminkan harapan rakyat ke arah ketelusan, akauntabiliti fiskal dan juga.

Timbalan Yang di-pertua: Yang Berhormat, sekejap ya.

[*Tuan Yang di-pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Raj Munni binti Sabu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Peralihan politik mencerminkan harapan rakyat ke arah ketelusan akauntabiliti fiskal dan juga reformasi sosioekonomi yang lebih luas. Sekali gus ini sebenarnya membuka ruang kepada dasar-dasar baharu dan juga beberapa reformasi institusi. Reformasi dan dasar-dasar baharu yang lebih holistik, progresif dan efektif perlu sekiranya Malaysia berhasrat untuk pulih membangun semula dan muncul kembali sebagai sebuah negara yang boleh berbangga dengan pencapaian serta keupayaan kita bersaing pada yang lebih tinggi khususnya dalam era Revolusi Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pengurusan sumber kekayaan semula jadi negara secara *credible* yang turut sama seiring penting adalah pemerdayaan modal insan. Pentingnya modal insan ini terhadap sesebuah negara boleh dilihat daripada kejayaan Jepun misalnya termasuk Taiwan, Hong Kong dan juga Korea Selatan dan beberapa negara ASEAN yang pesat membangun.

Negara-negara ini tidak mempunyai sumber semula jadi seperti mana kita. Akan tetapi mereka ada satu keupayaan iaitu mengurus apa yang mereka ada secara berkesan dan membanggakan.

■1610

Mereka mempunyai masyarakat yang terlatih, berpendidikan, tenaga kerja yang gigih dan yang paling penting adalah ibu bapa yang berdedikasi. Ada pepatah menyebut, *the youth of today is the future of tomorrow*.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan bajet 2019 ini, saya akan menyentuh tiga perkara, tiga kementerian iaitu Kementerian Pendidikan secara khusus dan kemudian Kementerian Pertanian dan diikuti dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan adalah merupakan penerima terbesar dalam Belanjawan 2019 iaitu sejumlah RM60.2 bilion ataupun bersamaan dengan 19.1 peratus dan ianya lebih besar berbanding 2018. Kita juga telah diberitahu bahawa melalui bajet ini, untuk pendidikan ada 12 inisiatif pendidikan untuk masa depan yang lebih baik.

Apa yang lebih saya ingin sentuh untuk awal ini adalah ia telah memberi manfaat untuk pelajar-pelajar bumiputera. Walaupun ada yang menyebut dalam Belanjawan 2019 ini dikatakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat seolah-olah mengetepikan kepentingan bumiputera. Akan tetapi daripada sudut pendidikan sahaja, kita lihat ia telah memberi manfaat yang lebih untuk pelajar-pelajar bumiputera. Sejumlah RM3.8 bilion bagi biasiswa dan pinjaman pelajaran menerusi pelbagai agensi dan RM2 bilion daripadanya adalah biasiswa untuk MARA.

Sejumlah RM17.5 juta bagi *Malaysia Professional Accountancy Centre* (MyPAC) bagi melahirkan 600 akauntan bumiputera yang bertauliah ke arah mencapai sasaran 3,000 akauntan bumiputera berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (IAM). Pada waktu ini hanya ada sekitar 1,500 orang.

Ketiganya, peruntukan sejumlah RM210 juta untuk memperkasakan pendidikan dan program peningkatan modal insan bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lanjut dalam membahaskan perihal berkaitan dengan pendidikan, pada Oktober 2011 mungkin pada waktu ini pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan boleh memberikan perhatian. Pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan satu kajian semula Sistem Pendidikan Negara Malaysia secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan yang baharu yang kita tahu, 2013 sehingga 2025.

Antara rumusan kajian adalah bahawa pulangan atas pelaburan yang begitu tinggi dalam bidang pendidikan negara kita adalah telah tidak memberi pulangan yang memenuhi hasrat. Pelaburan dalam pendidikan tinggi tetapi pulangannya kepada negara sangat kurang. Itu hasil kajian.

Saya petik daripada hasil kajian itu, Malaysia terus memperuntukkan bajet yang tinggi untuk pendidikan. Usaha ini telah meningkatkan akses yang hampir sejagat di peringkat pendidikan rendah. Pada masa yang sama, akses di peringkat menengah telah meningkat dengan ketara. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk menambah baik daripada aspek kualiti, ekuiti dan juga perpaduan. Tiga perkara yang boleh ditambah baik iaitu kualiti, ekuiti dan juga perpaduan dan disebutkan juga, ini penting.

Data yang diperoleh pada tahun 2010 menunjukkan prestasi Malaysia berada pada kedudukan di belakang negara-negara yang menyediakan jumlah peruntukan yang hampir sama atau lebih rendah seperti mana Thailand, Chile dan juga Armenia. Keadaan ini mungkin disebabkan peruntukan untuk pendidikan di Malaysia tidak disalurkan kepada faktor yang memberi impak tinggi terhadap keberhasilan murid seperti mana latihan untuk meningkatkan kemahiran guru secara berkesan.

Justeru soalan saya, Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian, sejauh manakah kecekapan dan keberkesanan agihan kepada peruntukan pendidikan selama ini telah dikaji semula? Seterusnya, perkara yang kedua, saya ingin sambung berkaitan dengan modal insan. Di mana kedudukan negara kita dalam persiapan, khususnya menghadapi cabaran keterampilan abad ke-21 ataupun disebut-sebut sebagai Revolusi Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, antara peranan *stakeholders group* ataupun *policy maker* yang merupakan- kita adalah sebahagian daripada pasukan itu. Ada tiga perkara yang disebut oleh Forum Ekonomi Dunia apabila mereka berbincang tentang *New Vision for Education, Unlocking the Potential of Technology*, dengan izin. Tiga peranan ini pertamanya adalah menilai dan menyusun semula sistem dan standard pendidikan untuk pembangunan kemahiran abad ke-21. Tugasnya itu, kita.

Kedua, mengenal pasti dan mengutamakan jurang kemahiran utama, memberi perhatian kepada keperluan ekonomi tempatan, sumber yang sedia ada sambil mengambil perhatian terhadap unik-uniknya kekangan yang sedia ada dalam negeri-negeri tersebut.

Ketiga adalah mewujudkan suasana pembelajaran yang menyokong inovasi. Kedua-duanya daripada sama ada sekolah ataupun pemain-pemain pendidikan teknologi. Maksud keterampilan abad ke-21 ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut bila disebut Revolusi Industri 4.0, hasil daripada kajian secara undian yang dibuat di laman *Twitter Astro Awani* contohnya, menunjukkan 75 peratus daripada 800 responden tidak mengetahui apakah itu Revolusi Industri 4.0. Saya yakin dan percaya ramai kalangan ibu bapa di luar sana tidak menyedari adanya perubahan dalam sistem dan adanya keperluan untuk menyediakan juga anak-anak itu ke arah keterampilan abad ke-21 dan juga Revolusi Industri 4.0.

Kalaulah kajian *Astro Awani* ini sendiri menunjukkan 75 peratus tak tahu apa-apa, saya risau Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak kementerian yang lebih *alert* perkara ini mendedahkan ataupun menyedarkan pihak ibu bapa, PIBG sekurang-kurangnya bahawa perkara ini wujud? Oleh sebab dalam keterampilan abad ke-21, bilik darjah juga disesuaikan dengan keterampilan abad ke-21. Akan tetapi jika kita pergi ke seluruh negara yang kita ada sekarang ini, banyak lagi bilik-bilik darjah sekolah di sekolah kita amat jauh daripada keperluan dan persiapan untuk melatih dan melahirkan anak-anak yang bersedia untuk keterampilan abad ke-21.

Apa ia maksud keterampilan abad ke-21? Berfikiran kritis, boleh menyelesaikan masalah, komunikasinya berkesan, ada kolaborasi, fleksibel, kompromi dan produktif dan kreatif serta inovatif. Maknanya, dalam semua keadaan mereka dilatih untuk berfikir, mereka dilatih untuk berbincang, mereka dilatih untuk menyelesaikan masalah.

Mereka tidak disuap lagi, mereka tidak diberikan nota untuk salinan, mereka tidak diberikan perkara-perkara yang hanya untuk hafalan dan adakah perkara itu berlangsung dengan baik? Kalau kita lihat pun daripada bajet yang ada pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019, saya sebenarnya tercari-cari di manakah peruntukan untuk bidang STEM? Jelas di sana hanya ada untuk TVET.

Walaupun kita boleh lihat peruntukan untuk TVET, pelajaran teknologi vokasional itu sebenarnya jauh sangat rendah berbanding 2018. Pada masa kita bersedia, pada masa kita mahu mempersiapkan pelajar-pelajar kita ke arah keterampilan abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0, pada waktu itulah saya tidak dapat melihat bajet khusus untuk STEM dan juga ada TVET tetapi sangat jauh rendah jika dibandingkan dengan 2018. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Adakah kita mengubah kurang pentingnya bidang pendidikan STEM ataupun TVET sedangkan kita sudah berada di garis Revolusi Industri 4.0? Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Jika kita lihat juga Tuan Yang di-Pertua, di sudut enrolmen pelajar Aliran Sains.

Pada tahun 1967, Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi Negara telah menetapkan sasaran supaya nisbah pelajar Aliran Sains dan juga Aliran Sastera untuk dicapai pada tahun 1980. Dibuat keputusan itu pada tahun 1967 untuk dicapai pada tahun 1980, nisbah pelajar yang mengikuti Aliran Sains dan Aliran Sastera adalah pada 60:40.

■1620

Bagaimana pencapaian kita Tuan Yang di-Pertua? Pada tahun 2010 nisbahnya 48 nisbah 52, tidak capai. Pada tahun 2014 nisbahnya 47 nisbah 53. Terbaharu saya difahamkan daripada sejumlah 443,000 pelajar yang ada, cuma 19 peratus yang mengikut aliran Sains.

Usaha ada, dan kalau kita lihat daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) itu telah merancang pelbagai strategi bagi mengukuhkan mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik menerusi pendekatan baru seperti yang disebut- memantapkan kokurikulum dan juga menggabungkan kemahiran berfikir aras tinggi. Akan tetapi saya tidak pasti bagaimana kita boleh mencapai objektif-objektif semua ini dengan dalam keadaan bajet tidak ada. Kalau kita lihat- saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat sebab saya sebutkan 2018 bajet STEM tinggi.

Kalau kita lihat dalam tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM250 juta bagi pendidikan untuk generasi TN20 saya ambil daripada *touch point* Bajet 2018 yang dibentangkan oleh bekas Perdana Menteri. Pertama, peruntukannya menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Walau bagaimanapun, saya cuba mencari sama ada perkara ini sudah dilaksanakan ataupun sudah bermula, saya tidak mendapatkan maklumat ini. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri memberikan maklumat kepada saya dan juga Dewan yang mulia ini. Peruntukan juga telah diberikan untuk modul Komputer Sains yang masuk program *coding* dan menaik taraf 2,000 kelas menjadi bilik darjah pintar abad ke-21. Sebanyak 2,000 kelas ini Tuan Yang di-Pertua kalau dilaksanakan sangat baik. Cuma saya tidak dapat pastikan sama ada sejauh mana kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan ini.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan maklumat dan juga jika dapat sebab saya ada satu keghairahan Tuan Yang di-Pertua untuk melihat kelas yang dilengkapi dengan kemahiran belajar keterampilan abad ke-21. Di situ ada pelbagai kemudahan teknologi yang bukan hanya guru bercakap tetapi lebih kepada proses *inquiry* di mana pelajar-pelajar lebih banyak menjalankan kerja secara berkumpulan, berdiskusi dan guru-guru hanya *facilitate*.

Untuk itu saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, adakah *approach* ini ataupun pendekatan ini akan diimplementasikan di Malaysia? Kalau yang saya dengar Yang Berhormat Menteri selalu menyebut tentang Finland. Finland antara apa yang dilaksanakan oleh pendidikan ialah guru yang ada di dalam satu kelas sekurang-kurangnya ada tiga orang.

Justeru saya juga ingin bertanya, kalau kita lihat dalam 100 hari pertama inisiatif Kementerian Pendidikan menyebutkan bahawa guru-guru akan dikurangkan beban. Justeru saya seterusnya ingin bertanya, sama ada adakah kerajaan berhasrat untuk melaksanakan ataupun mewujudkan pembantu guru dan *approach* pendidikan kaedah PNP kita iaitu pengajaran dan pembelajaran itu diubah bersesuaian dengan *approach inquiry* yang sepatutnya dilaksanakan. Jika ya, bila ia dimulakan? Oleh sebab selepas

meneliti tebalnya belanjawan kita, *detail* anggaran perbelanjaan kita, saya tidak dapat melihat dan saya tidak bertemu dengan maklumat adanya tambahan perbelanjaan untuk ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin bertanya ada satu program MyBrain yang juga sangat baik pada saya. Dalam pada kita berhadapan untuk abad ke-21 dan revolusi industri di mana program ini diperkenalkan daripada kerajaan lama merupakan satu program penggalakan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan kedoktoran tetapi dalam bajet pada kali ini saya tidak menemui.

Jadi saya ingin bertanya, apakah- sedangkan pada tahun 2018 kerajaan yang lama telah memperuntukkan RM90 juta yang memberi manfaat kepada 10,600 orang. Saya ada mengikuti beberapa berita berkaitan dengannya bahawa peruntukan itu tidak turun, belum turun. Peruntukan yang lepas itu belum turun sehinggalah kerajaan berganti pun belum turun. Walau bagaimanapun, isu itu pada saya itu satu hal tetapi idea ini idea yang baik.

Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada program ini akan dilanjutkan? dan program yang sudah lepas dan peruntukan yang sepatutnya diperuntukkan RM90 juta itu bagaimana statusnya? Apakah yang menghalang pelaksanaan program ini jika ianya belum dilaksanakan? Saya mohon jika dapat, ada kebaikan daripada kerajaan saya cadangkan supaya program ini diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif untuk membina semula sekolah daif peruntukkannya RM100 juta. Saya kira kita semua sambut baik. Walau bagaimanapun, ia jauh lebih rendah daripada tahun 2018. Untuk itu 2018 peruntukkannya adalah RM2.5 bilion untuk 2,000 sekolah daif. Sekali lagi saya mohon sejauh manakah kecekapan dan keberkesanan pelaksanaannya. Oleh sebab daripada permulaan tadi saya telah menyatakan kajian yang telah dilakukan peruntukan bajet pendidikan tinggi tetapi impaknya kurang, hasilnya kurang. Adakah kita mahu menyalahkan pihak guru, pihak pelajar ataupun sebenarnya di peringkat kita pentadbiran kerajaan.

Adalah mustahil Tuan Yang di-Pertua untuk kita memaksa guru-guru kita dan anak-anak kita belajar untuk bersedia keterampilan abad ke-21 dalam keadaan infra kita yang masih ketinggalan. Kita perlu berlaku adil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk seterusnya saya ingin menyentuh tentang peluang dan pasaran pekerjaan yang sukar. Ini *related* berkaitan dengan kualiti pelajar-pelajar yang kita hasilkan. Kualiti pelajar-pelajar ataupun tenaga kerja yang sistem pendidikan kita hasilkan. Majlis Penasihat Ekonomi Negara pada tahun 2010 melaporkan, Malaysia banyak menumpu kepada pengambilan pekerja kurang mahir dan pekerja asing kerana upah mereka rendah berbanding pekerja mahir.

Setakat ini hanya lebih kurang empat juta pekerja mahir dan daripada 14.8 juta guna tenaga di Malaysia. Pada tahun 2015 Kementerian Sumber Manusia melaporkan, perbandingan bilangan pekerja mahir dan kurang mahir yang diambil bekerja oleh firma adalah seperti berikut; 28 peratus mahir dan 61.9 peratus pekerja kurang mahir. Saya fikir paling penting adalah sejauh mana Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan IPT khususnya melakukan transformasi pengajian tinggi seperti yang dikehendaki oleh kerajaan. Kualiti pendidikan bagaimana? Adakah IPT-IPT ini khususnya Institut Pengajian Tinggi Awam telah melakukan kajian dan penyesuaian supaya kualiti-kualiti pendidikan yang diterima oleh para pelajar kita sesuai dengan pasaran yang berada di luar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat hasil daripada perancangan pelaksanaan kerajaan dalam bidang STEM sebenarnya kita telah ada Maktab Rendah Sains MARA, kita sudah ada Sekolah Menengah Sains yang sepatutnya di situ kita boleh lihat sudah ada ke arah membudayakan masyarakat yang berfikiran saintifik dan berinovasi. Walau bagaimanapun, pertanyaan saya ialah apakah kita sudah mempunyai data tentang perkara ini? Di manakah silapnya sehingga matlamat 2020 dalam STEM yang sekarang ini belum tercapai?

Kita sudah pun berada di penghujung 2018, lebih kurang dua tahun kita akan melangkah ke tahun 2020 yang sepatutnya sasaran kita adalah untuk menjadi negara maju dan keadaan kita ialah seperti yang saya sebutkan.

▪ **1630**

Seterusnya, saya ingin menyambut baik peruntukan yang diberikan kepada pendidikan TVET tetapi saya juga seiring dengan Yang Berhormat Senator Puan Lim di mana TVET ini bagus cumanya tidak ada penyelarasan. Pada tahun 2018, sekali lagi saya menyentuh sebab telah diumumkan satu Institut TVET Malaysia diumumkan wujud Institut TVET Malaysia yang mana Yang Berhormat Senator Puan Lim menyebut tujuh kementerian. Kalau saya kaji, kaji lagi Yang Berhormat Senator, lapan kementerian sebenarnya sebab disebutkan ada juga Kementerian Pertahanan.

Jadi saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, bilakah TVET ini boleh diinstitusikan? Ada cadangan daripada yang lepas dan pelan induk TVET kalau ikut bajet yang lepas sebanyak RM4.9 bilion, Tuan Yang di-Pertua, tinggi. Saya juga mahu tahu kecekapan dan keberkesanan pelaksanaannya sebab ia bersangkutan dengan bajet yang hari ini kurang. Saya beranggapan bahawa mungkin kurang sebab yang lepas itu sudah ada. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam bidang pendidikan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri atas inisiatif mereka membuka [*Bunyi azan*

daripada telefon bimbit] Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa.

Puan Raj Murni binti Sabu: Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi keizinan supaya pendidikan juga diberikan kepada kanak-kanak yang tidak sah warganegara. Pada saya ini sudah cukup menampakkan begitu besarnya jiwa kita. Walaupun ada di kalangan Yang Berhormat Senator di dalam Dewan Negara ini pada pagi tadi menyebut kalau boleh ditangguhkan khususnya untuk di Sabah. Saya faham. Saya juga orang Sabah. Ini kerana takut ia akan memberi kelebihan. Sepatutnya dinikmati oleh rakyat tempatan tetapi akhirnya terpaksa dikongsi dengan rakyat yang tidak sah taraf warganegara.

Cuma pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti ada sikap manusiawi. Apabila kita memberi yang terbaik, melayan yang terbaik semua makhluk yang ada di bumi, kita juga akan diberkati oleh makhluk yang ada di langit.

Justeru, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan atas tindakan ini dan mudah-mudahan ia akan memberikan kebaikan kepada kita semua khususnya kepada anak-anak kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ada masa berapa minit lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis ya.

Puan Raj Murni binti Sabu: Masa sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Sambung.

Puan Raj Murni binti Sabu: Saya ingin sentuh sikit sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Puan Raj Murni binti Sabu: Kalau tidak sempat ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin sentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ada bertanya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri lagi lima minit kerana tadi ada waktu azan sikit.

Puan Raj Murni binti Sabu: Okey. Saya ada bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tentang, bagaimana persiapan negara kita daripada sudut *food security*. Keselamatan makanan dan jawapannya adalah pelbagai.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, kalau kita lihat daripada bajet ini, antara yang dipotong adalah kepada industri

padi dan beras serta pertanian. Ini sangat penting. Apakah pertimbangannya bila bajet ini dipotong? Yang lain saya kira semua naik dan bagus cuma di sudut industri padi dan beras serta pertanian ini dipotong. Jadi adakah ini akan membantu kita untuk ke arah Dasar Keselamatan Makanan Negara? *I think not but* saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Adakah mungkin juga selama ini kita telah menjalankan beberapa strategi dan langkah yang kita juga dimaklumkan di Dewan yang mulia ini untuk supaya bekalan makanan yang dihasilkan oleh pertanian kita mencukupi untuk keperluan negara. Akan tetapi import bahan makanan sehingga kini sebanyak RM45 bilion. Pada tahun 1997, sebanyak RM10 bilion. Tahun 2018, sudah RM45.6 bilion lebih kurang.

Justeru, saya ingin bertanya, adakah mungkin peruntukan untuk pertanian tidak disalurkan kepada faktor-faktor yang memberi impak terhadap keberhasilan program, pengurangan import bahan makanan ataupun mengalihkannya kepada peningkatan hasil makanan. Kita buat program tetapi hasilnya juga tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya dalam masa yang sudah sedikit ini berkaitan dengan- tidakkah kerajaan merangka satu pelan strategi pengurangan import bahan makanan yang komprehensif dan praktikal itu akan boleh menyusun semula langkah kita ke hadapan dan tidakkah kalau saya ingin soroti ucapan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita masa melancarkan MAHA. Beliau menyebutkan bahawa pertanian akan menjadi agenda nasional. Yang Amat Berhormat Tun menyebutkan bahawa *food security* akan menjadi tumpuan utama tetapi dalam keadaan bajet yang begini, saya hanya meletakkan sangka baik saya untuk bajet yang seterusnya ada peningkatan yang lebih baik. Saya juga ingin mencadangkan supaya perkara-perkara ini diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu ambil masa yang lama kawan-kawan. Saya ucapkan terima kasih. Saya nak bagi pantun kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Yang di-Pertua pun seronok. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun mungkin seronoklah.

*Pohon sirih pohon selasih;
Tumbuh subur di hujung laman;
Tuan Yang di-Pertua terima kasih;
Gembira seisi Ahli Dewan.*

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Terima kasih. Pantun ini saya tidak dapat balas Yang Berhormat kerana yang dapat balas itu Timbalan Yang di-Pertua sahaja. Terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

4.37 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berbahas dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 iaitu Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lepas.

Dalam bajet tersebut, memang pihak Menteri telah mengumumkan iaitu dengan tema 'Malaysia Berwibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera'. Di dalam bajet tersebut juga, ada tiga fokus utama yang diberi tumpuan oleh kerajaan dan juga merangkumi 12 strategi utama. Saya tengok belanjawan ini sangat baik khususnya kepada kerajaan yang baru memerintah dan ini merupakan belanjawan yang pertama Pakatan Harapan dan kita mahu segala perbelanjaan dan juga peruntukan di dalam belanjawan ini akan digunakan dengan sebaik yang mungkin.

Antara fokus yang utama adalah melaksanakan reformasi institusi, memastikan kesejahteraan rakyat, memupuk budaya negara keusahawanan. Mereformasi institusi ini sangat penting kerana kita tengok sebelum ini bajet telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini tetapi kerajaan terdahulu selalu menggunakan duit peruntukan ataupun bajet ini tidak mencapai sasaran. Peruntukan banyak tetapi banyak ketirisan dan juga kebocoran. Jadi kita tidak mahu kerajaan yang baharu ini bersikap sedemikian rupa dan akhirnya rakyat yang akan menjadi mangsa dan kita akan ditolak oleh rakyat pada PRU yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mengimbangi penduduk luar bandar dan bandar, salah satu faktor yang perlu kerajaan ambil perhatian adalah untuk membangunkan usahawan-usahawan Orang Asli. Ramai juga usahawan Orang Asli yang telah dilahirkan oleh JAKOA pada masa dahulu tetapi ramai usahawan ini yang gulung tikar dan tidak bertahan lama.

■1640

Antara program yang telah diberikan dan juga inisiatif yang disediakan kepada usahawan-usahawan Orang Asli ini adalah seperti mengikuti kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh JAKOA. Mereka diberikan bantuan peralatan dan ada juga bahan-bahan input. Manakala dalam perniagaan, usahawan-usahawan Orang Asli ini diberi bantuan seperti perniagaan kedai runcit dan ada juga kedai-kedai makanan, bengkel-bengkel kereta di mana JAKOA telah menyediakan bengkel dahulu dipanggil GIATMARA di Damansara Damai, di Damansara Perdana.

Ada juga bidang-bidang kraf tangan yang telah disediakan oleh JAKOA pada masa itu dan peruntukan yang diberikan agak besar juga iaitu tahun 2016 sebanyak RM1.7 juta telah diperuntukkan kepada usahawan-usahawan Orang Asli ini.

Kita mahu usahawan-usahawan ini mesti dibantu bukan sahaja daripada segi sokongan bantuan dana tetapi mesti sokongan daripada *training* dan juga pemasaran barang-barang yang dikeluarkan. Kita tidak mahu kita hanya melahirkan usahawan-usahawan Orang Asli ini tetapi tidak dapat pada matlamat yang kita kehendaki iaitu melahirkan usahawan yang benar-benar berjaya dan boleh bertahan lama di dalam pasaran dan juga boleh bersaing dengan pesaing-pesaing yang lain.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, bagaimanakah untuk kementerian melihat langkah-langkah yang sesuai daripada segi bantuan dana dan juga infrastruktur untuk membantu usahawan-usahawan Orang Asli ini?

Tuan Yang di-Pertua, usahawan-usahawan ini pada masa dahulu ramai yang dilahirkan lebih kepada PKS iaitu Perusahaan Kecil dan Sederhana dan juga perniagaan kecil-kecilan sahaja iaitu dengan membina kedai-kedai runcit dan juga kraf tangan. Akan tetapi pada masa kini, seperti yang kita sedia maklum, kerajaan telah mengadakan satu Ekspo Pertanian MAHA 2018 di Serdang baru-baru ini.

Jadi, saya minta kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan ini untuk melihat supaya masyarakat Orang Asli ini bukan sahaja menumpukan kepada industri kecil sahaja tetapi mereka memberi tumpuan kepada bidang pertanian sebab bidang pertanian ini banyak yang boleh kita tanam, maklumlah di kampung-kampung pendapatan Orang Asli ini banyak juga tanah-tanah yang terbiar, yang kosong dan boleh diusahakan dan ditanam tanaman pertanian ini untuk melahirkan usahawan-usahawan Orang Asli yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2016 pihak JAKOA telah membimbing usahawan Orang Asli ini dengan jumlah peruntukan yang diberikan adalah RM572,000 dan memberi manfaat kepada 33 orang peserta dengan peruntukan RM338,000.

Namun begitu, di sebalik peruntukan yang disediakan ini maklum balas yang saya terima, pengusaha-pengusaha ini tidak *sustainable*. Ia berpunca mungkin daripada sikap dan juga tidak ada pengalaman yang diberikan kerana sepatutnya kerajaan mesti melantik mentor yang berjaya untuk melihat perkembangan usahawan-usahawan Orang Asli ini.

Khidmat nasihat juga mesti diberikan kepada mereka dan di samping pemasaran. Kita tidak mahu modal yang diberikan itu tidak digunakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan berbahas berkenaan dengan tanah adat Orang Asli iaitu merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri. Seperti yang kita sedia

maklum, sekarang ini JAKOA sudah dipindah daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah merupakan satu nyawa ataupun salah satu aset bagi masyarakat Orang Asli ini. Mereka tidak memiliki aset-aset lain seperti masyarakat lain. Mereka tidak memiliki rumah yang besar ataupun kenderaan, saham dan sebagainya. Jadi tanah itulah tempat mereka untuk menyara hidup, untuk memberi anak, isteri makan dan sumber ekonomi mereka

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu berkenaan dengan Hak Orang Asal yang boleh dipanggil UNDRIP iaitu *United Nations Declaration Indigenous People* di mana Malaysia adalah sebagai salah satu anggota PBB dan pada tahun 2007, Malaysia telah menandatangani deklarasi tersebut dan dalam Artikel 10, dalam deklarasi tersebut.

Orang Asli tidak boleh dipindah secara paksa dan tanah atau wilayah mereka tiada penempatan semula akan berlaku tanpa izin dengan maklumat awal bebas dan telus oleh Orang Asli tersebut. Selepas perjanjian untuk pampasan yang adil dan saksama, Orang Asli mempunyai pilihan untuk kembali ke kawasan yang telah diambil jika tidak berpuas hati dengan kawasan penempatan baru tersebut.

Di sini jelas bahawa dalam Artikel 10 ini, dalam deklarasi UNDRIP ini, segala pembangunan yang mahu dilakukan mesti mendapat keizinan terlebih dahulu daripada masyarakat Orang Asli. Akan tetapi sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, segala pembangunan yang mahu dibangunkan atas tanah-tanah Orang Asli ini mahupun untuk kegunaan Orang Asli tersebut, ataupun untuk kegunaan-kegunaan lain biasanya mereka tidak merujuk kepada Orang Asli. Maka itu banyak berlaku konflik dan juga isu tanah adat Orang Asli ini.

Walaupun deklarasi ini bukannya- *not legally binding*, dengan izin, tetapi sebagai kerajaan yang prihatin, yang peduli rakyat adalah menjadi tanggungjawab moral kerajaan untuk memastikan dan melaksanakan deklarasi berkenaan dengan hak Orang Asal ini.

■1650

Di mana pampasan-pampasan biasanya dibayar mengikut harga pokok dan bukannya mengikut harga pasaran. So, ini bagi saya satu diskriminasi kepada masyarakat Orang Asli ini di mana mereka adalah penduduk dan juga pemilik tanah tersebut. Mereka sudah lama tinggal di situ tetapi apabila tanah itu diambil, mereka hanya dibayar pampasan mengikut harga pokok dan juga harga- ataupun belas ihsan kerajaan negeri ataupun pemaju-pemaju yang mengambil tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh dielakkan sekiranya kita meminda khususnya Akta 134 iaitu Akta Orang Asli tahun 1954 di mana di dalam seksyen 11, dan

seksyen 12 memang pihak Orang Asli boleh menuntut pampasan tetapi bergantung kepada belasan ihsan dan pokok-pokok yang ada di atas tanah tersebut. Jadi dengan pindaan akta ini, saya percaya dan yakin apabila perpindahan ataupun pengambilan tanah-tanah Orang Asli ini, kehidupan mereka akan lebih terbelah selepas tanah mereka diambil. Akan tetapi pada ketika ini dan sebelum itu, apabila tanah-tanah Orang Asli ini diambil kehidupan mereka lebih daif daripada sebelum pengambilan tanah tersebut.

Kalau kita tengok masyarakat perdana, apabila tanah mereka diambil, mereka lebih berduit dan mereka ada pampasan yang setimpal. Mereka akan diberi rumah ataupun tanah gantian dan sebagainya tetapi tidak kepada Orang Asli.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Razali hendak celah.

Datuk Razali bin Idris: Saya minta laluan sikit Yang Berhormat?

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya satu perkara, apakah ciri-ciri yang dikatakan Tanah Adat Orang Asli? Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang baik. Memang saya akan sebut tetapi mungkin saya tidak sebut sebab tidak ada dalam nota saya.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, tanah adat memang tidak ada di dalam undang-undang, baik dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta 134. Akan tetapi, tanah adat itu wujud sebelum Perlembagaan dan juga sebelum Akta 134 iaitu Akta Orang Asli. Tanah adat itu wujud adalah bersamaan dengan kewujudan masyarakat Orang Asli itu di mana adat itu- dengan tanah adat itulah mereka hendak membuka kebun-kebun dan ladang-ladang mereka.

Oleh sebab Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka mahu membuka kebun ataupun ladang, mereka akan pilih hari-hari tertentu, bukan sembarangan mereka pergi tebang dan mereka pergi bercucuk tanam dan sebagainya. Mereka akan tengok hari yang tertentu, adakah hari tersebut itu mendatangkan keuntungan ataupun boleh mendatangkan malapetaka kepada mereka sekiranya mereka masuk pada hari yang tidak betul.

Sebelum mereka membuka sesuatu kawasan baharu, mereka akan mengadakan satu upacara iaitu jampi serapah untuk membuang segala jin-jin ataupun sial ataupun penunggu di kawasan-kawasan tersebut, mereka akan buang. Bagaimana untuk kita hendak menentukan tanah adat itu, kawasan tanah adat itu?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Orang Asli telah membawa beberapa kes isu pencerobohan tanah Orang Asli ke mahkamah. Walaupun kita tahu tanah tersebut tidak ada geran dan tidak ada pemilikan dan juga bukan diwartakan sebagai tanah Orang Asli, tetapi ramai Orang Asli yang menang di dalam kes tuntutan perebutan tanah tersebut.

Ada kes di Selangor iaitu kes Sagong Tasi yang tidak silap saya tahun- itu saya lupa tetapi memberi kemenangan kepada Orang Asli Temuan di Selangor, ini kes Sagong Tasi. Juga ada satu kes Adong Kuwau di Johor dan ada lagi satu kes di Bera iaitu '*Mohamad Nohing melawan Kerajaan Negeri Pahang*'. Di dalam ketiga-tiga kes ini yang di bawa ke mahkamah dan Orang Asli menang dalam kes tersebut. Mahkamah telah mengiktiraf bahawa tanah adat itu ada dan Orang Asli boleh membuktikan di dalam mahkamah. Maka itu, mahkamah telah memberi kemenangan kepada mereka.

Kita sedia maklum undang-undang itu bukan sahaja dibuat di Dewan Rakyat tetapi keputusan mahkamah itu iaitu presiden kes itu adalah sebahagian daripada undang-undang. Jadi...

Datuk Razali bin Idris: Maksud saya macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tanah Adat Orang Melayu, dia macam ada sebahagian peninggalan orang-orang lama. Contoh kalau orang Melayu ini, dia tidak panggil tanah adat, dipanggil tanah '*umarah*'. Dia tanam kelapa, dia ada bangsal ataupun macam rumah itu, itu maksud saya.

Jadi yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat kerana saya juga mempunyai ibu-bapa, keluarga Orang Asli. Dia sudah berjuang terlampau lama, Orang Asli Berua di Kenyir. Akan tetapi masih lagi tidak dapat geran untuk diberikan kepada anak buah yang selepas daripada yang sudah meninggal. So, itu yang dipanggil tanah adat. Itu maksud saya. Apa tanda-tanda yang menentukan tanah itu Tanah Adat Orang Asli? Itu maksud saya. Apa ciri-ciri sebenarnya? Perlu ada kubur kah, apa kah? Itu maksud saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Tanah adat adalah tanah seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi adalah turun-temurun juga tanah adat ini. Tanah adat ini telah diduduki oleh datuk, nenek, moyang mereka. Peninggalan mereka apabila moyang mereka meninggal, diberikan kepada anak dan selepas itu meninggal dan seterusnya dan sehinggalah ke hari ini.

Berkenaan dengan pemilikan itu, untuk hendak dapatkan geran tanah itu boleh mohon seperti biasa. Akan tetapi berkenaan dengan tanah adat ini, ia memang tidak ada geran pemilikan tetapi ia diwarisi daripada turun-temurun...

Tuan Yang di-Pertua: Tanpa geran.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tanpa geran. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh membuat penentuan bahawa tanah adat ini kalau ia Orang Asli yang duduk di tempat itu boleh membuktikan bahawa nenek moyang mereka itu guna pakai, ia menjadi tanah adat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Ya, betul.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan macam Tanah Adat Orang Melayu.

Datuk Razali bin Idris: Ia boleh buktikan melalui kubur-kubur lama, tempat-tempat keramat.

Tuan Yang di-Pertua: Itu ciri-ciri Yang Berhormat Datuk Razali minta.

Datuk Razali bin Idris: Maksud saya, kita hendak tentukan supaya kita boleh sokong untuk dapatkan geran. Kalau tidak ada geran, maksudnya tanah itu sudah jadi tanah adat terbiar macam itu. Macam di tempat yang saya sebutkan tadi, kita hendak berusaha supaya kita dapat bekerjasama dengan mereka dan kita berusaha supaya dia dapat geran untuk anak cucu mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya tidak ada diskriminasi seperti yang dikatakan Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Yes, betul Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu maksud saya.

Datuk Razali bin Idris: Saya faham maksud Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Tuan Nga hendak...

Tuan Nga Hock Cheh: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Saya ingin mencelah sedikit.

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Adrian.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Kalau di Sabah dan Sarawak sebab kalau di Sabah Sarawak kita mempunyai perundangan yang jelas tentang tanah adat. Adakah ada persamaannya di Semenanjung khususnya untuk Orang Asli di mana kalau sesuatu komuniti itu dapat membuktikan ada kewujudan tanda-tanda seperti bekas-bekas pertanian, pokok-pokok yang ditanam oleh nenek moyang dulu dan mereka ini juga menyediakan agar satu kawasan itu tidak diganggu iaitu kawasan hutan simpan komunitilah.

Jadi biasanya kalau di Sabah saya pernah mengambil beberapa kes berkenaan dengan tanah adat ini, cara yang paling bagus untuk membuktikan kawasan itu adalah melalui pemetaan komuniti. Kita menyediakan satu pelan sekarang ada banyak teknologilah GIS dan GPS itu dan kita telah memetakan kawasan-kawasan yang dulunya tidak ada geran tapi kerana kebanyakan daripada kawasan tanah adat ini adalah *oral history*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam proses memetakan itu *oral history* ini telah menggunakan pemetaan ini untuk mendokumentasikan kawasan tanah adat. Jadi proses itu telah diguna pakai di Sabah Sarawak khasnya dalam proses mahkamah. Adakah ada persamaan di sini untuk Orang Asli? Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini adalah perbincangan yang baik tetapi kena tujukan kepada kementerian kalau tidak Menteri tidak akan jawab. So, bentuk soalan dan juga dalam perbahasan bila Menteri menjawab bolehlah Yang Berhormat ini kemukakan, menolong Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Eng tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak Yang Berhormat akan jadi Menteri... [*Dewan ketawa*] Silakan Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Saya setuju tanah-tanah adat ini perlu dirizabkan itu saya setuju dan itu maksud saya tadi iaitu perlu dirizabkan. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Adrian bahawa sekarang ini moden dan tanah adat itu hendak dibuktikan mesti mengikut kubur-kubur lama atau sejarah lama daripada turun temurun dan mereka boleh membuktikan bahawa mereka tinggal di situ dan itulah yang memberi kemenangan di dalam mahkamah. Kalau mengikut moden, buat *mapping*, dengan izin, buat peta komuniti, itu lebih baik. Itu sokongan untuk menunjukkan bahawa tanah adat itu daripada segi ia punya *boundary*, dengan izin.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Senator, boleh tanya sikit tidak lanjutan daripada itu sebab hendak tanya soalan pada Menteri untuk jawab. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, saya rasa permasalahan itu timbul ialah berasas kepada satu sistem undang-undang tanah kita yang kita guna pakai selama ini apabila berlaku penggubalan Kanun Tanah saya ingat 60-an... [*Disampuk*] Tahun 1964 kerana kita ketika itu kita telah mengambil aspirasi *Torren System* iaitu pendaftaran adalah segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *mirror principal*.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ya, dipanggil "pendaftaran" sebenarnya. Jadi saya walaupun dalam konteks yang lain apabila kita membela contohnya kampung Tanjung Tokong dulu, saya terlibat membela Kampung Buah Pala, saya terlibat membela kampung nelayan Cina, apabila kita berhujah di atas dasar ini Kampung Warisan, ini Kampung Budaya, hujah-hujah sebegitu sukar hendak diguna pakai di mahkamah.

Jadi saya rasa mungkin tiba, ini pandangan sayalah, mungkin boleh tanya Menteri, kita perlu mengambil pendekatan di India ataupun pendekatan di *England* yang mana mengiktiraf *adverse possession*. *Adverse possession* ini sehingga hari diamalkan di negara Komanwel yang lain yang mana mengiktiraf masyarakat tertentu yang tinggal lama di situ mereka perlu buktikan. Sekiranya kalau mereka boleh buktikan, mereka boleh mendapat hak kalau benda itu tidak di masuk- kenapa saya cakap macam itu, kerana ketika mana saya bagi contoh di Balik Pulau kampung kawasan saya, kalau itu tidak diputuskan saya khuatir hampir banyak kampung-kampung akan hilang di atas nama ekonomi pasaran.

Kadang-kadang kita ingat kita bagi alasan kita tidak akan lulus pelan pembangunan kalau kita tidak uruskan apa yang dipanggil *squatter*, saya tidak terima orang panggil *squatter* Tuan Yang di-Pertua, saya marah. Ini bukan *squatter*, dia pergi sekolah sama kita tiba-tiba sebab undang-undang jadi pendatang di kampung sendiri, saya tidak terima. Jadi pemaju akan buat mudah saja, lantik peguam, hantar *eviction letter*. Pergi ke mahkamah, *summary application*, untuk pengetahuan kawan-kawan *summary application* ialah permohonan cepat tanpa *evidence* dan sebagainya.

Bagi saya dalam dunia sekarang kalau kita sebagai penggubal dasar melihat undang-undang tanah kita hari ini tidak mampu untuk *respond to the challenge on the ground* iaitu pendudukan secara tradisi, pendudukan secara warisan, Orang Asli, orang lama. Saya rasa tiba masanya juga mungkin kalau Yang Berhormat rasa benda ini masuk akal maknanya Menteri adakah kita perlu kembalikan satu prinsip undang-undang mungkin dalam keadaan tertentu *reception* bukan semua, mungkin tidak semestinya 20 tahun duduk tidak boleh lagilah, mungkin sudah duduk 50 tahun, 100 tahun.

Dokumen ada, saya kata mungkin boleh dipertimbangkan di kala kita ekonomi pasaran sentiasa tidak membela golongan-golongan yang marhaen. Jadi mungkin saya rasa undang-undang perlu masuk untuk mempertahankan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Nga Hock Cheh: Boleh saya bantu jelaskan? *Adverse position* di bawah *National Land Code* atau Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Kanun.

Tuan Nga Hock Cheh: Tidak boleh dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Apabila Menteri datang Yang Berhormat boleh tolong... [*Dewan ketawa*]

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat nampaknya banyak soalan yang berminat tentang isu.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak orang yang hendak bantu Orang Asli ini.

Tuan Manolan bin Mohamad: Memang kena bantu. Jadi ramai hendak bantu dan saya mohon semua yang bagi pandangan tadi masuk dalam saya punya ucapan, perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat cukuplah Yang Berhormat... [*Dewan ketawa*] Ada banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Manolan bin Mohamad: Ada lagi, ada sikit lagi. Banyak isu ini Tuan Yang di-Pertua tapi tidak apa saya sentuh sikit saja. Saya hendak tanya dekat Menteri, belum tanya ini tadi huraian saja.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas, secara ringkas saja.

Tuan Manolan bin Mohamad: Secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah huraian.

Tuan Manolan bin Mohamad: Saya bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, pada Menteri, bagaimanakah cara dia untuk memberi pampasan yang setimpal iaitu mengikut harga pasaran dan adakah dengan pindaan Akta 134 tahun 1994, seksyen 11, dan 12, ini untuk dipinda untuk memberi pampasan yang setimpal mengikut harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu berkenaan dengan rumah PPRT. Rumah PPRT telah dibina 6,246 pada tahun 2016. Yang Berhormat Menteri Perumahan ada [*Ketawa*] Ini saya tujukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Menteri Pembangunan Luar Bandar. Kita sedia maklum kos sebuah rumah yang pada masa sekarang ini sekitar RM35,000 ke RM40,000 sebuah maka itu kita hanya mampu membina 6,246 unit rumah sahaja.

Maka itu saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian bercadang untuk menggunakan satu Sistem Bangunan Berindustri (IBS). Di mana sistem pembinaan ini menggunakan komponen-komponen yang pra siap di mana ia disediakan di kilang dan kontraktor membuat pesanan mengikut saiz yang diminta oleh kontraktor. Kos ini boleh menjimatkan sekitar RM20,000 kos sebuah maka itu saya ingin bertanya, adakah kementerian bercadang untuk menggunakan sistem ini di mana kita boleh menambah kuantiti rumah tersebut kepada masyarakat Orang Asli sebab Orang Asli ramai memerlukan rumah dan sekarang ini sebuah rumah itu didiami oleh dua, tiga orang keluarga. Kita satu rumah satu keluarga tetapi Orang Asli ini satu rumah empat keluarga, satu rumah itu.

Jadi saya rasa sistem ini mungkin boleh diberi pandangan yang serius oleh pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia berkenaan dengan perkhidmatan jalur lebar. Ada enam perkampungan Orang Asli sahaja yang memiliki perkhidmatan jalur lebar ini, *broadband*.

■1710

Di Negeri Sembilan ada enam, di Pahang tidak ada, kosong. Walaupun Pahang dan Perak ini mempunyai bilangan penduduk Orang Asli yang paling ramai di Malaysia tetapi di Pahang kosong dan di Perak ada satu sahaja. Ini menyebabkan ramai Orang Asli nanti tidak dapat maklumat ataupun informasi yang tepat dan cepat untuk pendidikan mereka. Akhir sekali, berkenaan dengan- banyak ini Tan Sri sebenarnya. Akan tetapi tidak apa, berkenaan dengan infrastruktur, ini yang paling penting saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu kluatir, bila Menteri jawab, boleh celah.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi tidak apa, saya mungkin boleh masukkan...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas, selepas ini pun Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid akan cakap perkara yang sama juga.

Tuan Manolan bin Mohamad: [*Ketawa*] Boleh teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit? Tiga minit Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tiga minit, *okey, okey*. Berkenaan dengan infrastruktur, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM926 juta untuk membina jambatan dan juga jalan-jalan kampung.

Jadi, saya memohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melihat jalan-jalan di perkampungan Orang Asli ini, khususnya di Gua Musang, di Perak dan juga di pedalaman negeri Pahang. Ini kerana jalan ini sangat penting Tan Sri. Oleh sebab apabila jalan ini dibuat dengan baik, mereka boleh untuk keluar masuk menjual hasil-hasil pertanian mereka. Kalau jalan ini tidak baik, memang boleh merencatkan pendapatan dan juga ekonomi mereka.

Jadi akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 2 November 2018. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

5.12 ptg

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam muafakat Dewan Negara.

Terima kasih kerana memberi ruang bagi saya bagi perbincangan Bajet 2019 yang bertemakan Malaysia berwibawa, ekonomi dinamik, rakyat sejahtera. Saya terus kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Beliau amat mengalu-alukan analisa dan teguran daripada pelbagai pihak, termasuk media mengenai Belanjawan 2019 ini. Kerajaan bersedia untuk menjawab segala teguran dan penjelasan yang akan dibuat jika sesuatu yang belum jelas.

Justeru Dewan yang mulia ini, saya mengambil peluang untuk memberi input dan maklum balas isu dan permasalahan, perhatian dan tindakan, keperluan dan harapan masyarakat Orang Asli dalam Bajet 2019. Bajet 2019 bagi masyarakat Orang Asli diperuntukkan RM100 juta.

Amatlah terhad dan tidak mencukupi. Kita faham negara dalam kemelesetan ekonomi, keberhutangan yang tinggi, rasuah dan kelemahan urus tadbir negara. Namun, kepentingan masyarakat Orang Asli yang jauh di pedalaman, yang masih lemah dan daif perlulah diberi fokus dan keadilan serta kesaksamaan seperti masyarakat lain di negara ini. Kita maklum masyarakat Orang Asli kekurangan sumber air, keciciran pendidikan, terutamanya masalah tanah di Gua Musang, isu-isu infrastruktur dan sebagainya.

Pada 2018, JAKOA diperuntukkan RM123 juta, banyak merungut isu masalah perumahan dan sebagainya. Kalau kita melihat di Pahang sahaja, keperluan kita Jalan Pos Betau ke Pos Lenjang 25 kilometer dengan anggaran kos RM20 juta. Pos Induk Kelabu 7 kilometer RM2 juta, Kampung Baung ke Pos Poi anggaran RM10 juta. Jika kita dapat melihat satu alternatif kepada jalan-jalan luar bandar ini, saya mengesyorkan kepada JAKOA untuk membuat satu jalan istilah jalan *crusher run* ataupun, dengan izin, ataupun batuan hancur.

Oleh sebab kalau kita melihat satu jalan pedalaman yang 25 kilometer, 20 ke 30 kilometer anggaran hampir RM30 juta. Akan tetapi anggaran kos satu kilometer untuk *crusher run* tidak lebih RM200 ribu. Maka, ini kita lihat bahawa banyak jalan-jalan luar bandar dapat kita buat sebab kita melihat jalan-jalan pedalaman di Pahang, Kelantan dan juga Perak masih terlibat dengan pengeluaran hasil balak, bijih.

Oleh sebab itu, jalan-jalan yang dibina, jalan *premix* oleh KPLB kerap hancur. Oleh sebab itu, saya menyarankan kepada KPLB dan juga JAKOA untuk melihat nilai yang sangat praktikal dengan kos bagi jalan-jalan pedalaman itu dengan pembinaan jalan *crusher run*, dengan izin. Oleh sebab itu, saya melihat dengan anggaran kos RM100 juta ini amatlah jauh untuk memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli. Kalau kita lihat keperluan peruntukan infrastruktur sahaja lebih RM1 juta.

Tidak termasuk sosioekonomi hampir RM5 juta, pendidikan biasiswa, program latihan belia, program latihan berkerjaya RM10 juta, usahawan dan koperasi hampir RM3 juta. Secara totalnya keperluan melebihi RM150 juta.

Tuan Yang di-Pertua, isu tanah masyarakat Orang Asli juga amat serius. Tadi telah dibentangkan dengan lebar oleh Yang Berhormat Senator Tuan Monalan bin Mohamad. Di sini saya terus menjelaskan kepada isu supaya tanah-tanah masyarakat Orang Asli dapat diiktiraf dan dimiliki secara sah. Maka, sesuatu yang penting ialah pengukuran kawasan, pengukuran ukur keliling dan juga pengukuran halus bagi pemberian geran-geran bagi tanah lot. Maka dengan ini, saya memohon soalan kepada JPM dan JAKOA, berapakah anggaran kerja bajet ataupun bajet kerja ukur bagi 2017, 2018 dan anggaran bagi 2019?

Tuan Yang di-Pertua, fokus satu melaksanakan reformasi institusi meningkatkan hasil kerajaan bagi mencapai objektif dan meningkatkan pertama *leverage* hasil kerajaan. Saya menyokong usaha kerajaan untuk menaikkan duti kasino ke 35 peratus. Duti setem judi dinaikkan ke 30 peratus, ini sebagai langkah mengurangkan gejala sosial dan masalah remaja hari ini yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, fokus dua memastikan kesihatan rakyat bagi menjamin dan meningkatkan kualiti. Pengecualian ini juga- fokus keempat ialah bagi menstabilkan bekalan dan menyeragamkan hasil barangan keperluan, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Saya melihat perkara ini juga diberi ruang kepada masyarakat Orang Asli pedalaman atau masyarakat luar bandar.

Saya dapat maklum daripada sahabat saya, harga tong gas di pedalaman Pos Simpo, pedalaman Kelantan bernilai RM50 setong. Bayangkan harga di pasaran di pinggir bandar RM27, kalau kita hantar dalam RM31. Maka, kita melihat perlunya langkah KPDNKK membuat satu tindakan bagaimana menangani isu yang terlalu tinggi di kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia.

Isu yang agak penting saya ingin terangkan di sini ialah sejak kebelakangan ini, masyarakat bandar suka melancong di kawasan perkampungan Orang Asli. Telah wujud projek ekopelancongan yang sangat baik di beberapa tempat. Dengan suasana sungai yang bersih, air terjun yang cantik, flora dan fauna yang unik, tarian masyarakat Orang Asli, sewang, menyempit dan sebagainya, kita melihat ekopelancongan merupakan satu strategi baru dalam meningkatkan sosioekonomi Orang Asli.

Dalam ekopelancongan ini, ianya bertemakan konsep *homestay* dan juga *kampungstay*. Baru-baru ini saya telah pergi ke Kampung Pos Kuala Mu di pedalaman Sungai Siput. Apabila Majlis Senator merancang untuk membuat Program Kembara Prihatin Majlis Senator hendak memasyarakatkan Dewan Negara, maka dengan ini kita

lihat tempahan ataupun, dengan izin, *fully booked* daripada Oktober sehingga hujung Disember. Maka, program kita terpaksa ditangguhkan ke bulan Januari.

Maka dengan itu, saya melihat bahawa ekopelancongan ini perlu diperkasakan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Kalau kita melihat ekopelancongan yang agak popular, Ekopelancongan Pos Kuala Mu, Lasah, Perak, Ekopelancongan Kampung Bumbang, Kuala Langat, Selangor. Ekopelancongan Temuan Abo, Rembau, Negeri Sembilan, Ekopelancongan Kampung Redip, RPS Kuala Betis, Gua Musang dan Ekopelancongan Pos Sindor, Lipis.

Maka di sini saya mengucapkan tahniah kepada JAKOA dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta penyelia IPT yang telah bekerjasama bagi menjayakan program ekopelancongan ini dengan jayanya supaya isu-isu kemiskinan, isu-isu sosioekonomi dapat ditingkatkan. Soalan saya kepada MOTAC, apakah usaha kementerian dalam mempromosikan dan menyokong daripada segi dana bagi ekopelancongan Kampung Orang Asli Pos Kuala Mu dan juga Pos Sindor di Pahang?...

■1720

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mencelah.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Saya cuba hendak mendapatkan pencerahan berhubung Orang Asli ini, adakah mereka ini benar-benar memerlukan bantuan kewangan? Kita ada kan ekopelancongan dan macam-macam program untuk menjana pendapatan tetapi saya hendak tahu sama ada mereka perlukan bantuan kewangan seperti ini.

Oleh kerana pengalaman saya di Shah Alam, Bukit Bandaraya, kita sudah buat rumah Tuan Yang di-Pertua, rumah batu, sudah siap dan memang ganti tanah mereka yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Kita buatkan rumah, mereka tinggal rumah duduk balik atas bukit di Bukit Cerakah itu. Ini kita boleh buktikan sekarang ini. Jadi saya pun tertanya-tanya macam mana kedudukan Orang Asli ini.

Lagi cerdik dia Tuan Yang di-Pertua, bila kita bentangkan program, kita lukis rumah ada dua biji kereta dalam itu, bila umah siap, dia minta dua biji kereta itu Tuan Yang di-Pertua. Ini realitinya. Jadi ada sebahagiannya, dia tahu menilai keperluan itu. Dalam satu keadaan, dia tinggal rumah, dia balik ke bukit ke dalam hutan, lagi selesa. Dia bawa kereta masuk dalam bukit, dalam hutan itu Tuan Yang di-Pertua, bagaimana? Mohon pencerahan. Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran. Saya melihat isu Orang Asli pendekatan yang kadang-kadang kita buat secara *random*. Asal sahaja Orang Asli, kita *patent*-kan satu *approach*. Ini yang kadang-kadang kita melihat suatu kegagalan sebab kita ada 18 etnik, *by localities same ethnic*, dengan izin, pun *different approach* kita kena buat.

Oleh sebab itu pendekatan yang saya lihat Pos Kuala Mu ini sangat menarik sebab mereka membangunkan *homestay* ini bukan dengan duit kerajaan. Mereka *collect* satu keluarga RM50, beli paku, beli tukul, beli gergaji, sumber hutan, kayu, buluh dia ambil sendiri dan akhirnya dia membina tiga *homestay* peringkat awal. Akhirnya berkembang dengan sewaan dan sebagainya. Sekarang sudah ada 15 unit *homestay*. Apabila dia sudah berjaya, maka barulah JAKOA dan MOTAC menghulurkan bantuan dan kita lihat kerjasama yang menarik apabila IPT, pengkaji-pengkaji turut sama membuat kursus pada 12 November hingga 18 November hari itu supaya pendekatan-pendekatan yang praktikal dalam kita menguruskan ekopelancongan.

Oleh sebab baru-baru ini bersama dengan Majlis Senator saya turun, apabila wujud suatu *homestay* di situ, *kampung stay*, saya minta mereka menternak ayam kampung, mencari ayam hutan. Oleh sebab masyarakat bandar masuk ke kampung Orang Asli, bukan hendak makan barbeku ayam bandar. Dia hendak sup ayam kampung, kari ayam hutan. Itu pun saya minta mereka boleh carikan ikan kelah, mungkin kambing. Kalau kambing gurun payahlah tetapi kambing kampung mungkin mudah. Ini yang kita hendak tolong memberi suatu pendekatan yang praktikal kepada pembangunan ekonomi *homestay*.

Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Dalam sosioekonomi masyarakat Orang Asli di pedalaman Sungai Siput ini, saya melihat kita sedang membangunkan ekopelancongan yang menjadi contoh.

Namun, Jabatan Perhutanan telah mengadakan suatu sekatan jalan raya dan mengenakan permit masuk ke kampung Orang Asli. Isu saya ialah mengapa Jabatan Perhutanan tidak menjalankan satu tanggungjawab sosial bersama-sama dengan masyarakat Orang Asli untuk memajukan dan menjaga sumber hutan dan membangunkan ekopelancongan yang berasaskan alam sekitar? Oleh sebab apabila ada sekatan dan juga kos bayaran permit memasuki kawasan ini menyebabkan NGO-NGO berkurangan dan pengunjung-pengunjung sudah mula kurang datang.

Itu sebab saya melihat bahawa JAKOA dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ada mesyuarat penyelarasan supaya mesyuarat penyelarasan ini dapat

mengambil tindakan di dalam dewan mesyuarat, bukan di dalam hutan. Oleh sebab apa yang saya lihat, sepatutnya isu-isu ini dibincangkan dalam jawatankuasa mesyuarat bersama. Tidak lagi melihat bahawa isu masyarakat Orang Asli yang menduduki hutan simpan menjadi isu sebab Orang asli lebih awal duduk dalam rizab hutan simpan. Ada 281 kampung Orang Asli dalam hutan simpan, 33 peratus. Maka, ini Jabatan Perhutanan sepatutnya bersyukur Orang Asli duduk dalam hutan, menjaga alam sekitar, menjaga hutan. Ini kerjasama yang sepatutnya dilihat oleh Jabatan Perhutanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang isu yang saya lihat amat sedih iaitu bantuan catuan makanan bernilai RM2.50. Saya berharap bila JAKOA berpindah kepada JPM ini, lihat JPM itu macam dekat dengan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri dekat dengan Perdana Menteri, dapatlah lihat perkara ini sebab kita lihat RM2.50 tidak sesuai lagi dengan pelajar-pelajar Orang Asli di pedalaman.

Oleh sebab itu saya melihat perkara yang kedua, isu wang saku. Walaupun wang saku RM2.50 ini satu galakan tentang kehadiran, namun bagi masyarakat peribumi, masyarakat Orang Asli di Kelantan, pedalaman Perak, RM2 inilah untuk dia makan waktu rehat.

Oleh sebab kalau dia duduk di asrama pun, sarapan di asrama pukul 6.30 pagi. Hendak tunggu makan tengah hari selepas dia balik sekolah, pukul 2.30 petang. Sekolah balik 1.50 petang. Ada yang 2.15 petang. Maka waktu rehat itu, dia tidak ada dapat makan apa-apa. Maka mengharapkanlah wang saku RM2.50 ini sebagai insentif kehadiran ditambah dengan nilai yang saya kata yang sangat praktikal, RM5.

Oleh sebab nilai RM2.50 ini 15 tahun dahulu yang dianggarkan tetapi sekarang ini sudah tidak sesuai. Maka itu, saya memohon Jabatan Perdana Menteri melihat dan apakah peruntukan catuan makanan yang tadi dan juga peruntukan wang saku ini dapat ditingkatkan pada tahun 2019.

Begitu juga dengan elaun makan bantuan IPTS, hanya RM150 sebulan. Maka tidak sesuai lagi dengan kos hari ini. Kalau kita makan pun RM15 paling rendah pun, RM450. Maka ini saya melihat suatu keprihatinan kerajaan baharu ini terhadap masyarakat Orang Asli.

Kedua, saya menyentuh tentang Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA), suatu pusat pelajar zon kemenjadian pelajar Orang Asli. Daripada pelajar UPSR yang hanya 3A atau 2A, 3A atau 2A sahaja tetapi apabila masuk PT3, mereka cemerlang 6A hingga 8A. Sebanyak 60 peratus 6A ke atas. Baru-baru ini pelajar yang membaca ikrar di Hari Merdeka adalah pelajar PIPOA yang sekarang dia berada di Maktab Tentera Diraja.

Ini suatu kebanggaan masyarakat Orang Asli. Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan, kepada JPM dan JAKOA untuk mewujudkan PIPOA di Zon Utara. Kita

tahu kemiskinan yang serius ialah Banjaran Titiwangsa iaitu poket kemiskinan di Tapah, Gerik. Maka kalau dapat diwujudkan satu PIPOA di Zon Utara untuk Tapah dan Gerik dan juga di Selatan iaitu di Johor bagi Zon Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan JAKOA, saya terus kepada *point* sahaja iaitu bagi memperkasakan JAKOA kita- saya telah bahaskan dalam setiap perbahasan bajet dan juga hari itu dalam KSP RMKe-11. Saya teruskan kepada isu, perlunya JAKOA mewujudkan jawatan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, ada lagi berapa minit?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Rasanya lima minit hingga sepuluh minit, boleh. Perlunya jawatan penasihat undang-undang-undang di JAKOA. Isu pencerobohan tanah, isu penjualan pajakan tanah haram, isu pertindihan kawasan tanah Orang Asli seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Bob tadi, memerlukan satu jawatan khas penasihat undang-undang di JAKOA.

Kedua, perlunya pegawai penyelaras koperasi yang boleh dipinjam perjawatan di SKM. Oleh sebab, koperasi Orang Asli ada 94 buah pada Julai 2017 dan sekarang ini melebihi 100 buah koperasi. Maka kita berharap, penyelaras koperasi ini dapat menghidupkan dan membangunkan sosioekonomi dalam perniagaan koperasi.

Ketiga, penyelarasan seni dan kebudayaan. Pegawai MOTAC mungkin boleh membuat pinjaman perjawatan ke JAKOA bagi menghidupkan seni dan budaya serta meningkatkan ekopelancongan masyarakat Orang Asli.

Kemudian, jawatan akauntan mengurus bajet. Kini kes-kes AP58 Laporan Audit Kewangan, bayaran lewat kepada pelanggan-pelanggan kontraktor dan sebagainya, agak tinggi di JAKOA. Maka, itu perlunya akauntan di setiap JAKOA negeri. Jawatan jurutera di JAKOA negeri juga sebab projek pembangunan melebihi 30,000 hingga 40,000. Maka, pematuhan spesifikasi, kurangnya pengesahan *progress* dan sebagainya, menyebabkan banyak projek tertangguh, projek lewat ataupun projek sambung pada tahun berikutnya.

Seterusnya saya mencadangkan kepada JPM JAKOA mewujudkan Majlis Penasihat Orang Asli Kebangsaan bagi memberikan pandangan dan tindakan praktikal kepada JAKOA.

■1730

Majlis Penasihat ini hendaklah terdiri daripada aspek-aspek Orang Asli yang terdiri daripada pendidikan, perniagaan, koperasi, peguam dalam pelbagai bidang. Maka, dengan ini akan membantu JAKOA untuk memberi idea yang praktikal bagi kesinambungan dan kemajuan masyarakat Orang Asli. Juga mencadangkan supaya Batin Orang Asli dan Pengerusi MPKK diberi sijil tauliah kepimpinan kebatinan.

Oleh sebab isu kita masyarakat Orang Asli ialah *delivery system*, dengan izin. Sistem penyampaian kepada komuniti adalah sangat terhad, JAKOA negeri kepada JAKOA daerah, JAKOA daerah kepada Batin, Batin kepada MPKK, kepada masyarakat orang kampung. Oleh sebab itu banyak isu yang kita lihat agak ketinggalan, maka dengan ini Batin-batin dan MPKK perlu diperkasakan dengan satu kursus intensif yang berkala yang boleh dikendalikan oleh INFRA ataupun INTAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh keseluruhan bajet KPM pada tahun ini RM60.2 bilion iaitu 19.1 peratus bagi tujuan pendidikan. Manakala bagi tujuan menaik taraf sekolah, sejumlah RM652 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM615 juta. Soalan saya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, berapakah peruntukan yang telah dilaksanakan bagi menaik taraf dan penyelenggaraan sekolah Orang Asli pada tahun 2018 dan peruntukan anggaran yang dicadangkan pada tahun 2019?

Seterusnya saya menyentuh perkara yang agak penting iaitu JAKIM. Dalam peruntukan RM1.2 bilion disediakan untuk kemajuan syiar Islam ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peraturan 11(5), saya ada kuasa untuk meneruskan selama 15 minit tanpa usul, sebab itu saya hendak Yang Berhormat ini habiskan perbahasan, terima kasih. Silakan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih. Peruntukan sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan untuk kemajuan syiar Islam. Bukti kerajaan tidak meminggirkan pembangunan agama yang syumul ini. Peruntukan ini juga lebih tinggi sebelum ini berbanding RM1.1 bilion dan ini juga pentingnya program ini termasuk pembinaan masjid dan surau di seluruh negara.

Bagi memperkasakan *maqasid syariah* dan *rahmatan lil alamin*- rahmat untuk seluruh umat, maka saya menyarankan supaya JAKIM dapat memperkasakan penggerak-penggerak yang bertugas di perkampungan Orang Asli. Kita banyak menerima aduan dan laporan isu-isu Penggerak-penggerak JAKIM dari segi menyampaikan program-program di pendalaman. Maka itu, JAKIM sepatutnya lebih ke hadapan dalam mengurus tadbir pembangunan syariat Orang Asli Islam yang sebahagian besarnya agak longgar dari segi amalan dan penghayatan.

Maka itu, bagi memperkasakan Penggerak, elaun khas kerja pendalaman hendaklah disediakan lebih tinggi. Ini kerana kerja yang dilaksanakan oleh Penggerak agak sukar, jauh di pendalaman, tanah merah yang berselut dan menggunakan pacuan empat roda. Saya mengucapkan tahniah kepada JAKIM yang telah melaksanakan pelbagai program termasuk program *Breakfast Talk*, *Lunch Talk*, dengan izin, seminar kepimpinan, kursus penghayatan dan baru-baru ini JAKIM telah menganjurkan Seminar Kepimpinan Masyarakat Orang Asli Islam di Kuantan.

Dengan kerjasama majlis-majlis agama negeri-negeri dan NGO-NGO dan juga NGO Orang Asli Islam hendaklah diwujudkan satu jawatankuasa muafakat bagi merencanakan program yang lebih tersusun. Soalan saya kepada JAKIM, adakah terdapat jawatankuasa penyelaras JAKIM dan majlis-majlis agama bagi mengurus tadbir program dan juga aktiviti kebajikan masyarakat Orang Asli di seluruh negara. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana telah menyediakan peruntukan hampir RM3 juta bagi pembangunan masyarakat Orang Asli Islam pada tahun 2018 dan juga pada pembentangan bajet bulan lepas, sebanyak RM1.7 juta diperuntukkan pada Pusat Tamadun Orang Asli negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai YB yang berasal daripada kawasan Benut ingin membangkitkan isu pembinaan semula jambatan Kampung Sepah Beruang, Mukim Sungai Pinggan, Benut. Jambatan ini telah runtuh pada 24 Januari yang lepas dan jambatan ini menghubungkan ke Pekan Benut dan keruntuhan jambatan ini telah menyukarkan 1,500 orang penduduk yang terdiri daripada lima kampung iaitu Kampung Parit Sayang, Parit Lapis Sayang, Kampung Baru Orang Asli Kuala Benut, Taman Datuk Ali dan Kampung Sepah Beruang. Soalan saya kepada Kementerian Kerja Raya, memohon menjelaskan status projek jambatan Kampung Sepah Beruang dan jambatan Kampung Parit Markom yang telah runtuh pada Januari 2017. Adakah projek jambatan termasuk dalam senarai projek tahun 2019?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan di bawah Kementerian Luar Bandar?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Bukan Kementerian Luar Bandar.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang urus tadbir Parlimen. Bagi meningkatkan urus tadbir di Parlimen sama ada di Dewan Negara atau di Dewan Rakyat, mengenai kehadiran-kehadiran Yang Berhormat di Parlimen ini.

Parlimen tempat membuat dasar dan perundangan negara, kita membuat perbahasan bersoal jawab, meluluskan dan menyemak rang undang-undang dan sebagainya. Maka dengan itu, kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat amat penting di dalam Dewan Negara. Yang Berhormat telah dibayar gaji dan elaun, tanggungjawab menjadi Yang Berhormat sangatlah besar. Namun kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dan Dewan Rakyat amat mendukacitakan.

Rakyat melihat Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersidang di sepanjang hari. Kesibukan kita sebagai Ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Menteri mestilah ditunjukkan dengan komitmen yang tinggi. Kita tidak mahu sesetengah Ahli Yang Berhormat hanya muncul *check-in*, dengan izin, untuk sesi pagi yang ada di siaran TV semata-mata. Selepas itu, *check-out* tanpa hadir lagi, dengan izin.

Saya mencadangkan pembayaran elaun kehadiran mengikut hari bertugas. Jika hadir separuh hari, bayar separuh. Jika hadir penuh, bayar penuh. Oleh sebab, dengan ini kita akan dapat menjimatkan duit kerajaan. Oleh sebab bagi saya, Ahli Yang Berhormat mesti mempunyai akauntabiliti dan responsibiliti. Dengan ini kita dapat meningkatkan kualiti-kualiti kita sebagai Ahli Yang Berhormat yang bersidang di Parlimen.

Saya tutup perbahasan saya dengan sebuah puisi dan dua buah pantun.

*Tuan Yang di-Pertua amatlah tegas,
Supaya YB santun berbahas.*

*Timbalan Yang di-Pertua suka berpantun,
Budi bahasa kemas tersusun.*

*Setiausaha Dewan cekap dan telus,
Berbahas dan soal bijak diurus,*

*Bentara rajin mengurus Dewan,
Pebahasan lancar semua berkawan.*

*Jika Tuan Yang di-Pertua tidak dihormati,
Tentu YB asyik berkelahi.*

*Jika YB selalu hilang,
Tentu rakyat jual temberang.*

*Jika YB selalu tidur,
Tentu rakyat asyik berdengkur.*

*Jika YB berpolitik sahaja,
Sahabat saudara silaturahim tiada.*

*Jika YB menunjuk angkuh,
Tentu rakyat jadi mengeluh.*

*Jika YB asyik berangan,
Masalah rakyat tidak keruan.*

*Jika YB tidak beradab,
Tentu rakyat hilang adat.*

*Jika YB asyik bertelagah,
Tentu rakyat suka berbalah.*

Saya akhiri dengan dua rangkap pantun.

*Pak Malau jual berangan;
Jual sampai ke rumah Mak Limah;
Pemberian subsidi semakin berkurangan;
Harap rakyat belanja berhemat.*

*Nak pilih anak dara atau janda;
Nak pilih duda atau yang dah berbini;
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua;
Saya sokong Bajet Ini.*

Sekian, Terima kasih.... [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak melanjutkan masa, Yang Berhormat tidak dapat berpuisi... [*Dewan ketawa*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan pukul 5.38 petang. Dewan akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 13 disember 2018.

Sekian. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.39 petang]